

DN 19.7.2007

i

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 18

Khamis

19 Julai 2007

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2007 (Halaman 28)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik) (LS)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik) – *T.M di JPM*
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
6. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
7. “ Tuan Ahmad bin Husin (Perlis)
8. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
9. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
10. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
11. “ Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
12. “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik) (LS)
13. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
14. “ Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
15. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
16. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
17. “ Tuan Ir. Hiang A Li (Pahang)
18. “ Datuk Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
19. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
20. “ Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak (Selangor) (PS)
21. “ Dato' Ismail Kassim (Perlis) (LS)
22. “ Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin (Dilantik)
23. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
24. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik) (LS)
25. “ Datuk Latiff bin Datuk Haji Tamby Chik (Melaka)
26. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
27. “ Datuk Dr. Lee Chong Meng (Dilantik)
28. “ Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL) (LS)
29. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
30. “ Tuan Maijol bin Mahap (Sabah)
31. “ Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi [Dilantik] – *Menteri Di JPM*
32. “ Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)

33. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)
34. " Puan Mumtaz binti Md Nawi (Kelantan)
35. " Tuan M. Munusamy (Dilantik)
36. " Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
37. " Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik) (LS)
38. " Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie [Terengganu]
39. " Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn (Dilantik)
40. " Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik) - *Menteri Kewangan Kedua* (LS)
41. " Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik)
42. " Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
43. " Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik) (LS)
44. " Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
45. " Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
46. " Dato' Rhina Bhar (Dilantik)
47. " Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
48. " Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
49. " Datuk Soon Tian Szu [Melaka]
50. " Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
51. " Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan) (PS)
52. " Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Dilantik) (LS)
53. " Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin (Pahang)
54. " Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis) (LS)
55. " Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik) (LS)
56. " Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik)
57. " Tuan Tan Bon You (Dilantik)
58. " Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
59. " Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik) – *SUP* (LS)
60. " Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
61. " Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)
62. " Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis) (PS)
63. " Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik) (LS)
64. " Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan) (PS)
65. " Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah) (PS)
66. " Dato' Yip Kum Fook (Selangor)

DEWAN NEGARA

SETIAUSAHA DEWAN NEGARA

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Hajah Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Amran

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Leela binti Sahad

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fahkri

Nurul Shahida binti Haji Ahmad

Siti Khadijah binti Md Nor

Nooruanizam binti Nasir

Meraliti binti Mamat

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
KHAMIS, 19 Julai 2007
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum daripada itu Dewan Negara ingin mengalu-alukan kehadiran Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal agama Islam. Silakan Puan Hajah Sharifah Azizah.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekali gus saya mengalu-alukan kehadiran Menteri Pengangkutan yang juga hadir pada pagi ini. Terima kasih. Silakan Puan Hajah Sharifah Azizah Dato' Syed Zain.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas rasa tanggungjawabnya, maka hari ini bersama kita.

1. **Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta Perdana Menteri menyatakan, bidang kuasa JAKIM di dalam menguatkuasakan undang-undang di semua pusat hiburan yang didapati menerima kunjungan orang Islam terutamanya golongan remaja dan nyatakan apakah masalah yang dihadapi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ditubuhkan adalah bagi tujuan menyelaras hal ehwal Islam di Malaysia termasuk penyelarasan undang-undang.

Walau bagaimanapun, kuasa menggubal dan menguatkuasakan undang-undang syariah adalah di bawah bidang kuasa negeri, sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Jadual Kesembilan, senarai dua, senarai negeri Perlembagaan Persekutuan. Pada masa ini semua negeri di Malaysia telah mengadakan beberapa peruntukan berkaitan dengan kesalahan-kesalahan syariah nahi mungkar dan penguatkuasaan dikenakan ke atas setiap individu Muslim.

Terdapat beberapa peruntukan dan kesalahan-kesalahan lain yang boleh diambil tindakan. Di antaranya ialah kesalahan berjudi, minuman yang memabukkan, pelacuran, orang lelaki berlagak seperti perempuan dan perbuatan tidak sopan di tempat awam.

Masalah utama yang dihadapi oleh JAKIM dalam menguatkuasakan kesalahan berkenaan ialah dari segi bidang kuasa, di mana kuasa mengkanunkan dan menguatkuasakan undang-undang kesalahan syariah adalah di bawah bidang kuasa negeri, tambahan pula dalam akta ataupun enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri tidak memperuntukkan tentang kesalahan kunjungan orang Islam di pusat-pusat hiburan. Sekian, terima kasih.

Dato' Ismail Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, apakah tindakan pemantauan berterusan yang boleh diambil terhadap umat Islam yang ingkar dan masih memasuki premis-premis berkenaan ataupun tindakan ini hanya diambil berdasarkan kepada laporan yang dibuat oleh orang ramai.

Yang kedua Yang Berhormat tidak menyebut tadi orang lelaki yang menjadi perempuan. Apa kata pula kalau orang perempuan yang menjadi orang lelaki.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Kuasa yang ada pada JAKIM itu adalah kuasa penyelarasan. Sebagaimana kita ketahui kalau negeri-negeri daripada sultan iaitu kalau negeri yang ada sultan, kalau tidak di bawah kuasa Agong iaitu Yang di-Pertuan Agong memperuntukkan kepada Majlis Agama Islam, daripada Majlis Agama Jabatan Agama.

Kalau di peringkat Persekutuan, daripada Majlis Raja-Raja kepada MKI, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Islam itu adalah merupakan kuasa yang diperuntukkan oleh Majlis Raja-Raja. Kemudian agensi yang menjalankan tugas ialah JAKIM. Daripada bawah Majlis Raja-Raja, urusan setianya JAKIM. Itu merupakan struktur di peringkat Persekutuan.

Kita tahu kuasa dalam bidang agama ini adalah merupakan kuasa negeri. Agensi Pusat seperti JAKIM ini tugasnya ialah menyelaraskan atau pelarasan. Bidang kuasa ada pada negeri-negeri. Kebetulan ada Wilayah Persekutuan juga dianggap sebagai negeri iaitu yang diperuntukkan oleh Parlimen. Parlimen Malaysia melalui aktanya kemudian ada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan sebagai kuasa yang menjalankan tugas, seterusnya JAWI, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan ialah sebagai urusan setia yang melaksanakannya.

Sebagaimana yang telah ditimbulkan soalan yang pertama dan juga soalan tambahan itu, jelas sekali bahawa tugas untuk menguatkuasakan adalah tugas negeri-negeri, cuma yang ada pada JAKIM, saya tidak mengatakan bahawa JAKIM tidak ada kuasa. Kita ada kuasa menasihati, kadang-kadang kuasa menasihati ini adalah juga berkesan. Kuasa menasihati negeri-negeri, kuasa menasihati agensi-agensi tertentu di Persekutuan adalah kuasa yang ada pada JAKIM.

Berbalik kepada apa yang telah ditimbulkan tadi, iaitu kita sebenarnya memantau dari semasa ke semasa terhadap perjalanan hal ehwal agama Islam.

■ 1010

Daripada enakmen-enakmen yang telah pun diperuntukkan di negeri-negeri atau pun Akta Wilayah Persekutuan, ia adalah merupakan usaha berterusan JAKIM untuk menyeragamkan dan

menyelaraskan. Apa yang boleh dikatakan yang terakhir kita buat ialah lima rang undang-undang penyeragaman dalam proses di Wilayah Persekutuan tetapi di negeri-negeri hampir telah selesai kecuali satu, dua negeri yang masih belum lagi. Jadi kita mengharapkan pemantauan terhadap nahi mungkar atau pun penguatkuasaan Rang Undang-undang Jenayah Syariah itu akan terus dilakukan oleh negeri-negeri.

Berbalik kepada persoalan lebih khusus lagi oleh Yang Berhormat tadi iaitu bagaimana pula dengan perempuan hendak bertukar atau menjadi lelaki. Kalau dalam rang undang-undang itu disebutkan ialah kepada lelaki menyerupai perempuan atau disebutkan sebaliknya. Kalau di sebaliknya boleh juga diambil tindakan tetapi saya rasa pendekatan yang kita anjurkan ialah pendekatan pendidikan. Jadi bukanlah terus dengan kuat kuasa undang-undang sahaja iaitu kita mendidik. Terutama dalam pendekatan Manhaj Islam Hadhari ini lebih banyak kita mendidik supaya ianya timbul dari kesedaran dalaman. Kalau undang-undang sebegini pun kita tahu negeri-negeri yang ketat melaksanakan undang-undang tetapi tidak ada disertai dengan pendidikan yang cukup tidak sampai ke mana juga. Jadi kita merasakan bahawa pendidikan adalah satu pendekatan yang baik. Selain daripada itu, kalau melampau sangat barulah diambil tindakan. Sekian.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah memandangkan JAKIM ditugaskan untuk menyelaraskan bidang kuasa keseluruhan yang melibatkan perkara-perkara agama di Malaysia, adakah pihak JAKIM bercadang untuk meminda bidang kuasa jenayah syariah yang telah pun dipinda 20 tahun lepas. Memandangkan untuk menguatkuasakan peraturan 356 itu perlu saya rasa perubahan kerana masa telah pun lama berlalu, itu yang pertama.

Yang kedua, apakah respons JAKIM tentang kebenaran untuk menyiarkan filem *Evan Almighty* kepada masyarakat, khususnya kepada orang Islam. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terhadap persoalan yang pertama yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat supaya menyelaras dan menyeragamkan undang-undang jenayah syariah yang tidak termasuk dalam lima rang undang-undang yang kita usahakan penyeragaman itu. Jadi jawapan saya terhadap isu ini kita sedang berusaha keras untuk lima dahulu. Lima rang undang-undang itu. Kita tahu di Wilayah Persekutuan kita sudah pun bawa kepada rang undang-undang yang keempat. Rang undang-undang Keluarga Islam dan dalam Dewan yang mulia ini kita berbincang sehingga hampir 12.00 tengah malam. Saya ingat lagi satu peristiwa yang cukup besar dalam sejarah Rang Undang-undang Keluarga Islam. Jadi pada masa itu Tuan Yang di-Pertua telah menyebut jangan melangkaui jam 12.00 kerana peruntukannya sebelum jam 12.00 mesti tamat.

Jadi saya rasa itu kita perlu selesaikan dahulu. Sekarang baru tiga, baru tiga rang undang-undang ada lagi dua walaupun telah diluluskan kerana mendengar banyak pihak telah memberi pandangan. Okey, kita akan bawa semula iaitu Rang Undang-undang Keluarga Islam dan yang satu

lagi yang sangat penting ia juga saya kira bagi pentadbiran Islam di Wilayah Persekutuan ialah Rang Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam untuk memisahkan di antara MAIWP, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan JAWI. Jadi apabila adanya pemisahan yang jelas di antara keduanya, diharap akan pentadbirannya lebih efisien lagi, lebih lancar dan berjalan dengan baik.

Terhadap perkara-perkara lain yang saya rasa seperti yang ditimbulkan terhadap soalan yang kedua terhadap filem. Waktu akhir-akhir ini hangat dibicarakan berbagai-bagai pandangan telah dibuat tetapi kita merasakan bahawa kita telah mengeluarkan garis panduan. Kita mengeluarkan garis panduan dan kita edarkan tidak tahu mungkin saya minta JAKIM edarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ini di antara yang terbaru. Hiburan dalam Islam. Jadi kita telah memberi garis panduan supaya hiburan-hiburan itu bukan dalam bentuk yang melampau. Itu garis panduan umum yang kita berikan untuk tidak menyentuh akidah, tidak menyentuh akhlak yang teruk sebab dalam Islam sebenarnya ada ruang untuk berhibur. Tidak ada masalah tetapi dalam bentuk yang sederhana, dalam bentuk budaya kita. Kalau di luar daripada itu, kita menasihatkan tiada, jangan. Ini dalam bentuk garis panduan, maksud kita dalam garis panduan ialah menasihati. Menasihati itu pendekatan kita iaitu.... [*Membaca sepotong hadis*] Agama itu memberi banyak nasihat.

Sekarang JAKIM telah mengeluarkan hampir ataupun di sekitar 40 garis panduan dan di antara yang terakhir juga ialah garis panduan ibadah di angkasa lepas kalau begitu yang telah kita keluarkan. Jadi memberi garis panduan, memberi nasihat sebab pendekatan yang kita pilih ialah pendekatan pendidikan dan nasihat, tidak penguatkuasaan undang-undang. Jika segalanya penguatkuasaan undang-undang saya rasa juga akan terbantut sekiranya kesedaran kepada rakyat itu tidak menyeluruh. Dengan itu sekian.

2. Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid minta Menteri Kesihatan menyatakan, sehingga kini berapa ramai doktor pakar dari negara luar masih digunakan di hospital kerajaan. Nyatakan bilangan mengikut negara dan apakah rasionalnya kita masih memerlukan perkhidmatan dari mereka.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 1 Julai 2007, terdapat 213 pegawai perubatan pakar pelbagai bidang dari luar negara sedang berkhidmat di hospital-hospital kerajaan. Bilangan pegawai perubatan pakar mengikut negara adalah seperti berikut:

(i)	Australia	-	1
(ii)	Bangladesh	-	3
(iii)	India	-	97
(iv)	Indonesia	-	1
(v)	Iraq	-	2
(vi)	Mesir	-	42
(vii)	Myanmar	-	52
(viii)	Norway	-	1
(ix)	Pakistan	-	10
(x)	Singapura	-	2
(xi)	Taiwan	-	1
(xii)	United Kingdom	-	1

Kementerian Kesihatan masih memerlukan perkhidmatan pegawai pakar warganegara asing bagi perkhidmatan atau kepakaran yang sukar diperolehi oleh pegawai perubatan tempatan bagi mengisi kekosongan terutama di kawasan-kawasan luar Bandar. Terima kasih.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sahabat saya Timbalan Menteri Kesihatan. Saya juga hendak bertanya mengenai doktor pakar tempatan. Berapa ramai doktor tempatan yang masih berkhidmat dengan perkhidmatan kerajaan dan yang keduanya saya juga ingin tahu mengapa doktor pakar tempatan di kalangan bumiputera yang belajar dahulu mendapat biasiswa kerajaan tetapi apabila tamat kontrak dengan hospital kerajaan, cepat-cepat buka firma masing-masing dan bekerja di hospital swasta. Apakah alasan mereka ini hendak lari daripada perkhidmatan kerajaan sedangkan kerajaan telah pun menambah kemudahan dan banyak faedah telah diberikan kepada mereka dan boleh buat kerja *part time*. Di manakah semangat patriotik mereka. Terima kasih.

Dato' Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Soalan tambahan dari Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan. Saya tidak ada maklumat angka terperinci mengenai doktor pakar, tidak ada. Biasanya kita ada lebih kurang 12,000 pegawai perubatan, biasanya 30% jumlah yang tersebut adalah pakar. Jadi kalau kita banding jumlah pakar tempatan dengan jumlah pakar yang kita import daripada negara-negara asing ia merupakan hanya setakat 8% hingga 10% sahaja. Sekarang ini hendak jadi pakar dia memerlukan kriteria-kriteria yang agak berat. Dia perlu memenuhi empat tahun perkhidmatan wajib.

▪ 1020

Kemudian 4 tahun kalau dia buat kepakaran itu dalam negara, jadi sudah 8 tahun. Kemudian ambil masa 2 tahun untuk dia digazet untuk menjadi pakar. Maknanya 10 tahun. Biasanya pegawai perubatan yang menjadi pakar, dia tidak terus berhenti kerana kalau mereka menggunakan kemudahan-kemudahan seperti yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu gaji penuh, ada dapat biasiswa, biasanya mereka terikat 5 tahun lagi dan sekarang Jabatan Perkhidmatan Awam mengenakan syarat lagi.

Sekarang ini kita bukan hanya ada pakar, kita ada sub kepakaran. Umpamanya kalau dia hanya pakar perubatan am, kemudian dia ambil *subspeciality*, kardiologi, Tuan Yang di-Pertua, dihantar ke luar negara, mungkin satu tahun atau dua tahun, mereka ini diikat dengan perlu berkhidmat beberapa tahun selepas mereka diiktiraf sebagai pakar atau sub pakar.

Kalau hendak kata mereka tidak patriotik, saya ingat tidak berapa tepat. Yang banyak berhenti daripada perkhidmatan awam bukan pakar kerana biasanya pakar di sektor awam, dia sekurang-kurangnya *scale* dia ialah U48. Kalau kita campur semua sekali elaun-elaun yang diberi oleh kerajaan, skim yang diputuskan dan dipersetujui oleh JPA kalau U48 biasanya, dengan izin, *take home pay* dekat RM10,000 selepas 10 tahun berkhidmat. Maknanya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita banding dengan profesional lain, umpamanya arkitek atau *engineer* selepas 10 tahun berkhidmat, mereka mungkin tidak dapat *scale* yang sebegini rupa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Puan Loga Chitra. Saya minta supaya soalan ini lebih menjurus kepada doktor pakar dari negara luar kerana ini yang ditanyakan dalam soalan asal.

Puan G. K. Loga Chitra: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan doktor-doktor tempatan kerana kita memakai doktor-doktor dari luar untuk memastikan doktor-doktor tempatan melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana atau PhD, kedoktoran, menjadi doktor-doktor pakar agar dapat memenuhi kehendak negara dalam perkhidmatan kesihatan kepada masa depan kelak.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada terkeluar sedikit. Terpulang kepada Yang Berhormatlah.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Kementerian sedar akan faktor ini dan kerajaan tidak boleh bertanding dengan sektor swasta kerana jelas imbuhan dan gaji sektor swasta adalah lima kali ganda daripada apa yang ditawarkan oleh kerajaan, tetapi yang dipastikan bahawa adalah untuk memperbaiki suasana kerja. Itu penting kerana kalau pakar, katakanlah pakar jantung dia perlu mempunyai makmal jantung, kemudahan-kemudahan operasi, apa semua, itu sentiasa kita pastikan. Selepas dia mendapat kursus, dia ada *team* atau pasukan, kemudian kita sediakan keperluan-keperluan bagi memenuhi hasrat mereka. Itu satu.

Kedua, pada waktu yang sama, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang percaya kepada pelaburan modal insan, kali pertama Kementerian Kesihatan mendapat

bajet tambahan sebanyak RM300 juta untuk melatih pakar-pakar kita. Jadi sekarang kita boleh melatih sekurang-kurangnya 400 pakar tiap-tiap tahun dalam pelbagai bidang untuk memastikan yang keperluan negara dalam pelbagai bidang dan keperluan rakyat dapat dipenuhi.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dewan Negara juga ingin mengalu-alukan kehadiran Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi ke Majlis pada pagi ini....
[Tepuk]

3. **Dato' Gooi Hoe Hin** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, kadar perahan (OER) minyak sawit mengikut negeri-negeri pada tahun 2004, 2005 dan 2006.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, purata kadar perahan minyak atau *oil extraction rate* (OER), dengan izin, bagi Malaysia pada tahun 2004, 2005 dan 2006 adalah seperti berikut:

2004	-	20.3%
2005	-	20.15%
2006	-	20.04%

Bagi tahun 2006 pula, di negeri Sarawak, mereka mencatatkan OER yang paling tinggi iaitu 21.49%, diikuti oleh negeri Sabah - 21.12% dan di Kelantan - 19.73%.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Yang Berhormat memohon maklumat OER mengikut negeri-negeri pada tahun 2004, 2005 dan 2006 dan juga kerana angka terperinci ini banyak, kalau kita pagi ini hendak bacalah...

Timbalan Yang di-Pertua: Panjang sangat?

Datuk Peter Chin Fah Kui: Agak panjang, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu maka saya ingin serahkan maklumat ini kepada Yang Berhormat Dato' Gooi kalau diizinkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingat sudah cukup sekadar Yang Berhormat telah memberitahu bahawa tiga negeri yang mempunyai kadar perahan yang tertinggi dalam tahun 2006. Cukuplah itu.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Dato' Gooi Hoe Hin.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri yang datang sendiri untuk menjawab soalan tersebut. Daripada angka-angka yang diberikan oleh Yang Berhormat itu tadi, nampaknya kadar perahan atau OER telah menurun. Walaupun Sarawak nampaknya meningkat, Sabah meningkat dan Kelantan juga. Bagi pendapat saya, jika KPPK hanya

dapat menaikkan 1% dan keluaran minyak sawit mentah RM11.6 juta, bermakna negara boleh untung lebih kurang RM226 juta.

Soalan tambahan saya. Apakah langkah-langkah utama untuk memastikan kadar perahan ditingkatkan dan apakah masalahnya yang dihadapi oleh kementerian untuk mencapai sasaran, katakan kalau kita tetapkan 25% atau 22% kerana peniaga-peniaga BTS atau buah tandan segar lebih kurang 1,659 orang, kalau saya tidak silap, menjadi komponen utama. Apakah langkah-langkah itu? Terima kasih.

■ 1030

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya Yang Berhormat sangat sedar tentang industri sawit ini. Saya terima cadangan ataupun teguran Yang Berhormat yang baik itu. Memang hasrat kita di kementerian ialah untuk meningkatkan jumlah satu tan bagi buah tandan segar (FFB) bagi setiap hektar setahun kalau kita dapat, itulah hasratnya tetapi untuk mencapai agak sukar sedikit kerana kenaikan buah tandan segar dan akhirnya juga OER iaitu perolehan minyak pun boleh naik. Pada masa yang sama kita perhatikan bahawa pokok-pokok sawit itu semakin lama semakin tua. Bila pokok-pokok sawit itu tua maka ia tidak mengeluarkan buah tandan segar yang banyak dan besar. Semua ini adalah berkait dengan produksi setiap tahun.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, kita sedar dan cuba mengambil langkah-langkah yang tertentu seperti menanam semula pokok-pokok yang sudah tua digantikan dengan pokok-pokok dari benih yang berkualiti. Dengan adanya benih-benih yang berkualiti ini bermakna apabila pokok tersebut menghasilkan buah ia akan menghasilkan buah yang lebih banyak, besar dan OER pun boleh ditambahkan dengan jenis-jenis klon yang baru ini. Itulah langkah-langkah yang kita usahakan untuk mencapai kenaikan 1% yang ditegur atau diberi pandangan oleh Yang Berhormat tadi.

Dari segi kos pengeluaran, memang kita cuba berusaha untuk mengurangkan kos bagi setiap tan CPO atau setiap tan buah tandan segar yang kita keluarkan dari estet atau kebun kita. Oleh sebab itu kita menggunakan kaedah yang lebih moden seperti mesin untuk menghasilkan buah supaya kos buruh itu tidak naik. Kita juga mengadakan satu kaedah di mana barisan pokok-pokok di estet atau kebun itu disusun dengan lebih baik supaya memudahkan dari segi mengambil dan mengangkut hasil keluaran serta mendapatkan lebih banyak jumlah buah yang dikutip dari pokok-pokok tersebut. Itulah langkah-langkah yang sedang pihak MPOB laksanakan dengan kerjasama pihak syarikat dan juga pihak agensi seperti FELDA, FELCRA dan SALCRA di Sarawak dan juga agensi-agensi lain yang terlibat dalam penanaman sawit ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat baru sebentar tadi menyatakan kadar perahan di beberapa buah negeri di Malaysia ini. Sekiranya

Yang Berhormat mempunyai maklumat berapakah kadar perahan yang terdapat di negara Indonesia dan Thailand sebagai perbandingan dengan negara kita. Terima kasih, Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih. Ini kena tengok mana wilayahnya di Indonesia. Kalau di wilayah umpamanya kawasan yang tanahnya subur dan tanamannya menggunakan klon yang baru itu, maka dia akan mendapat perolehan minyak yang lebih tinggi daripada Malaysia. Buat masa ini, kita masih bersaing dari segi jenis atau kualiti tanaman yang diusahakan di Indonesia dan sebab itulah kita berhati-hati untuk tidak membenarkan pengeksportan benih yang baik kepada negara Indonesia. Kita hanya membenarkan baka-baka atau benih yang sederhana sahaja dieksportkan ke negara Indonesia kerana kita tidak mahu melihat klon-klon yang terbaik itu digunakan di negara Indonesia yang bersaing dengan negara kita Malaysia, tetapi kita masih bekerjasama baik dengan Indonesia.

Walaupun kita tahu mereka hendak membeli benih-benih yang baik tetapi kita juga mengadakan persetujuan dengan mereka melalui MoU yang kita telah meterai dan sebab itulah kita mengusahakan *joint research* atau R&D dengan pihak Indonesia untuk kita sama-sama mengadakan *research* supaya kita boleh mengeluarkan baka atau klon yang boleh digunakan sama di Indonesia dan di Malaysia juga.

4. **Tuan Chua Kim Chuan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, berapakah jumlah pengguna yang menggunakan perkhidmatan rel, iaitu LRT, Monorel dan ERL bagi tahun 2005 dan 2006.

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Chan Kong Choy]: Pecahan statistik mengenai jumlah pengguna sistem perkhidmatan rel iaitu LRT, Monorel, ERL dan Komuter KTMB bagi tahun 2005 dan 2006 adalah seperti berikut:

JENIS PERKHIDMATAN	JUMLAH PENUMPANG	
	2005	2006
LRT Star	45,636,997	49,727,909
LRT Putra	60,290,466	56,742,136
KL Monorel	16,206,441	19,322,170
ERL KLIA (Termasuk Ekspres dan Transit)	3,343,628	4,208,486
Komuter KTM Lembah Klang	31,700,651	35,050,844

■1040

Dari segi statistik, purata penumpang harian bagi lima jenis perkhidmatan rel tersebut bagi tahun 2006 adalah seperti berikut:

JENIS PERKHIDMATAN	TAHUN 2006 (Jum Penumpang/Harian)
LRT Star	136,240
LRT Putra	155,472
KL Monorel	52,937
ERL KLIA (Termasuk Ekspres dan Transit)	11,530
Komuter KTM Lembah Klang	96,029

Sekian, terima kasih.

Tuan Chua Kim Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang datang sendiri menjawab soalan. Soalan tambahan saya, setakat ini lebih daripada 90% kementerian telah berpindah ke Putrajaya, telah sekian lama. Untuk memudahkan rakyat membuat urusan di sana, adakah perkhidmatan rel dari pusat bandar raya ke Putrajaya masih dalam perancangan? Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Setakat ini kerajaan tidak ada perancangan untuk memperluaskan perkhidmatan rel ke Putrajaya dari Sistem Monorel, ERL atau pun Komuter tetapi untuk makluman Yang Berhormat, dalam Sistem ERL memang ada membekalkan perkhidmatan kepada rakyat ke Putrajaya. Selain daripada itu, pihak kerajaan telah pun membina sebatang *dedicated highway* dari Kuala Lumpur ke Putrajaya. Dengan itu projek-projek yang saya sebutkan tadi memang akan memudahkan rakyat mengadakan urusan ke Putrajaya. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, dianggarkan dua juta kenderaan bermotor masuk ke Pusat Bandaraya setiap hari, dan 70% daripadanya dengan izin, adalah *single occupancy vehicle* atau pun SOV. Oleh itu, apakah kerajaan mempunyai strategi untuk menggalakkan orang ramai menggunakan kemudahan pengangkutan awam, rel ini, untuk mengurangkan masalah *traffic jam* di ibu kota? Apakah ada cadangan untuk mengenakan caj levi terhadap kenderaan SOV ini tadi? Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan memang ada cadangan atau *program* untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan rel khususnya di kawasan Lembah Klang dengan tiga strategi. Yang pertamanya ialah memperluaskan liputan perkhidmatan rel

yang sedia ada. Iaitu memperluaskan Sistem LRT Putera dari Kelana Jaya ke Subang Jaya dan USJ dan dari Bukit Jalil ke Puchong. Kerajaan sedang juga memperluaskan Sistem KTM Komuter dari Sentul ke Batu Caves. Ini strategi pertama.

Yang keduanya, kerajaan akan membina sistem rel yang baru *new alignment, New Line* yang meliputi dari Kota Damansara melalui pusat bandar dan berakhir di kawasan Cheras.

Yang ketiganya, kerajaan juga melalui syarikat prasarana akan mempertingkatkan, dan juga menambah bilangan *rolling stock* dengan izin, atau pun EMU, *electric multiple unit* di mana kapasiti beberapa sistem akan..., saya hendak bagi satu contoh iaitu kerajaan telah memberikan satu tender, satu *award* kepada satu syarikat untuk menambah EMU bagi Sistem Putra. Apabila kerja ini dapat disempurnakan, maka kapasiti akan dapat dipertingkatkan lebih daripada 100%.

Ini memang merupakan rancangan kerajaan untuk mempertingkatkan lagi sistem rel sebagai satu *mode* pengangkutan awam yang sangat penting di kawasan Lembah Kelang ini dan kita yakin dan percaya apabila semua rancangan ini dapat disempurnakan, lebih ramai rakyat dari Lembah Kelang akan menggunakan sistem rel sebagai suatu pilihan.

Setakat ini lebih kurang setengah juta penduduk di Lembah Klang ini menggunakan sistem rel ini. Ini telah menjadikan sistem rel ini menjadi satu komponen yang amat penting dalam sistem pengangkutan awam di kawasan ini. Kita tidak berpuas hati, maka kita berharaplah dengan peningkatan sistem rel ini akan dapatlah kita menarik tidak kurang daripada satu juta rakyat untuk sistem rel ini. Bila peningkatan ini dapat disempurnakan, kita mempunyai satu sistem yang *reliable* dan sangat efisien, baru kita akan melakukan *area pricing*, kepada mereka khususnya *single driver* yang masuk ke kawasan bandar. Selepas semua ini dapat disempurnakan, baru kita lakukan *real pricing*. Terima kasih.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang begitu teruk sekali. Bilakah Monorel di Pulau Pinang akan dibina? Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan memang sedar tentang keadaan lalu lintas di Pulau Pinang dan beberapa langkah telah pun di ambil untuk menangani masalah ini. Antaranya dengan mewujudkan Sistem Monorel dan pihak prasarana negara telah pun dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek ini. Saya difahamkan bahawa *request of proposal* telah pun di kemukakan kepada pihak EPU dan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Saya yakin tidak lama lagi, satu proses tender akan dapat dijalankan supaya projek ini dapat dilaksanakan dengan seberapa segera yang boleh. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekali lagi Dewan Negara menghargai dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas kehadiran Yang Berhormat.... [*Tepuk*]

5. Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, sama ada pihak kementerian sedar walaupun beratus-ratus juta ringgit dibelanjakan dalam projek ICT Polis Diraja Malaysia (PDRM) selaras dengan hasrat PDRM yang mahu mempertingkatkan sistem perkhidmatan kepada orang ramai tetapi kes-kes tertentu seperti kematian hanya dapat dilaporkan di balai-balai tertentu sahaja yang sering kali menyusahkan rakyat setempat.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, pihak PDRM telah mengguna pakai Sistem Laporan Polis atau *Police Reporting System* dengan izin, PRS semenjak tahun 2002. Sistem yang berteraskan web ini merupakan satu sistem yang berkemampuan untuk membolehkan laporan polis dibuat di mana-mana balai secara *online*. Pada ketika ini PRS telah dilaksanakan di seluruh negeri Semenanjung Malaysia, IPD Kuching, IPD Labuan dan IPD Kota Kinabalu. Implementasi seterusnya akan meliputi seluruh Sabah dan Sarawak di mana perancangan projek RMK-9 yang dijangka akan bermula pada awal tahun 2008.

Tuan Yang di-Pertua, Sistem PRS ini merupakan satu sistem berintegrasi, dan komprehensif di mana ia berkemampuan untuk menerima semua laporan polis, membuka dan memproses kertas siasatan, proses pendakwaan dan proses penyediaan laporan-laporan berkala secara elektronik. Oleh yang demikian orang ramai boleh membuat sebarang bentuk laporan polis di mana-mana balai secara *online* melalui Sistem PRS ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ir. Hiang A Li dan selepas itu Tuan M. Munusamy.

Tuan Ir. Hiang A Li: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak PDRM kerana telah melaksanakan program penggunaan ICT bagi tujuan mempertingkatkan sistem perkhidmatan orang ramai tetapi masih kita dapati bahawa dalam proses buat laporan di balai-balai polis orang ramai masih menghadapi masalah dari segi kelambatan atau ambil masa lama untuk buat laporan dan yang kedua ialah orang yang ingin buat laporan tapi telah dirujuk kepada balai-balai polis di sana-sini.

■1050

Jadi, ini menyebabkan masalah yang besar. Soalan tambahan saya ialah mengapa perkara ini masih berlaku dan apakah langkah-langkah agresif atau berkesan pihak kerajaan ingin rancang untuk mengelakkan ini berlaku lagi. Terima kasih.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu aduan yang sering diterima oleh pihak polis dan saya ingin mengambil kesempatan ini menjelaskan beberapa perkara. Pertama ialah laporan boleh dibuat di mana-mana balai polis dan jika mana-mana balai polis enggan menerima laporan, saya minta orang awam catatkan nama anggota polis tersebut dan buat aduan kepada pihak IPK atau pihak atasan supaya tindakan tatatertib boleh diambil terhadap anggota tersebut. Arahan ini telah banyak kali dikeluarkan kepada semua balai dan agak jelas dan pihak polis memang serius terhadap aduan ini.

Yang kedua mengenai dengan kadang-kadang ambil masa yang lebih panjang dan kadang-kadang orang awam perlu menunggu sedikit masa untuk menyiapkan laporan. Ia ada sebab-sebab tertentu. Yang pertama ialah buat masa ini pegawai penyiasat cuma ditempatkan di IPD sahaja iaitu ibu pejabat daerah. Apabila seseorang buat laporan di balai-balai polis, untuk rakaman percakapan pengadu, ia perlu diambil oleh pegawai-pegawai penyiasat di IPD. Maka kadang-kadang dia perlu pergi lagi ke IPD untuk rakaman percakapan oleh pegawai penyiasat dan kita memang menghadapi kekurangan bilangan pegawai penyiasat. Buat masa ini cuma peringkat inspektor dilantik sebagai pegawai penyiasat dan sarjan dilantik sebagai penolong pegawai penyiasat dan dia cuma ditempatkan di IPD.

Walau bagaimanapun, apabila sistem PRS ini siap dilaksanakan di semua balai di seluruh negara, maka ia akan mempercepatkan proses laporan dan kerajaan dan PDRM juga sedang dalam proses menambah lebih ramai lagi pegawai penyiasat supaya pegawai penyiasat pun boleh ditempatkan di balai-balai dan ia akan memudahkan proses laporan oleh orang ramai. Selain itu, kadang-kadang bila laporan dibuat, pegawai penyiasat perlu pergi tempat kejadian jenayah untuk buat siasatan lanjutan iaitu tempat yang berlaku. Maka sekiranya IO keluar dari pejabat pergi ambil siasatan maka kita perlu tunggu sekejap. Jadi ini perlu persefahaman daripada orang awam bahawa ini memang tugas pegawai penyiasat. Sekian, terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah, adakah semua *personal police* telah mengikuti kursus dan mengetahui penuh tentang kegunaan sistem PRS ini dengan menggunakan ICT sebab apa yang saya difahamkan ada juga balai-balai polis yang mana sistem ini walaupun boleh digunakan tetapi tidak dapat dilaksanakan dan soalan kedua, adakah kementerian menerima aduan berkenaan dengan kes-kes yang tidak diterima ataupun laporan-laporan yang tidak diterima di sesebuah balai tetapi diminta pergi ke balai lain. Terima kasih.

Dato' Fu Ah Kiow: Soalan kedua itu memang beberapa kali kita dapat aduan dan kalau ada aduan yang spesifik, anggota yang mana enggan menerima aduan maka pihak PDRM akan ambil tindakan tatatertib terhadap anggota tersebut. Ini adalah arahan yang spesifik yang amat jelas dan beberapa kali disebutkan. Tentang sama ada latihan ada diberi, memang semasa kita melaksanakan sistem PRS ini latihan sentiasa diberi kepada semua anggota supaya pastikan semua anggota baru tahu cara menggunakan sistem tersebut dan kalau kita lihat kini kebanyakan anggota polis di balai-balai bukan sahaja tahu taip komputer malahan pada masa yang sama boleh berbual dengan pihak pengadu. Dia sudah pandai dan mahir dalam aspek ini tetapi ada lagi balai-balai mungkin di Sabah dan Sarawak yang belum melaksanakan PRS mungkin mereka belum dilatih lagi. Sekian, terima kasih.

6. Tuan Ahmad bin Husin minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan perkembangan terkini tentang penubuhan Mahkamah Harta Intelek di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jemaah Menteri pada 6 Jun 2007 telah meluluskan cadangan kementerian agar Mahkamah Harta Intelek ditubuhkan di Malaysia. Kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan sebanyak 15 buah Mahkamah Seksyen Harta Intelek dan sebanyak enam buah Mahkamah Tinggi Bahagian Harta Intelek.

Mahkamah Seksyen Harta Intelek ini akan beroperasi di setiap ibu negeri dalam bidang kuasa tempatan dan juga di Putrajaya yang mana semua kes harta intelek ini akan didaftar hanya di ibu negeri. Sebelum ini satu projek perintis telah pun dilaksanakan di mana Mahkamah Seksyen Jenayah Kuala Lumpur telah mula mendengar secara khusus kes-kes jenayah harta intelek mulai dari 1 Januari 2006.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pendengaran kes-kes harta intelek di Mahkamah Tinggi, pelaksanaan mahkamah ini adalah secara *special designated court* yang dinamakan Mahkamah Tinggi Bahagian Harta Intelek dan mempunyai bidang kuasa jenayah dan sivil. Mahkamah ini akan diwujudkan di Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Perak, Sabah dan Sarawak dan adalah dijangkakan bahawa dengan wujudnya Mahkamah Harta Intelek ini masalah tunggakan kes-kes jenayah dan sivil harta intelek yang semakin bertambah akan dapat ditangani secara efisien.

Penyelesaian terhadap kes-kes harta intelek di mahkamah ini akan juga memperlihatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mengutamakan hak-hak harta intelek dan meningkatkan imej Malaysia sebagai sebuah destinasi bagi pelaburan asing. Sekian, terima kasih.

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menjawab soalan ini. Soalan tambahan saya ialah setakat ini, berapa banyak kes harta intelek yang melibatkan universiti ataupun badan penyelidikan dan pembangunan (R&D) seperti SIRIM Berhad, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Petronas, Technology Park Malaysia dan MIMOS Berhad yang telah dibawa kepada perhatian pihak kementerian.

Yang kedua, adakah kerajaan berhasrat untuk menggubal akta harta intelektual untuk memberi keyakinan dan kepercayaan kepada pelabur-pelabur yang ingin melabur di negara kita dalam menegakkan kedaulatan undang-undang. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya kes-kes yang melibatkan Akta Harta Intelek ini yang dibicarakan di mahkamah di bawah Akta Hak Cipta dan juga di bawah Akta Perihal Perdagangan. Pecahan dari segi kes-kes harta intelek ini saya tidak dapat jelaskan di sini, mungkin saya akan jawab secara bertulis.

Pada kebiasaannya kes-kes yang dibawa ke mahkamah ini kebanyakan terlibat dengan kes-kes cetak rompak ataupun produk pelancong ataupun barang-barang tiruan. Jadi dari segi pecahan yang khusus ini mungkin, saya akan bekalkan kepada Yang Berhormat secara bertulis dan dari segi akta yang sedia ada ini memang pada saya mencukupi cuma dari segi proses untuk mengambil tindakannya.

■1100

Oleh itu kerajaan telah pun bersetuju untuk menubuhkan Mahkamah Harta Intellect ini bukan sahaja di Mahkamah Seksyen juga di Mahkamah Tinggi dengan tujuan untuk mempercepatkan proses untuk kita membicarakan sesuatu kes yang mungkin tertunggak dengan lama. Misalnya pada dahulu mungkin ia memakan masa tiga tahun lebih, tetapi dengan wujudnya mahkamah ini kita yakin ia akan dipendekkan tempoh untuk kita selesaikan satu kes dalam tempoh setahun ataupun kurang daripada setahun. Sekian, terima kasih.

7. **Dato' Yip Kum Fook** minta Menteri Kewangan menyatakan, mengapakah Proton tidak memperbanyakkan model kereta yang dikeluarkan kerana apa yang dapat dilihat Proton hanya bergantung pada model yang sedia ada sahaja, tiada model baru yang boleh menarik minat pembeli. Apa akan terjadi kepada model baru yang boleh menarik minat pembeli. Apa akan terjadi kepada Proton jika ia terus mengalami kerugian dari tahun ke tahun .

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Dato' Yip. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon izin untuk menjawab soalan yang berkaitan dengan Proton oleh Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook bersama-sama dengan soalan nombor 42 - Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok dan nombor 68 - Yang Berhormat Senator Puan Wan Ubaidah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok berapa hari bulan, Yang Berhormat?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, semuanya hari ini, ketiga-tiganya.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan prestasi Proton lebih baik daripada Proton tahun-tahun akan datang, beberapa langkah telah dan akan diambil. Antaranya termasuk memperkenalkan model-model baru yang akan dilancarkan di masa yang terdekat serta usaha pemasaran yang lebih fokus dan agresif.

Proton juga memberikan tumpuan kepada keselesaan ruang dalaman dan keluasan ruang kargo, memberikan kepuasan pemanduan dan keselesaan untuk penumpang di dalam mereka bentuk model-model baru tersebut. Formula yang akan dilancarkan kelak, dijangka akan mampu memenuhi keperluan serta kehendak masa kini dalam memilih kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, inisiatif-inisiatif pemulihan perniagaan juga telah dijalankan oleh Proton yang merangkumi peningkatan *efficiency* kos dalam pembuatan serta pengurangan harga bahan

mentah, dengan mengoptimalkan modal kerja dan dengan merealisasikan rantai nilai melalui pengurusan dan peraturan semula pembekal dan pengedar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Proton mempunyai objektif untuk terus bersaing dalam pasaran automatif tempatan yang semakin sengit, terutamanya dengan kemasukan kereta-kereta luar negara. Sebagai perbandingan pada sekitar tahun 80-an dan 90-an hanya terdapat lima hingga enam model kereta sahaja dalam pasaran dengan harga di bawah RM100,000. Kini terdapat hampir 20 model di dalam pasaran dalam lingkungan harga yang sama.

Bagi meneruskan pasaran harga tempatan, Proton memberikan tumpuan terhadap perancangan yang lebih teliti dan kajian pasaran yang lebih mendalam, di mana Proton menggunakan falsafah 'Kereta yang tepat untuk pasaran yang tepat, pada harga yang tepat, dan pada masa yang tepat'.

Bagi struktur pemilikan Proton, untuk makluman Ahli Yang Berhormat - perkara tersebut masih berada di tahap perundingan di antara kedua-dua pihak iaitu pemegang saham Proton dan rakan-rakan kongsi berkenaan. Maklumat mengenai struktur pemilikan ataupun *business plan* bagi Proton akan diumumkan dalam jangka masa terdekat ataupun sehingga selesai dan keputusan telah dibuat.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dengan jawapan yang begitu baik.

Soalan tambahan saya, adakah selama ini Proton tidak mempunyai pasukan pereka kereta, *car designer* dengan izin, dan R&D yang sendiri serta efisien bergantung kepada orang lain, sebab itulah Proton tidak mampu memperbanyakkan model kereta. Sama ada Proton telah mencapai skala ekonomi pengeluaran pada dua tahun kebelakangan ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang Proton sudah ada pasukannya tersendiri Proton dah beli *Lotus*. *Lotus* memang menjalankan *design* dan juga Proton telah ada *design* sendiri dan enjin sendiri. *Campro engine* adalah *design* Proton sendiri dulu menggunakan Mitsubishi sekarang menggunakan *Campro* 1.6, 1.3 dan sebagainya.

Dari segi model Tuan Yang di-Pertua, ini mengikut kemampuan. Hendak dikeluarkan satu model kosnya antara RM500 juta ringgit sehingga RM800 juta satu model baru. Kalau tak ada *economy of scale*, memang tidak mampu nak keluarkan dua atau lebih model setahun, hanya mampu keluarkan satu model setahun. Berbanding dengan kereta Jepun sampai tiga, empat model setahun. Kos hendak buat satu kereta baru memang tinggilah, saya sebut RM500 juta sehingga RM800 juta. Jadi *economy of scale* kurang sedikit.

Kapasiti Proton Tuan Yang di-Pertua, kapasiti untuk keluarkan kereta. Di kilang Syah Alam 240,000 unit setahun, di kilang Tanjung Malim 150,000 unit setahun. Itu pun maksimum, tetapi yang

sebenarnya pengeluaran setegah sahaja lebih kurang 200,000 unit setahun. Ini kebanyakan *demand* kurang, *market share* ini sudah turun 31%.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, saya difahamkan bahawa Juara adalah merupakan satu model Proton yang paling buruk yang pernah dikeluarkan.

Jadi saya ingin tahu berapa unit kah Juara yang telah dijual dan apakah ada keuntungan daripada jualan Juara tersebut? Adakah kerajaan membuat atau pihak Proton membuat kajian, mengapakah bagi pengguna Proton Wira terutamanya, akan ada kerosakan dalam tempoh dua tahun bagi mana-mana alat sama ada *window* ataupun meter. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, bahagian pertama soalan mengenai Juara soalan ini spesifik, jadi saya perlu bagi jawapan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya tentang kereta Wira. Sebenarnya kereta apa pun kalau cara menggunalah kadang-kadang kita kasar sikit memang ia rosaklah. Memang saya tidak nafikan memang ada rungutan dan aduan tentang kualiti kita. Proton telah beri jaminan mereka akan mempertingkatkan kualiti itu. Jadi, apa yang dah berlaku itu dah berlakulah, tapi yang akan datang ini Proton akan mempertingkatkan kualiti.

8. Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi menyatakan, adakah kerajaan bersedia untuk mengharamkan import tembakau dan rokok sebagai menyokong 'Kempen Tak Nak Merokok'.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua saya minta keizinan untuk menjawab soalan ini dengan soalan nombor 62 iaitu pertanyaan Yang Berhormat Dato' Yaakob bin Haji Mohammad, soalan itu adalah dalam senarai pertanyaan-pertanyaan dalam hari ini juga.

Timbalan Yang di-Pertua: Kedua-duanya soalan berkaitan dengan tembakau?.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Benarkan, Yang Berhormat.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih. Untuk Ahli-ahli Yang Berhormat bilangan keluarga yang terlibat dalam penanaman tembakau pada tahun 2006 adalah seramai 37,215 orang. Dari segi sumbangan tanaman tembakau kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah kecil berbanding dengan keseluruhan sektor perusahaan perladangan dan komoditi.

Walau bagaimanapun, industri ini berjumlah RM590 bilion iaitu Keluaran Dalam Negeri Kasar dan industri tembakau sendiri hanya RM5.9 bilion. Kesan daripada kempen kesedaran mengenai bahaya rokok kepada kesihatan awam adalah permintaan dalam daun tembakau adalah telah turut berkurangan. Iaitu daripada 13.25 juta kilogram pada tahun 2004 kepada 9.01 juta kilogram pada tahun 2006. Di jangkakan angka ini pun sama pada tahun ini.

■ 1110

Selari dengan pengurangan kuota pengeluaran, bilangan keluarga pengusaha tembakau di seluruh negara juga berkurangan dari 81,695 keluarga pada tahun 2004, kepada 63,090 keluarga pada tahun 2005. Seterusnya, merosot kepada 37,215 keluarga pada tahun yang lepas. Dari segi nilai keluaran, hasil tembakau juga berkurangan iaitu RM194 juta tahun 2004 kepada RM148 juta pada tahun 2005 dan hanya RM94 juta pada tahun yang lepas.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, ingin saya jelaskan di sini bahawa kempen 'Tak Nak' yang dikelolakan oleh Kementerian Kesihatan tidak ada berkaitan dengan dasar pengharaman import tembakau dan rokok. Walau bagaimanapun, kementerian saya telah mengambil langkah sewajarnya bagi mengawal pengeluaran tembakau, iaitu kawalan di peringkat tanaman melalui urusan pelesenan, had pengeluaran atau kuota, tanaman untuk objektif sosioekonomi sahaja, dan gantian import dihadkan juga iaitu dizonkan di kawasan-kawasan tertentu sahaja, bukan seluruh negara. Kawalan ke atas import tembakau dan rokok pula dilaksanakan melalui mekanisme kawalan Permit Import atau AP dan pelesenan.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dalam perjalanan kempen 'Tak Nak' ini, kementerian saya dan Kementerian Kesihatan akan terus berusaha bersama supaya dari segi satu bahagian kita boleh mengurangkan kegunaan tembakau dan rokok, dan dari sebelah yang lain kita boleh menentukan bahawa kehidupan rakyat yang sekarang masih terlibat dalam tanaman tembakau itu tidak sangat terjejas. Mereka dibela dengan rancangan-rancangan yang lain supaya mereka boleh mengalihkan dari segi tanaman tembakau ke tanaman yang lain, seperti tanaman kenaf dan usaha-usaha ekonomi yang lain. Itu sangat penting bagi kementerian saya dan pihak Lembaga Tembakau Negara sedang menjalankan tugas ini untuk mempelbagaikan sumber pendapatan daripada petani-petani ini. Sekian.

Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, adakah pihak kementerian bercadang untuk mengehadkan penjualan rokok dengan mengenakan lesen kepada penjual sebagaimana yang dikenakan kepada penjual arak, dan melarang penjualan rokok secara terbuka bagi menyokong kempen 'Tak Nak Merokok'.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat, usaha ini dikendalikan oleh pihak Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dari segi pelesenan untuk jual rokok, tetapi kita mempunyai satu jawatankuasa, di mana kementerian saya juga terlibat dan kita akan berbincang dalam jawatankuasa tersebut untuk menggunakan atau melaksanakan pelbagai kaedah supaya kita boleh memastikan, bahawa bukan sahaja harga jualan rokok itu tetapi dari segi kandungan nikotin dan sebagainya dalam rokok tersebut.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, daripada fakta yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, fokus saya kepada pekebun-pekebun kecil di Kelantan, di mana di

Bachok terdapat hampir 60,000 ahli keluarga yang mana akan terjejas sumber ekonominya apabila terlaksananya akta pada tahun 2010. Soalan saya, apakah persediaan rancangan yang dibuat dalam jangka tempoh yang amat singkat ini agar ancaman tidak akan dihadapi oleh penduduk yang hampir 60,000 orang. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Itulah suatu rancangan yang terbesar di dalam Lembaga Tembakau Negara, iaitu memastikan bahawa selepas akta nanti, pekebun-pekebun yang masih terlibat dalam tanaman tembakau ini berkompetitif dan produktif produksinya cukup besar dan kos keluarannya agak rendah atau setanding dengan negara-negara yang mengeluarkan tembakau yang lain seperti di Indonesia, di Filipina dan juga di Thailand.

Itulah satu usaha yang cukup rumit, saya sebut rumit sebab pada masa yang sama pekebun-pekebun seperti di Bachok ini, mereka sudah menikmati layanan yang cukup baik pada masa ini, tetapi sekarang kalau kita hendak kurangkan hasil mereka, mereka akan rasa perbezaannya. Itu sebagai satu ketidakpuasan oleh mereka dan kemudiannya ia akan di *translate* kan dalam undi, peti undi. Sebab itulah kita perhatikan perkara ini dan kita akan membela nasib golongan ini. Terima kasih.

9. Puan Mumtaz binti Md. Nawi minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, berdasarkan kepada laporan tahunan yang dikeluarkan oleh Persatuan Peladang Kebangsaan (PPK), mengapakah kadar keuntungan saham PPK tidak bertambah walaupun aliran modal dan harta meningkat kerana untung bersih adalah dalam kadar RM2-3 juta sejak 25 tahun lepas. Apakah faktor penolak dan penggalak keuntungan dan perniagaan PPK dalam tempoh tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keuntungan modal saham adalah bersamaan dengan saham pemilik, di mana pengeluaran dividen dibuat tidak melebihi 10% atas saham yang genap bayarannya pada akhir tahun kewangan. Kadar dividen yang boleh dikeluarkan tersebut telah ditetapkan di bawah Pekeliling Pendaftar Pertubuhan Peladang Bil.5 Tahun 1991.

Sebagai contoh, pada tahun 2006, Pertubuhan Peladang kawasan Hulu Langat Utara, mempunyai keahlian seramai 1,239 orang dengan kutipan saham berjumlah RM357,616 serta mencatat keuntungan bersih berjumlah RM158,172. Kadar keuntungan atas saham kepada 1,239 orang ahli Pertubuhan Peladang kawasan tersebut adalah dicadangkan sebanyak 10%, dan sekiranya ia diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Peladang, maka keuntungan saham yang akan dikira ialah 10% dari jumlah saham RM357,616.

■ 1120

Tuan Yang di-Pertua, faktor penggalak utama kepada keuntungan pertubuhan peladang ialah aktiviti pembekalan input pertanian yang bernilai RM637 juta dan aktiviti pemasaran hasil

pertanian yang bernilai RM341 juta. Kedua-dua aktiviti tersebut menyumbang sejumlah 50% kepada keseluruhan isi padu khidmat perniagaan pertubuhan peladang yang berjumlah RM1.87 bilion. Manakala faktor penolak pula ialah kurangnya projek-projek berpotensi yang dilaksanakan dalam sesuatu kawasan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan serta faktor kenaikan kos input pertanian, terima kasih.

Puan Mumtaz binti Md Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah berdasarkan kepada jawapan tadi, apakah pencapaian paling membanggakan oleh PPK dalam tahun-tahun kebelakangan ini.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak menjuruskan di sini bahawa dalam Laporan Tahunan Lembaga Pertubuhan Peladang Beraudit tahun 2005 menunjukkan keuntungan pertubuhan peladang yang terdiri daripada Pertubuhan Peladang Kawasan, Pertubuhan Peladang Negeri dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan atau NAFAS adalah berjumlah RM73.15 juta berbanding dengan RM77.6 juta pada tahun 2004. Ini merupakan sedikit penurunan iaitu RM3.91 juta atau 5.3%, diakibatkan kenaikan kos input. Kalau kita hendak menjurus lagi kepada keuntungan sebab dia ada dua Yang Berhormat. 1 pencapaian isi padu; 1 keuntungan.

Jadi, bagi keuntungan Pertubuhan Peladang Kawasan tahun 2003 - RM26.03 juta. Tahun 2004- RM27.83 juta dan 2005 - RM24.18 juta. Bagi Pertubuhan Peladang Negeri, keuntungan tahun 2003 - RM13.74 juta. Tahun 2004 - RM23.61 juta dan tahun 2005 - RM28.03 juta dan bagi NAFAS, RM16.12 juta tahun 2003. Tahun 2004 - RM25.62 juta dan tahun 2005 - RM20.94 juta. Sebab itu yang saya sebutkan tadi, terima kasih.

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma keliru sikit tentang perkataan di sini, dalam soalan sebab di sini disebut Persatuan Peladang Kebangsaan (PPK). Adakah ianya sebab kalau PPK, dia bukan Persatuan Peladang Kebangsaan. Dia Pertubuhan Peladang Kawasan. Satu lagi Pertubuhan Peladang Kebangsaan, NAFAS Kebangsaan. Yang mana satu? Kita buat *correction* dalam Dewan ini sebab dan saya nak tanya soalan, untuk meningkatkan, tidakkah terfikir Lembaga Pertubuhan Peladang untuk meningkatkan keseluruhan pendapatan Persatuan Peladang Kebangsaan, Pertubuhan Peladang Negeri, Pertubuhan Peladang Kawasan, arahan dari Lembaga Pertubuhan Peladang untuk berniaga secara penurunan kepada NAFAS – PPN – PPK dihentikan, dibukakan untuk perniagaan *lassie faire*, atau ekonomi bebas, supaya kesemua mendapat nikmat daripada kek ekonomi yang sedia ada.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh membuat penjelasan sekali guslah. Dari segi nama tadi dengan soalan tambahan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebab itu Yang Berhormat, saya masuk ketiga-tiga faktor sebab pada permulaannya kami pun membaca

Persatuan Peladang Kebangsaan dan kita takrif kan sebagai NAFAS. Tapi pada masa yang sama, cara soalan-soalan itu diolah seolah-olah menjurus juga kepada Pertubuhan Peladang Kawasan. Jadi oleh yang demikian, kita jawab tiga-tiga sekalilah. Jadi yang mana itu, Yang Berhormat yang lebih arif sebab Yang Berhormat yang bertanya dan dia memang ada sesuatu yang dia nak tanya dan kita cuba sedaya upaya untuk memberi ketiga-tiga fakta.

Jadi NAFAS pun masuk, negeri pun masuk, kawasan pun masuk. Jadi, dari segi tadi Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat mengatakan supaya daripada NAFAS turun ke negeri dan turun ke PPK itu supaya dia menjadi bebas, *lassie faire*. Jadi Yang Berhormat, ini terkandung di dalam akta Yang Berhormat. Jadi kalaulah betul ada, jadi pertamanya kita mesti mengubah lagi. Kita mesti menghapuskan Akta Pertubuhan Peladang 1973 sebab dalam Akta Pertubuhan Peladang ini Yang Berhormat, dia dengan jelas menggariskan sehingga itu yang saya nak terangkan. Hal ini mungkin lebih jelaslah. Sehingga di dalam akta ini, menjuruskan kepada kalau ada pun berapa keuntungan, dia bagi dengan jelas tidak lebih daripada 10% hingga 15% yang boleh kita agihkan semula untuk sebagai... bila mengganggu ini terima kasihlah [Ketawa] Datuk Haji Abdul Rashid ini.... [Ketawa].

Sebab di situ memang dah, dia bukan macam Akta Syarikat ya, kalau lebih banyak lagi untung, lebih banyak dapat, tidak. Sebab ini Akta Pertubuhan Peladang ini dia lebih kepada adalah untuk meningkatkan tahap sosial dan kebajikan ahli. Jadi yang selebihnya sebab di sini saya ada, di sini 10% tu atau 10% ke 15% memang telah ditetapkan supaya, itu pun mengikut persetujuan Pendaftar. Kalau Pendaftar kalau boleh, boleh. Kalau tidak, Pendaftar kata jangan sebab ini adalah di *regulate* kan, ada sesuatu unsur. Jadi selebihnya kewangan itu dimasukkan pula dalam Kumpulan Wang Amanah di mana ia ada lagi dibahagi-bahagi kepada kebajikan am, kebajikan ahli, pendidikan dan pemajuan. Jadi Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat *you feel very strong* dengan izin, tak apalah, boleh dibincangkan dan dibawa semula. Terima kasih.

10. Datuk Soon Tian Szu minta Menteri Kewangan menyatakan, bahawa pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tidak lama lagi boleh mengeluarkan sebahagian simpanan dalam Akaun 2 untuk membeli polisi insurans penyakit kronik. Kenapakah tidak dilaksanakan secara auto debit dari akaun pencarum di mana ia lebih mudah dan tidak melibatkan terlalu banyak proses.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Soon. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat ahli Yang Berhormat, KWSP melaksanakan pengeluaran simpanan daripada Akaun Dua untuk tujuan membeli polisi insurans penyakit kritikal sebagai satu manfaat tambahan kepada pengeluaran simpanan untuk kesihatan yang sedia ada. Pembelian polisi insurans ini tidak diwajibkan kepada semua ahli. Ia dilaksanakan secara pilihan di mana ahli perlu membuat permohonan untuk membeli polisi insurans ini. Oleh sebab itu ahli perlu membuat permohonan terlebih dahulu maka adalah tidak sesuai untuk

cadangan ini dilaksanakan secara auto debit daripada akaun ahli Tuan Yang di-Pertua. Bukan semua yang berminat.

Datuk Soon Tian Szu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada itu, ingin saya tahu juga, soalan tambahan saya iaitu sebanyak 40% daripada kira-kira 11 juta ahli KWSP sudah menamakan waris atau nama yang berhak menerima simpanan sekiranya mereka meninggal. Apakah saranan oleh kementerian terhadap selebih 60% baki yang masih belum lagi membuat penamaan. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ini soalan terkeluar sedikit tapi tak apalah, saya jawab juga. Sebenarnya memang pihak KWSP berusaha sedaya upaya untuk memastikan semua pencarum-pencarum menamakan pewaris mereka, dengan pelbagai caralah termasuk juga daripada segi *statement* yang dikeluarkan tiap-tiap tahun itu dah ada peringatan untuk dinamakan pewaris-pewaris. Berbagai-bagai caralah termasuk melalui televisyen, melalui surat khabar dan sebagainya. Memang dah ada Tuan Yang di-Pertua, jadi masih lagilah ramai yang tak menamakan waris mereka ataupun nak menukar waris mereka pun mereka tak buat Tuan Yang di-Pertua. Ini masalah yang dihadapi sekarang walaupun usaha telah dibuat banyak untuk menyelesaikan. Ada lagi tadi?

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak kerajaan yang membolehkan seseorang pencarum mengeluarkan sebahagian simpanan dalam Akaun Dua untuk membeli polisi insurans penyakit kritikal dan bolehkah pencarum menggunakan simpanan tersebut bagi membeli polisi insurans untuk ahli-ahli keluarga yang lain? Terima kasih.

■ 1130

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, akaun kedua ini iaitu 30% daripada simpanan ia fleksibel untuk pelajaran anak-anak, untuk beli rumah dan juga untuk polisi insurans. Untuk skim membiayai kos kesihatan memang sudah berjalan, tetapi untuk polisi insurans yang kritikal akan bermula bulan Jun 2008. Ia ada empat skim iaitu RM10 ribu, RM20 ribu, RM50 ribu dan RM100 ribu dan mestilah diambil daripada syarikat-syarikat insurans yang disahkan oleh KWSP di bawah Life Insurance Association Malaysia atau LIAM, diluluskan.

Syaratnya untuk hendak mendapatkan wang daripada KWSP daripada tabung akaun kedua mestilah mendapat kelulusan dahulu. Bermakna syarikat insurans luluskan insuransnya barulah boleh *claim* dia tidak boleh *claim* dahulu. Kalau insurans itu, syarikat insurans itu AIA contohnya, kalau syarikat insurans tolak dia punya permohonan untuk insurans daripada syarikat itu, dia tidak dikeluarkan daripada EPF. Untuk pelajaran dan untuk keluarga boleh, tetapi untuk insurans kesihatan setakat ini hanya untuk ahli sahaja Tuan Yang di-Pertua.

11. Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah rasionalnya kementerian mengarahkan sekolah untuk memberi RMT pada waktu pagi sedangkan

pelajar-pelajar lebih sesuai mengambil makanan RMT ketika waktu rehat iaitu pukul 10.30 pagi. Ini memandangkan ada pelajar yang kurang selesa dan boleh menyebabkan mereka muntah.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rancangan Makanan Tambahan di sekolah ataupun RMTS tidaklah bermaksud untuk menggantikan makanan yang disampaikan kepada seseorang murid di sekolah oleh ibu bapa atau penjaganya. Ini bermakna untuk memberi makanan tambahan iaitu 1/4 hingga 1/3 daripada jumlah keperluan harian bagi seseorang murid sekolah rendah harian, daripada segi taraf pemakanan dan tidaklah untuk memberi keperluan harian sepenuhnya.

Rasional Kementerian Pelajaran Malaysia menetapkan memberi Rancangan Makanan Tambahan sebelum sesi persekolahan, iaitu pada waktu pagi bagi sesi pagi dan tengah hari pada sesi persekolahan petang, adalah untuk menjadikan murid-murid tersebut dalam keadaan selesa dan kenyang ketika mengikut proses pembelajaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian menunjukkan 15% hingga 20% daripada jumlah murid yang datang ke sekolah tanpa sarapan di sebelah pagi atau makan tengah hari di sebelah petang. Terima kasih.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, setelah beberapa tahun lamanya program RMT berjalan, adakah kementerian membuat soal selidik sejauh manakah keberkesanan program RMT ini dapat membantu meningkatkan prestasi murid?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih. Kajian dibuat oleh Kementerian Pelajaran bahawa dengan bantuan yang disediakan, Rancangan Makanan Tambahan ini boleh memberikan penambahan pembelajaran kepada anak-anak kerana seperti mana saya telah nyatakan tadi kalau pelajar-pelajar masuk dalam kelas, mengantuk sudah tentu dia lapar dan mengantuk dan tidak dapat mengikut P&P dengan berkesan. Sebab itulah kita lihat kadar makanan yang ada pada hari ini sudah tidak sesuai lagi.

Pada bulan Mac tahun ini, kita telah pun tambah harga RMT di mana kalau dahulu kadar lama di Semenanjung RM1.20 sen tapi kadar baru sudah dinaikkan sebanyak RM0.60 sen ia menjadi RM1.80 sen kepada seorang pelajar. Di Sarawak kadar dahulu ialah RM1.35 sen tapi sekarang dinaikkan RM0.70 sen menjadikan RM2.05 sen untuk seorang pelajar. Dengan penambahan ini, Kementerian Pelajaran telah pun menambah kos dengan kenaikan kadar yang baru ini sebanyak RM66.3 juta mulai bulan Mac tahun ini. Ini menunjukkan bahawa RMT yang kita sediakan ini mempunyai kesan dan impak yang baik kepada P&P pelajar-pelajar kita. Terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, kita menyokong kenaikan peruntukan RMT dengan harga makanan yang dinaikkan kepada pelajar supaya mereka dapat menikmati RMT itu.

Soalan tambahan saya, saya hendak tahu bilangan pelajar yang menikmati RMT dan juga apakah pengauditan yang dibuat oleh kementerian atas harga makanan yang dikatakan itu RM1.80 sen, adakah nilai makanan itu yang dinikmati oleh pelajar tersebut sebanyak RM1.80, adakah pengauditan dibuat dan juga bilangan pelajar yang menikmati itu adalah seperti yang diperuntukkan itu?

Ketiga, adakah tahap kebersihan itu juga diaudit supaya tidak kita dapat laporan-laporan keracunan seperti yang berlaku beberapa bulan dahulu. Satu lagi, adakah peningkatan kesihatan pelajar-pelajar yang menikmati rancangan ini? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih. Yang pertama jumlah pelajar yang ditanya yang terlibat dalam RMT adalah seramai untuk tahun 2006 - 706,812 orang, tahun ini seramai 702,567 orang pelajar. Perbelanjaan kos daripada Kementerian Pelajaran adalah sebanyak RM234 juta.

Mengenai tahap kebersihan dan juga persoalan-persoalan Yang Berhormat bangkitkan tadi, kita telah pun mengeluarkan satu garis panduan iaitu buku panduan RMT yang dikeluarkan oleh KPM dan kita memang minta supaya semua sekolah mematuhi peraturan-peraturan dan juga panduan-panduan di dalam panduan RMT ini. Dalam masa yang sama, kita juga minta supaya PIBG terutamanya supaya membantu pihak sekolah, membantu pihak Kementerian Pelajaran untuk melihat makanan-makanan yang disediakan kerana setiap makanan yang disediakan di RMT ini ada menunya. Jadi bila kita naikkan tambahan sehingga ke RM0.60 sen ini, kita telah menambah beberapa menu yang baru yang kita lihat boleh memberikan kesan pemakanan yang lebih baik kepada pelajar-pelajar. Sebab itu kita minta supaya PIBG kena bantu kerajaan untuk memastikan wang yang begitu banyak kita belanjakan sampai kepada sasarannya dan juga benar-benar memberikan manfaat kepada pelajar-pelajar yang terlibat.

Mengenai kes keracunan, kita tidak nafikan ia memang berlaku pada setiap tahun. Kalau kita tengok tahun 2005 ada sebanyak 33 kes, 2006 sebanyak 23 kes dan 2007 sehingga bulan Mei telah berlaku 17 kes yang dilaporkan. Oleh kerana kes keracunan ini kita lihat memang selalu berlaku, maka Kementerian Pelajaran telah pun menubuhkan satu jawatankuasa bersama dengan Kementerian Kesihatan untuk melihat secara holistik bagaimana cara yang terbaik untuk kita mengatasi masalah kesihatan dan untuk jangka masa pendek ini, kita telah mengenakan dan mengambil tindakan-tindakan yang tegas di mana mana-mana kontraktor dan juga pembekal makanan serta pengusaha kantin yang terlibat dalam kes-kes keracunan ini diambil tindakan serta-merta ditamatkan perkhidmatan mereka dan juga Guru Besar dan Pengetua serta PPD di minta untuk menyediakan laporan punca-punca dan sebab-sebab mengapa keracunan ini berlaku.

Dengan tindakan-tindakan jangka pendek dan jangka masa panjang ini kita berharap di masa hadapan isu keracunan tidak berlaku lagi. Terima kasih.

Tuan Rawisandran a/l Narayanan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk menambah bantuan RMT ini kepada semua murid-murid daripada kawasan luar bandar khususnya sekolah-sekolah dari ladang, kawasan kampung dan kampung baru? Terima kasih.

■ 1140

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya murid-murid yang layak untuk dipertimbangkan RMT ini bukannya terletak daripada kawasan, daripada mana kawasan mereka datang tetapi ialah bergantung kepada pendapatan keluarga mereka. Seperti untuk RMT ini pendapatannya ialah RM400 ke bawah atau RM80 per kapita. Jadi dia salah satu, mungkin pendapatan keluarga dia RM600 tetapi kalau anak dia sampai enam, tujuh orang maka dia layak dapat. Syarat-syarat ini saya hendak terangkan bukan bergantung kepada kawasan tetapi bergantung kepada pendapatan. Terima kasih.

12. Dato' Sri Empiang Jabu minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, sama ada kerajaan mempunyai hasrat dan komited di dalam usaha membangunkan industri pertanian negeri Sarawak terutama sekali dalam usaha membangunkan industri halal, yang nampaknya masih lagi belum bertapak di Sarawak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang berhasrat dan sentiasa komited untuk membangunkan industri pertanian di negeri Sarawak terutamanya dalam membangunkan industri halal. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, pembangunan industri halal di negeri Sarawak dibangunkan melalui Program Pembangunan Industri Ruminan, dengan peruntukan sejumlah RM25 juta.

Memandangkan negeri Sarawak adalah negeri yang diisytiharkan bebas daripada penyakit kuku dan mulut, maka industri ternakan ruminan dijangka akan memberi pulangan yang lumayan kepada pengusaha. Di antara projek yang dibangunkan adalah:

- (i) pembangunan ternakan Sarawak komponen lembu;
- (ii) pembangunan ternakan Sarawak komponen kambing;
- (iii) pembangunan kawasan penternakan di Miri;
- (iv) pembangunan kawasan penternakan di Bintulu;
- (v) pembangunan kawasan penternakan di Kuching;
- (vi) pembangunan kawasan penternakan di Samarahan; dan
- (vii) pembangunan kawasan penternakan di Sarikei.

Bagi menggalakkan pengeluaran produk halal, Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak telah menganggotai Jawatankuasa Penasihat Halal Negeri Sarawak dan Jawatankuasa Teknikal Halal Negeri Sarawak yang ditubuhkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Sarawak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Dr. Lee Chong Meng.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu pasaran untuk produk-produk halal amatlah besar di China atau di Asia Barat, imej Malaysia sebagai hab halal untuk dieksport ke negara-negara yang saya sebutkan amatlah baik dan berpotensi. Jadi kita lihat sudah lama kita dengar cerita tentang projek-projek halal yang akan *take off*, akan bermula tetapi nampaknya *slow* sangat. Saya difahamkan bahawa di Thailand mereka telah bergerak dan banyak barangan telah dieksport ke China ke Asia Barat tetapi kita masih di peringkat perbincangan.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Soalannya kita cakap banyak, *action* kurang. Apa pandangan Yang Berhormat? Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah komen dan terima kasihlah tetapi saya ingin memaklumkan bahawa kita memang serius dari segi hendak menerokai pasaran halal ini tetapi ianya juga dianggotai oleh pelbagai kementerian. Jadi di situ lah ada. Dari segi pertanian kita dari segi *production* tetapi untuk mengesahkan sijil halal dan sebagainya ianya di bawah bidang Jabatan Perdana Menteri iaitu JAKIM dan juga termasuk pihak MITI, perdagangan luar negara juga bersama-sama. Jadi ini adalah satu projek yang melibatkan pelbagai kementerian.

Kadang-kadang Yang Berhormat ini permulaannya memanglah ada masalah-masalah dari segi *treaty problem* dengan izin tetapi insya-Allah bila semuanya sudah *in place*, kita akan menjadi satu daripada pengeluaran produk-produk halal khasnya kalau pensijilan produk halal daripada Malaysia, selalunya kredibiliti itu lebih tinggi. Terima kasih Yang Berhormat.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat saya benarkan satu lagi pertanyaan.

13. Dato' Azian bin Osman minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah tujuan serta hasrat kerajaan menubuhkan syarikat-syarikat GLC di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Azian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya syarikat-syarikat GLC telah pun ditubuhkan sama ada hasil daripada Dasar Penswastan yang dilancarkan pada tahun 80-an ataupun melalui pengambilalihan ekuiti di dalam syarikat-syarikat yang tersenarai terutamanya di Bursa Malaysia dan juga di bursa-bursa di luar negara.

Tujuan penubuhan syarikat-syarikat GLC adalah bagi mempunyai objektif tertentu iaitu antaranya:

- (i) mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran kerajaan;
- (ii) meningkatkan produktiviti dan mutu perkhidmatan yang disediakan kepada awam;
- (iii) memastikan negara mencapai pembangunan seimbang, pertumbuhan ekonomi mapan serta memperkembangkan teknologi baru melalui penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D; dan
- (iv) bagi melaksanakan tanggungjawab sosial.

Tuan Yang di-Pertua di bawah program transformasi GLC yang dilancarkan pada bulan Mei 2004, objektif dan hala tuju GLC diperkemas lagi bagi memenuhi tiga prinsip utama yang mendasari program tersebut. Prinsip-prinsipnya ialah:

- (i) Dasar Pembangunan Negara yang meliputi pertumbuhan dengan ekuiti, memperbaiki produktiviti faktor keseluruhan serta pembangunan modal insan dan perkembangan masyarakat bumiputera;
- (ii) fokus kepada prestasi bagi meningkatkan nilai ekonomi serta pemegang saham termasuk kerajaan; dan
- (iii) mengamalkan tadbir urus korporat yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Dato' Azian kemudian Dato' Gooi.

Dato' Azian bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah apakah dasar perlindungan dan permuafakatan yang dilaksanakan atau direncanakan oleh GLC untuk membantu syarikat-syarikat bumiputera dan yang kedua, apakah perkembangan atau pencapaian program transformasi GLC yang telah dijalankan terutama kepada GLC di dalam kumpulan G20. Apakah tindakan susulan kerajaan terhadap GLC yang tidak mencapai sasaran. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Berapa banyak soalan ini?

Tuan Yang di-Pertua: Tiga Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, dalam hal peranan GLC untuk membangunkan industri-industri kecil, memang GLC telah memainkan peranan. Kalau kita lihat contoh banyakkah Tuan Yang di-Pertua, TNB, Telekom Malaysia, Proton dan sebagainya, mereka telah pun berusaha sedaya upaya untuk menubuhkan, buat vendor *development* dan hasil daripadanya bermakna *supplier* yang kecil ini telah pun dapat membantu syarikat GLC itu untuk membangunkan industri mereka. Banyak telah dibuat, banyak telah pun kejayaan. Contohnya macam TNB saya ingat hampir 70% daripada vendornya adalah menetapi kehendak dasar tadi iaitu meningkatkan penglibatan bumiputera, 70% adalah untuk bumiputera.

Dalam hal transformasi Tuan Yang di-Pertua baru dimulakan 2004. Hari ini kita bercakap tentang *social responsibility* oleh GLC-GLC dan setakat ini kesannya belum ketara lagi sebab baru

mula tetapi telah pun mencecah hampir 10 buku untuk menangani pelbagai aspek GLC ini. Saya tidak dapat hendak bagi dengan satu persatu tentang pencapaian setakat ini belum lagi agak awal lagi Tuan Yang di-Pertua, ia dijalankan peringkat demi peringkat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat pun telah tarik perhatian saya kepada Peraturan Mesyuarat 22, memang Yang Berhormat betul, tidak boleh dibenarkan lebih daripada dua pertanyaan, terlalu banyak. Terima kasih. Masa cukup. Dato' Gooi, minta maaf saya sudah sebut tadi.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih atas ruang ini. GLC merupakan satu komponen ekonomi yang penting sekarang dalam menjana pertumbuhan ekonomi KDNK negara ini. Soalan tambahan saya, apakah peranan dan usaha GLC dalam membantu kerajaan untuk meningkatkan perpaduan negara dan integrasi nasional?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah baca, sudah menjawab tadi tentang tujuan GLC ditubuhkan. Ia sudah menyeluruh Tuan Yang di-Pertua, untuk membangunkan ekonomi negara, memantapkan lagi pentadbiran negara, mengoptimumkan penggunaan sumber-sumber alam dan sebagainya dan juga termasuk membangunkan bumiputera.

■1150

Ini sebenarnya selaras dengan apa yang kerajaan usaha ini dalam dasar ekonomi baru. Membangunkan masyarakat supaya seimbang semuanya. Bumiputera, bukan bumiputera haruslah seimbang. Dengan cara itu kita dapat mengintegrasikan, memantapkan lagi perpaduan kita. Kalau didapati ada satu pihak, bumiputera contohnya dia terlalu lemah dari segi ekonomi, dia tidak akan puas hati. Ini akan menyebabkan ketidakseimbangan dalam perpaduan negara kita. Ini salah satu, bermakna apa yang dibuat hari ini adalah menepati hasrat kerajaan membangunkan negara dan membangunkan seluruh masyarakat Tuan Yang di-Pertua.

Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENGGALAKAN PELABURAN (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.51 pagi

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[18 Julai 2007]**

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Gooi Hoe Hin sila sambung ucapan.

Dato' Goo Hoe Hin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya, sebelum saya menyambung perbahasan saya semalam. Ingin saya imbas kembali untuk nikmat dan hukuman Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, nikmat pun ada juga.

Dato' Goo Hoe Hin: Nikmat, sedap didengar kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri tiada di Dewan yang mulia ini. Jadi saya secara ringkas dalam membuat hujah suatu akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Saya telah menyatakan bahawa rang undang-undang itu adalah merupakan satu rang undang-undang perspektif. Ambil lebih kurang enam tahun, rang undang-undang ini mengkaji ini. Yang penting saya cadangkan supaya MITI dapat menggubal suatu rang undang-undang yang dapat merangkumi segala-galanya seperti kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang itu dinamis. Jadi eloklah MITI merumuskan satu rang undang-undang dengan mengambil kira era globalisasi yang berlumba-lumba dan industri bertukar-tukar.

Yang kedua, saya menekankan betapa pentingnya, walaupun terdapat rang undang-undang berbagai-bagai usaha untuk meningkatkan penggalakan pelaburan. Yang penting, yang utama kita mesti menghayati kestabilan politik yang menjadi tulang belakang. Saya telah pun memberi berbagai-bagai misalan dan berbagai-bagai pencapaian yang negara kita telah dapat capai sehingga kini.

Sekarang saya hendak sambung yang apa saya katakan falsafah yang senang saja. Senang saja falsafah, walaupun dalam perkataan nampaknya sedikit tidak begitu sedap didengar, tetapi kalau dihalusi dalam hati sanubari setiap pegawai yang berkhidmat di luar negara, ertinya, pada pendapat saya, mempunyai erti yang cukup mendalam iaitu saya ulangi dulu lain, kini lain. Kita tidak boleh lagi tunggu dan lihat. Kita harus proaktif. Perkataan soal-soal pokok ini dalam perkataan-perkataan yang senang dengar. Mengapa saya menyatakan sebegini? Kita dalam abad 21, macam-macam telah berlaku.

Kini kita menghadapi berbagai-bagai cabaran dalam suasana era globalisasi serantau juga ataupun dengan izin, *the borderless economy*. Saya tidak perlu huraikan cabaran-cabarannya kerana semua ini telah pun didapati dan terkandung dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) 2006-/2020. Dengan misinya senang saja, slogan MITI, pandai dia cipta slogan Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, *Malaysia Ke Arah Daya Saing Global*. Perkataan "*global*" dan perkataan "*daya saing*".

Oleh yang demikian, kalau kita khusus kan di luar negara, semalam saya telah sebut semua pejabat-pejabat. Semalam saya balik lagi kira-kira pejabat MIDA, pejabat dua hala, pejabat pelbagai hala di Washington, di London, Jedah, kesemuanya merangkumi, saya kira lebih 400 pegawai termasuk pegawai tempatan. Kalau kira, kita hantar seorang pegawai mesti ada pejabat, mesti ada isteri, mesti ada anak. Kerajaan terpaksa bayar gaji, elaun-elaun tertentu dan sebagainya.

Pendidikan anak-anak juga perlu dibayar. Kalau kita campur purata 200 pegawai. Kata seorang pegawai lebih kurang RM500,000. Saya pun tidak tahu kira, tak bawa *calculator*, sekarang otak sudah tua sikit. Beratus-ratus juta.

Jadi, saya sarankan MITI supaya buatlah satu analisa *cost effectiveness*. Minda mesti tukar, supaya kita juga ada KPI untuk pegawai-pegawai di luar negara lain. Jadi, kerajaan membelanjakan beratus-ratus juta untuk menempatkan mereka di bandar-bandar yang saya sebutkan strategik, sebagai barisan utama harus dan perlu memahami keadaan yang saya nyatakan. Saya yakin mereka memahami dan saya percaya mereka juga telah baca setiap muka surat IMP3, muka surat 1 sampai ke muka surat 803. Kalau tidak baca buku ini, buang masa Yang Berhormat Menteri yang bertungkus lumus, letakkan di pejabat di Washington. Bukannya untuk makan anginlah. Nanti makan angin terlalu banyak, keluar banyak asap.

Jadi, agar penempatan pegawai-pegawai tersebut tidak sia-sia saja. Mengapa saya menekankan begitu? Saya berpengetahuan, saya tahu macam mana pegawai itu *blur*, tidak bekerja dengan sungguh-sungguh. Bukan semuanya, bukan semuanya.

■ 1200

Pengalaman saya bila keluar negeri bersama-sama dengan Yang Berhormat saya dahulu untuk menarik pelaburan, sistemnya buat seminar seperti Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz yang sekarang berada di Tokyo. Dahulunya tidak ada ICT, jadi saya tanya Pegawai Pesuruhjaya Perdagangan atau *Trade Commissioner*, macam mana *you* pilih peserta.

Hai ya! *He said, you* jangan tanya-tanya. *I* hendak tahu sahaja, *I* hendak tahu macam mana. Kadang kala tidak ada masa, dia cakap, kesuntukan masa. Saya buka sahaja *Yellow Pages* lah, pilih-pilih lah semua datang makan, seronok-seronok seminar itu. Cara itu tidak boleh lagi. Cara itu tidak boleh lagi. Saya berbincang-bincang. Saya bicara-bicara dan pegawai-pegawai lain di luar negeri, abang kita di sebelah, adik kita di selatan. Pegawai dia lain, begitu proaktif.

Selepas seminar, dia lain. Dia dengan izin, *consistently and persistently* pergi cari itu *fancy* pelabur. Tanya dia, okey kah? Tanya dia apa yang saya boleh buat untuk Encik atau Tuan, bagi dia berbagai-bagai cara untuk menarik *about it*. Kalau kita hendak tumpukan kepada bioteknologi, katakan kita sekarang hendak menarik pelaburan bioteknologi. Pegawai kita, pegawai MIDA kita, modus operandi kita, mesti tukar. Tidak boleh sahaja semuanya PTD sahaja walau pun saya Pegawai PTD. PTD juga mesti lengkap dengan seorang pegawai yang mahir dalam apa yang dinyatakan bioteknologi, menentukan siapa yang kita boleh tarik.

Pergi jumpa CEO-CEO yang berkenaan, dari pegawai atas, sampai ke pegawai bawahan. Sebab itu saya menyatakan sikap dan minda pegawai barisan utama kita mesti betul-betul terbuka. Tidak boleh lagi jadi, katak di bawah tempurung. Tidak boleh lagi sebab kita mendapat persaingan

yang cukup hebat. Mengapa saya kata tidak boleh jadi katak di bawah tempurung? Biasanya katak itu suka dengan keadaan di sekeliling dia.

Pegawai duduk di pejabat tunggu dan lihat, tunggu orang datang. Kalau orang tidak datang, lapan sampai lima saya balik, tidak jadi lagi. Lama-kelamaan duduk di bawah tempurung itu, asap masuk, semua masuk, *you* mati pun tak tahu walhal semua pelaburan sudah pergi ke Indonesia atau ke Singapura apatah lagi ke utara lagi.

Oleh yang demikian, saya tegaskan lagi penempatan pegawai ini bukan merupakan satu jawatan untuk makan angin tetapi pada hemat saya adalah suatu jawatan untuk melindungi kepentingan negara dan tugas utama untuk menarik pelaburan mengalir masuk ke negara kita yang kita semua cintai.

Di samping itu penempatan pegawai-pegawai haruslah terdiri daripada pegawai-pegawai yang benar-benar mahir, berpengetahuan fleksibel. Kalau boleh pegawai tahu berbagai-bagai bahasa khususnya mengetahui bertutur dan berbahasa tempatan negara yang disandang kerana ini adalah logik. Ini adalah rasional. Kalau kita pergi ke tempat tersebut, macam mana kita hendak meyakinkan pelabur-pelabur supaya datang ke sini?

Mungkin dia tidak tahu baca bahasa Inggeris. Macam mana kita tunjuk ini rang undang-undang pindaan ini, ini sudah ada jangan takut, jangan cakap ini baik. Cakap dalam bahasa Inggeris, dia cakap tidak boleh faham. Cakap Jepun....

Dato' Musa bin Sheikh Fadzir: Minta laluan Yang Berhormat.

Dato' Gooi Hoe Hin: Kawan saya, sila.

Dato' Musa bin Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah maksud Yang Berhormat adakah pegawai-pegawai di MITI terlalu ramai dan mereka ini hanya memanaskan kerusi-kerusi sahaja atau adakah mereka ini tidak ada pengalaman dan dengan tidak ada pengalaman ini tidak meyakinkan pelabur-pelabur untuk melabur di negara kita ini. Apakah itu maksud Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Gooi Hoe Hin: Maksud saya, tujuan saya, niat saya ialah untuk meyakinkan pegawai-pegawai yang ditempatkan di luar negara supaya cara lain, cara lama untuk menarik pelaburan sudah lapuk, lapuk dan tidak boleh pakai lagi dan perlu lebih agresif. Minda mesti buka, tidak boleh cara yang dahulu, tidak boleh lagi.

Saya sendiri nampak, ciri-ciri pegawai, kalau saya jadi KSN...tetapi saya tidak boleh jadi KSN, saya tidak boleh jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ciri-ciri pegawai yang perlu ditempatkan, dia mesti tahu undang-undang, dia mesti tahu apa itu *Investment Incentive Act*, dia mesti tahu semua isu-isu keseluruhan negara sebab kita ada pesaing-pesaing lain yang berada di hadapan dan tersenyum dan ketuk *you* kuat-kuat dari belakang, sakit.

Katakan isu anti minyak sawit, hendak buat pelaburan biodiesel di sini, dia menyatakan saya suka Malaysia, Malaysia semua orang cantik, molek, baik-baik belaka...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya akui bahawa pegawai ialah sebahagian dari jentera tetapi apakah jentera sahaja menjadi penentuan sama ada akta berkenaan menemui sasaran. Tidakkah suasana dalam negara dan dasar yang tepat juga merupakan faktor-faktor dan kalau pun tidak sama penting, ia lebih penting dari jentera.

Dato' Gooi Hoe Hin: Saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua, seperti saya nyatakan terdahulu iaitu suasana negara. Tadi saya tekankan kestabilan politik. Daya juga berbagai-bagai tetapi apa yang saya tekankan tadi itu pegawai menjadi suatu komponen utama juga kerana mereka adalah barisan utama. Berbagai-bagai contoh Tuan Yang di-Pertua, saya boleh huraikan kalau Tuan Yang di-Pertua bagi saya ruang supaya khususnya saya akan memberi penekanan kepada negara walau pun suasana....

Tuan Yang di-Pertua: Misalnya Yang Berhormat, saya ganggu lagi sebentar.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Misalnya sebahagian kecil dari suasana itu ialah persepsi. Katakanlah kita hendak dapatkan persepsi mengenai suasana penggalakan pelaburan di Malaysia, cuba baca Akta 327 Akta Penggalakan Pelaburan 1986, hendak baca akta pun susah. Jangan kata hendak dapatkan persepsi, hendak baca akta ini pun susah. Macam mana hendak dapatkan dari segi

■1210

Dato' Gooi Hoe Hin: Tuan Yang di-Pertua, kita ada pegawai untuk menerangkan apa dasar-dasar, apa tindakan-tindakan, apa langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan kita. Kalau pegawai yang di tempatkan di luar negara tidak baca pun IMP3, mustahillah. Mustahil untuk meyakinkan pelabur yang berpotensi untuk datang ke negara ini. Saya memang akui, saya memang bersetuju, saya memang bersependapat dengan Tuan Yang di-Pertua. Banyak cabaran dan faktor lain, tetapi saya hendak tumpukan sebab Yang Berhormat-Yang Berhormat lain yang bijak juga nanti akan berhujah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tunjukkan kepada Yang Berhormat, ribuan keping kertas yang di pelekat-pelekat setiap pindaan pada akta itu, dan kini kita berhadapan dengan kertas biru. Tidakkah Yang Berhormat fikir kita boleh kemas kini semua ini?

Dato' Gooi Hoe Hin: Pendahuluan saya, dalam mukadimah saya tadi. Saya telah cadangkan kepada kementerian yang berkenaan, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya kasihi juga, rakan seperjuangan saya supaya buat satu rang undang-undang, satu akta yang boleh senang dibaca, senang dihalusi, senang dikupas dan berbagai-bagai lagi. Saya setuju semalam saya balik saya baca, saya pun kurang faham. Apatah lagi...

Tuan Yang di-Pertua: Tidakkah di sini, Dewan Negara boleh main peranan. Dewan Negara yang bidang kuasanya yang begitu sedikit ini, tidakkah di sini yang Dewan Negara boleh main peranan bermakna?

Dato' Gooi Hoe Hin: Bab itu, saya nampak, ini pandangan saya. Dewan Negara ini berhujah dengan penuh dengan kesopanan, kesucilaan. Kita berhujah dengan pandangan bernas. Kita berhujah dengan tujuan untuk menambah baik rang undang-undang. Kita tidak menjerit-jerit, kita tidak kompetitif, kita *conciliated*, perkataan yang saya pinjam daripada Tuan Yang di-Pertua. Jadi, itu tujuan kita di Dewan Negara yang mulia ini. Saya ingat dan percaya Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bersetuju dengan saya. Beri tepuk sedikitlah... [*Tepuk*]. Namun, saya tahu...

Tuan Yang di-Pertua: Mentang-mentanglah kita hanya ada lima rang undang-undang yang tinggal [*Ketawa*] dan daripadanya tiga rang undang-undang yang ringkas-ringkas belaka, adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengarut?

Dato' Gooi Hoe Hin: Saya tidak niat macam itu Tuan Yang di-Pertua, kerana ini satu perkara yang sangat cukup penting. Kalau tidak ada pelaburan - nanti saya akan huraikan Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu saya minta ruang, saya hendak lencong sedikit tetapi ada kebaikan. Saya pohon minta ruang, bukan ruang udara untuk pergi ke Singapura. Ruang untuk menekankan betapa pentingnya. Saya tahu Ketua Setiausaha Negara...

Tuan Yang di-Pertua: Untuk memberi bahan kepada Yang Berhormat terus berucap kerana kita banyak masa. Supaya Yang Berhormat dapat konteks, saya baca *preamble*, Akta 327 ini. Ianya berbunyi;

“Suatu akta untuk membuat peruntukan mengenai penggalakan dengan jalan dilepaskan daripada cukai pendapatan, penubuhan dan pembangunan enterprise industri, pertanian dan lain-lain enterprise komersial di Malaysia. Mengenai penggalakan eksport dan bagi maksud-maksud yang bersampingan dan yang berkaitan”.

Dari *preamble* itu banyak petunjuk yang kita boleh peroleh. Silakan.

Dato' Gooi Hoe Hin: Jutaan terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas ruangan yang diberikan kepada saya. Saya sambung semula, saya tahu kini Ketua Setiausaha Negara (KSN) sampai ketua pegawai, dia *Trade Commissioner*, Suruhanjaya Perdagangan. Jawatan yang terlalu, yang terakhir Ketua Setiausaha - ini menyandang KSN. Yang Berbahagia Tan Sri memahami perkara ini.

Jadi saya hendak tekan, penempatan ini bukannya sebagai habuan, *reward*. Supaya tetap sahaja, pergi ke London saya ingin beli kereta Mercedes. Boleh beli, bukan tidak boleh beli. Lepas beli kereta Mercedes mesti bertungkus lumus untuk kepentingan negara. Kita tidak boleh hantar seorang pegawai yang bersikap sebegini, seperti saya kata bagai 'katak di bawah tempurung'. Ini

merupakan asas, supaya tujuan dan sasaran untuk menggalakkan pelaburan ke negara ini, akan menepati objektifnya dengan lebih berkesan dan lebih kos efektif. Ratus-ratus juta.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Gooi Hoe Hin: Kawan saya dari Sarawak. Silakan.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Gooi. Saya tertarik dengan hujah-hujah Yang Berhormat Dato' Gooi mengenai perkara baru, penampilan baru pegawai-pegawai di luar negara khususnya PTD dan pegawai-pegawai yang berkaitan. Pelaburan ke luar negara atau pun pelaburan di Malaysia. Dengan kata-kata Yang Berhormat hujahkan itu, saya rasa Yang Berhormat tidak berpuas hati dengan cara lama atau pun dengan cara yang ada, yang kita dapati daripada pegawai-pegawai di luar negara.

Adakah Yang Berhormat Dato' Gooi juga berpendapat iaitu dengan cara baru, ertinya kita mesti memberi penekanan kepada pegawai-pegawai ini, untuk menjurus kepada dengan izin, *target* pelaburan yang hendak dikecap, di tiap-tiap negara yang kita hantar, pesuruhjaya kita dah, *ambassadors* kita dah, dan Pegawai-pegawai Atase yang lain. Saya rasa kalau ada cara yang baru seperti dengan *set the target* dari segi *volume*, dari segi kualiti dengan izin, apa jua pelaburan yang khusus yang dapat dikaitkan atau kita tarik para pelabur dari negara-negara yang tertentu itu dan diberi jangka masa yang tetap.

■1220

Selepas itu kita beri sistem KPI atau *key performance indicators*, dengan izin, agar pegawai-pegawai ini dapat dinilai, *ambassadors* ataupun pesuruhjaya-pesuruhjaya ini dapat dinilai dari segi pencapaian mereka apabila dibandingkan dengan apa yang hendak diuruskan itu, iaitu *targets* tadi.

Selain daripada itu saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah dengan cara baru juga kita memerlukan pegawai-pegawai ini dilengkapi dengan pengetahuan yang lebih mendalam daripada biasa, dengan pengetahuan mengenai apa yang dapat kita ketengahkan kepada dunia termasuk juga pelaburan-pelaburan yang dapat pihak negara luar memasuki di negeri-negeri di dalam Malaysia dan penerangan-penerangan ini, maklumat-maklumat ini hendaklah diintegrasikan secara *online*, *at the push of the button*, pegawai-pegawai dapat terus mendapat secara langsung maklumat mana-mana tempat di dalam Malaysia jika diperlukan oleh pihak pelabur.

At the push of the button juga maklumat khusus mengenai apa juga pelaburan, dari segi data-datanya, statistiknya dan sebagainya jika dikehendaki oleh pelabur-pelabur, maklumat ini langsung didapati. Lagi saya rasa laporan secara menyeluruh hendaklah disalurkan kepada badan seperti MITI, juga kepada Wisma Putra dan Jabatan Perdana Menteri agar kita dapat mengekori ataupun mengawasi pencapaian di tiap-tiap negara yang kita ada pegawai-pegawai.

Misalnya juga, pegawai-pegawai hendaklah dilengkapi dengan ilmu-ilmu pengetahuan dan penerangan ini secara *synergistic*, dengan izin dan juga secara holistik. Maknanya pada saya ialah

kalau kita hendak menarik pelabur daripada negeri Timur Tengah, orang Arab mungkin mereka berminat dengan pelaburan yang khusus dengan kehidupan mereka, mungkin makanan-makanan halal, produk-produk perbankan pelaburan ini halal...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat semakin tidak sabar menunggu hendak jawab.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Baik, baik, saya hendak habiskan. Jika untuk *biofuel* dan sebagainya, mungkin daripada Eropah, kalau dari China mungkin khusus dengan negara China. Jadi saya hendak beri pandangan-pandangan ini supaya memperkayakan hujah Yang Berhormat, supaya tengah hari ini Yang Berhormat dominasikan lah masa. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasihlah saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Sarawak. Pendek kata saya betul-betul setuju dengan 123.45% yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Hendak mencari seorang pegawai yang...

Tuan Yang di-Pertua: Itu karutlah. 123.45% itu karutlah. *[Ketawa]*

Dato' Gooi Hoe Hin: Gurau sedikitlah, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita di sini terlalu serius dan semuanya juga fikirannya boleh lencong.

Hendak cari seorang pegawai yang serba boleh, susah, susah sebab kita manusia. Manusia ada kelemahan. Yang selalu saya nyatakan segala yang baik datang daripada Tuhan, manusia sahaja yang memburukkan segala-galanya, tetapi apa yang saya tekankan dan saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat ialah cara lain mesti ditukar. Kalau tidak ada, negara di Utara Vietnam, negara di Selatan Indonesia – semalam saya balik semak, memang betul Indonesia masih di depan kita sekarang. Mengapa jadi macam itu? Negara kita telah bertapak, telah mengadakan satu asas yang kukuh. Pegawai kita lebih lama...

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak selesaikan dahulu?

Dato' Gooi Hoe Hin: Tidak apa, bagi dia dari Pulau Pinang.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat menyebut tentang *investment* FDI di Indonesia telah lebih depan daripada negara kita, Yang Berhormat. Kalaulah Yang Berhormat tanya saya kalau saya hendak *invest* di negara mana, saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi yang mengatakan bahawa satu daripada fakta yang perlu saya tengok ialah dari segi *political stability*.

Yang kedua, saya ingin Yang Berhormat sendiri pun tahu, semasa kita membangunkan Pulau Pinang, Yang Berhormat, apabila kita hendak membawa kilang-kilang ke Pulau Pinang. Pada ketika itu harga-harga tanah di Pulau Pinang masih lagi murah dan *labor cost* di Pulau Pinang juga masih lagi murah sehinggalah sampai ke satu tahap apabila *labor cost* sudah meningkat. Apabila *labor cost* sudah meningkat, maka kita terpaksa mengambil pekerja-pekerja daripada Indonesia, Vietnam dan sebagainya untuk mengurangkan kos *production*, *cheap labor*.

Ini satu daripada fakta yang menyebabkan, Yang Berhormat, banyak kilang di Pulau Pinang sekarang ini tutup sebab kos yang lebih murah boleh kita dapati di negara Indonesia dan negara China. Setelah lima tahun kilang-kilang dibuka di Pulau Pinang - sudah pun berubah. Seagate umpamanya, Motorola, satu kilang yang begitu besar di Pulau Pinang beredar ke China sebab *labor cost* dan banyak insentif lain yang diberikan.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat, kalaulah kita berterusan memberi insentif kepada *investors* daripada luar, Yang Berhormat ya, kita boleh bagi tetapi sampai ke tahap mana. Adakah sampai ke tahap kita hendak bagi tanah *free* kepada dia, bagi semuanya *free* kepada dia, *tax free*, segala-galanya *free* untuk kita bawa *investors* ini masuk. Adakah itu perlu ataupun adakah lebih baik kerajaan melihat semula dari segi *transfer* teknologi?

Kalau saya masih ingat lagi semasa kita hendak buka kilang Proton, Yang Berhormat, bila kita membahaskan isu mengenai kenapa kalau kita hendak mengadakan kereta nasional, kita masih memerlukan Mitsubishi sebagai *partner* kita. Dalam hujah-hujah dalam Dewan juga dibahaskan. Kita membawa masuk Mitsubishi adalah semata-mata untuk sementara waktu sahaja, untuk *transfer* teknologi. Walaupun kita bagi insentif kepada dia, tetapi kita tahu insentif itu tidak akan berkekalan sebab ia akan lari satu hari, tetapi malangnya, Yang Berhormat, walaupun kita sudah bagi insentif dan kita hendakkan teknologi daripada dia supaya kita betul-betul menjadi satu negara pembuat kereta nasional 100% milik kita, tetapi sampai hari ini kita masih gagal, Yang Berhormat. Insentif kita bagi, kita gagal. Insentif kita bagi, selepas lima tahun dia lari ke negeri-negeri lain.

■ 1230

Jadi apakah rancangan-rancangan lain yang perlu kita buat sebab sekarang ini kita sudah tengok banyak negara-negara yang dulunya tidak membangun tetapi sekarang ini sudah membangun contohnya Vietnam. Vietnam sekarang ini sudah membangun lebih cepat daripada Indonesia, Yang Berhormat. Jadi, adakah kita masih lagi hendak bercakap tentang insentif selamalamanya, kalau kita tahu masih banyak negara-negara yang tidak membangun sekarang ini sudah ikut apa yang kita telah buat sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Biarlah saya simpulkan sedikit...*[Gangguan sistem pembesar suara]*Saya merujuk kepada hakikat bahawa sementara cadangan ataupun ... *[Gangguan sistem pembesar suara]* ...Dan pelaburan dan peniagaan adalah satu proses yang dinamik. Merujuk kepada perkara-perkara yang dikemukakan oleh kedua-dua Yang Berhormat..., merujuk kepada susah hendak bacanya akta dan pindaan-pindaan ini, maka tidakkah masanya telah tiba dalam dunia yang sudah berubah secara fundamental dari tahun 1986, tidakkah tiba masanya menggubal satu Akta Penggalakan Pelaburan yang baru sesuai dengan.... *[Gangguan sistem pembesar suara]*

Kita sedar bahawa proses perundangan atau *legislation* itu kebanyakannya ialah menjurus kepada mencegah atau mengawal selia - *to prevent or to regulate* dan susah hendak *legislate* - *to*

encourage. Kita sedar namun masih timbul persoalan tidakkah masanya sudah tiba untuk menggubal satu akta penggalakan pelaburan baru. Dato' Gooi Hoe Hin.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Masa sudah tiba dan saya ingat masa itu cukup sesuai. Kalau saya dapat pameran satu perspektif sejarah perindustrian negara kita khususnya yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Pulau Pinang, Dato' Omar bin Faudzar. Konsep yang dulunya Zon Perdagangan Bebas atau *Free Trade Zone*, yang diilhamkan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Lim Chong Eu semasa memegang jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang, saya berkesempatan sebagai Setiausaha Sulit kepadanya. Cara menarik pelaburan pada masa dahulu dan kini semuanya sudah berbeza.

Saya masih ingat orang-orang Amerika tidak tahu di mana letaknya Pulau Pinang, apatah lagi yang lain. Untuk meyakinkan mereka Kerajaan Negeri Pulau Pinang terpaksa menubuhkan sebuah syarikat Penang Electronic Sdn. Bhd.....[*Gangguan sistem pembesar suara*] ...Rugi. Mulanya bertapak Hewlett Packard, mulanya bertapak Motorola, mulanya bertapak AMD dan berbagai-bagai lagi. Ini adalah cerita tahun 70-an sedangkan dalam abad 21 sekarang saya ingat Zon Perdagangan Bebas itu masih boleh dipakai tetapi kita harus mencari kaedah-kaedah lain yang tadi disebutkan oleh Dato' Omar.

Pada masa dulu, perindustrian kita adalah *import substitution* dan kemudian beralih kepada eksport. Kini kita harus pergi ke *hi-tech* dan tambah baik lagi, *added value chain*. Jadi kena sesuai dengan cara kaedah kita. Saya yakin dan percaya kerajaan sedia maklum bahawa cara lain perlu diperbaiki lagi.

Saya sambung. Negara kita perlu melipatgandakan usaha demi memastikan perniagaan dan pelaburan berkekalan serta keadaan yang lebih kondusif. Sehubungan dengan ini jika ketidakcekapan sistem penyampaian sektor awam ataupun jentera perkhidmatan awam menular ke sistem kerajaan, maka apa juga undang-undang yang di rumus dan digubal untuk menggalakkan pelaburan tidak akan menepati sasaran serta objektifnya.

Saya mohon hendak lencong sedikit. Bagaimana kita hendak meningkatkan sistem penyampaian? Moral anggota perkhidmatan awam mesti ditingkatkan. Suka atau duka ini satu *compliment* yang cukup penting sebab saya tidak berpeluang untuk berhujah dalam soalan lisan saya. Yang Berhormat Senator Dato' Yaakob, kami selalu berdua berjuang. Lihatlah semula. Lihatlah semula pelaksanaan PTK. Kadangkala saya kecewa dengan kenyataan daripada KPPA. seolah-olah apa yang dimaksudkan itu, kita ini langkah ke belakang.

Bukannya saya hendak mengutuk KPPA atau apa. Tidak ada. Saya seorang akar umbi. Saya faham perasaan kerana mereka itu *voiceless* - tidak boleh bercakap. PTK itu kita mesti cari satu kaedah lain. Saya bertanyakan soalan mengenai bilangan peperiksaan PTK yang diadakan pada tahun 2005 dan 2006. Saya maksudkan mengapa saya bertanya soalan ini. Saya hendak tahu

bagaimana keberkesanan pihak JPA menganjurkan peperiksaan. Jawapannya, bagi tahun 2005 ialah 1,688 dan bagi tahun, mereka letakkan satu *asterisk* (*) sebanyak 220 lapan kali. Data bagi tahun 2006 belum diperoleh sepenuhnya.

Saya faham. Ini bermakna peperiksaan yang dianjurkan oleh pihak JPA, mereka adalah menjadi pendakwa dan mereka adalah menjadi hakim. Saya bertanya pula, berapa yang lulus dan berapa yang gagal? Purata 30% tidak lulus! Satu angka yang cukup tinggi.

Apabila saya merujuk kembali kepada Laporan Tahunan Perkhidmatan Awam yang menjalankan ujian kompetensi, rata-rata daripada maklumat laporan tahunan, 90% faham tugas kerjanya.

▪ 1240

Jadi saya hairan dan kurang faham, bermakna dari segi untuk mentadbir dan mengurus PTK sahaja, saya yakin di sini, saya berani bercakap di Dewan yang mulia ini bahawa KPPA cuai.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat, saya baru nampak Dewan Negara mengalu-alukan.... [*Gangguan sistem pembesar suara*] ... Yang Berhormat.

Dato' Gooi Hoe Hin: Mengapa saya mengatakan begitu, cuai. Katakanlah saya kembali kepada PTD. Saya menduduki peperiksaan itu, Tuan Yang di-Pertua. Saya menduduki peperiksaan itu bulan Januari. Mungkin setahun empat kali peperiksaan. Mana KPI itu, keputusannya bila akan dikeluarkan? Saya dalam cengkaman, cengkaman, jadi fikiran saya, kita mesti faham fikiran pegawai. Saya sayang kepada mereka Tuan Yang di-Pertua.

Saya tahu, perasaan, makna dia, sekarang siapa yang akan menghakiminya, betul kah peperiksaan itu yang disemak, siapa yang menjadi hakimnya? Dan saya rujuk kembali kepada Pekeliling, dia ada jawatankuasa. Berapa kali jawatankuasa-jawatankuasa itu bermesyuarat? Semuanya tidak ketelusan. Kalau begitu, macam mana KPPA kata begitu, kesian pegawai. Pegawai-pegawai yang hadir, yang duduk di belakang, yang angguk kepala, saya tahu mereka setuju. 90%...

Tuan Yang di-Pertua: Dalam bahasa Inggerisnya, *that is below the belt*, Yang Berhormat.

Dato' Gooi Hoe Hin: Pohon maaf. Jadi saya harap, saya betul-betul berharap, Jabatan Perkhidmatan Awam... [*Gangguan sistem pembesar suara*] Semula, dengan izin, *no system is 100% perfect*.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Laluan Tuan Yang di-Pertua. terima kasih kepada sahabat saya yang juga merupakan bekas pegawai PTD. Bersama-sama kita juga, saya amat hargai kehadiran Yang Berhormat Dato' Mustapha.

Tuan Yang di-Pertua: Yang juga bekas pegawai PTD.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Yang juga bekas pegawai PTD. Saya percaya beliau juga simpati. Tuan Yang di-Pertua, saya pernah juga berkali-kali bangkitkan isu....

Tuan Yang di-Pertua: Yang bercakap itu pun juga bekas pegawai PTD.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: ...PTD yang berkhidmat di sembilan kementerian selama 17 tahun. Saya bercakap bukan untuk mewakili PTD, tetapi untuk bercakap mewakili hampir 1.2 juta perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, kos untuk mengendalikan peperiksaan PTK purata selama tiga tahun, RM40 juta satu tahun. Kita harus nilai prestasi impak apa yang diperoleh oleh kakitangan awam dari segi *delivery system*. Kita tidak menafikan adanya ujian PTK untuk menentukan kecekapan prestasi kakitangan awam, tetapi indikatornya kalau dilihat selepas mereka berasa cengkam sebagaimana yang dinyatakan oleh perasaan yang dikeluarkan oleh sahabat saya tadi, saya akui terdapat satu tekanan, *depressed* dengan izin, di kalangan perkhidmatan awam untuk menduduki PTK. Apatah lagi yang telah berkeluarga, berumur 40 tahun, 50 tahun untuk menduduki peperiksaan semula. Kalau tidak lulus, tidak naik pangkat.

Kalau dilihat, bukan jawatan naik pangkat, hanya beberapa persen, 5%, yang menduduki peperiksaan ialah satu juta. Andai kata mereka lulus sebagaimana sahabat saya, Senator katakan tadi 60%. Adakah 60% ini peluang untuk kenaikan pangkat ada? Kadang-kadang mereka lulus peperiksaan, tetapi pangkat tidak juga naik. Jadi saya kadang-kadang hasrat kerajaan untuk mewujudkan *caring*, masyarakat penyayang, keluarga penyayang, saya tidak mahu menafikan kebaikan PTK, tetapi seolah-olah kita meletakkan satu bebanan, tekanan yang tidak sepatutnya diletakkan kepada perkhidmatan awam.

Cara untuk meningkatkan prestasi banyak hala caranya, tetapi kita juga di satu pihak menekankan soal *exam oriented* patut sepatutnya diketepikan. Peringkat sekolah, tetapi di peringkat pengurusan perkhidmatan awam, itu kita pula cuba untuk meningkatkan *approach exam oriented*. Apakah ini bercanggah di mana suatu pihak dasarnya, satu pihak lagi cuba melaksanakannya. Kita tidak mahu mengaku kalah. Kadang-kadang sesuatu dasar itu kita buat, katalah kita lihat implikasinya agak buruk, kita malu untuk menarik balik. Tidak seharusnya begitu.

Kalau kita melihat Skim Perkhidmatan Perguruan, hampir 60,000 guru-guru yang cuba boikot, dia tidak mahu mengambil PTK, kerana pada pandangan mereka tidak mungkin semua boleh naik pangkat, walaupun lulus. Di peringkat daerah-daerah, baik kepolisiannya, tenteranya, hendak *study* untuk lulus ujiannya itu Tuan Yang di-Pertua, melibatkan pengorbanan keluarga. Anak terpaksa berpisah, suami terpaksa berpisah, mengurungkan diri apatah lagi di pejabat, mencuri-curi waktu untuk *study*. Ertinya impak kepada *delivery system* juga ada, kerana tugas utama sepatutnya difokuskan untuk *delivery system*, memberi perkhidmatan, sedikit sebanyak mahu tidak terkejar.

Jadi untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga seperti sahabat saya jugalah tidak jemu-jemu meminta supaya ujian PTK ini boleh kita terapkan melalui kepada bukan ujian tetapi memberi laluan

secara khusus, secara *phamphlet* untuk mereka baca. Terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Gooi Hoe Hin: Saya juga bagi pihak 1.1 juta anggota perkhidmatan awam, kerana saya ingin terus berjuang supaya saya hanya minta kerajaan khususnya Jabatan Perkhidmatan Awam, kajilah semula, kaji dengan sedalam-dalamnya. Jangan tutup saja semuanya. Takkan CUEPACS tidak betul... [*Gangguan sistem pembesar suara*] ...Saja pun tidak boleh ...[*Gangguan sistem pembesar suara*] JPA saja. Jadi saya teruskan, kita harus mempunyai iltizam...

Tuan Yang di-Pertua: Itu ada kaitannya Yang Berhormat. Ada kaitan. Macam akta dan Akta Ibu yang saya tunjukkan tadi, kita terus sahaja pinda, pinda, pinda, pinda, pinda. Di Westminster sana, ada satu akta nama *Witchcraft Act*. Masih ada dalam *statutes book*, *Witchcraft Act*. Katakanlah di Westminster sana, mereka asyik pinda, pinda, pinda, pinda *Witchcraft Act* sehingga *witchcraft* dan *witches* pun sudah tidak ada lagi. Silakan.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih. Kita harus mempunyai iltizam dalam hal ini kerana pelaburan asing merupakan satu komponen pertama dalam menggerakkan ekonomi negara ini. Ia adalah dengan izin, *catalyst*, meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Jika kita sama-sama hendak mencapai Wawasan 2020, sektor ekonomi kita di mana kadar pertumbuhan KDNK perlu kalau saya tidak silap, perlu mencapai tahap lebih kurang 7%, dan kini purata hanya lebih kurang 5%.

Oleh yang demikian sekadar meminda undang-undang galakan pelaburan sahaja ini bermakna kita semua sudah beres. Tidak, sekali-kalinya tidak, tetapi sebaliknya kita perlu, kita harus bersama-sama dalam satu semangat berpasukan, satu semangat jiwa yang jitu, bergerak berusaha dalam semangat satu hati. Demi mencapai Malaysia ke arah daya saing global dan Malaysia terus ke arah cemerlang, gemilang dan terbilang.

■ 1250

Dengan penuh harapan dan semoga Akta Penggalakan Pelaburan 1986 selepas dipinda dan diluluskan kelak, maka saya pohon menyokong dengan sekuat-kuatnya agar pelaburan akan terus mengalir ke negara Malaysia yang kita semua cintai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Dato' Gooi. Silakan Dr. Puad Zarkashi.

12.50 tgh.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut mengizinkan saya untuk membahaskan rang undang-undang akta penggalakan pelaburan 2007.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong akta ini dan saya tidaklah mahu terlalu *apologetic* sebab bagi saya sebenarnya negara harus berusaha dari semasa ke semasa untuk menggalakkan pelaburan ini baik pelaburan domestik ataupun antarabangsa melalui pengenalan galakan-galakan baru, insentif-insentif baru sebab itulah penggubalan ataupun rang undang-undang ini bagi saya

penting kerana apa yang kita mahukan ialah untuk meningkatkan daya saing, kemudian untuk menambahkan *value added* kerana *value added* ini penting dengan tujuan untuk menggalakkan pelaburan dan yang lebih penting sekali ialah untuk kita memperbanyakkan sumber pertumbuhan baru. Kalau kita merujuk kepada CIPA ataupun *capital investment employee ratio* ini iaitu kalau kita melihat pada tahun 2005, daripada 270,000 meningkat kepada 517,000 pada 2006.

Maka ini membuktikan bahawa sebenarnya Malaysia adalah sebuah negara yang menikmati pertumbuhan ataupun peningkatan pelaburan dan ini juga membuktikan bahawa Malaysia tetap menjadi satu destinasi pelaburan yang menarik dirantau ini. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua bagi saya apa pun hujah mengatakan kita ini sudah banyak sangat memberi insentif dan juga galakan-galakan baru tapi sebenarnya kalau kita merujuk kepada laporan ekonomi tahun 2006 membuktikan bahawa sebenarnya kita berjaya. Berlaku peningkatan contohnya dalam bidang pembuatan. Jumlah pelaburannya ialah sebanyak RM40 bilion iaitu meningkat daripada RM31 bilion pada tahun 2005 yang melibatkan 1,077 projek dan yang lebih membanggakan ialah separuh daripada pelaburan dalam bidang pembuatan ini datangnya daripada pelabur asing iaitu RM20.2 bilion pada tahun 2006 meningkat daripada RM17.9 bilion pada tahun 2005 dan meningkat daripada RM13 bilion daripada 2004.

Bagi saya melihat kepada perbandingan ini sebenarnya Perdana Menteri kita telah melakukan sesuatu yang cukup membanggakan dan dengan menyediakan satu rang undang-undang Akta Penggalakan Pelaburan ini sebenarnya ada beberapa isu yang saya melihat bahawa kita semakin fokus iaitu bagaimana menggalakkan ataupun meningkatkan pelaburan ini melalui insentif-insentif baru. Sebab kita akan memasukkan perkara-perkara baru di dalam rang undang-undang ini yang tujuannya ialah untuk kita mempertingkatkan pelaburan di negara kita. Sebab itu bagi saya dengan melihat kejayaan itu tadi, pencapaian itu tadi iaitu pencapaian berdasarkan kepada RM46 bilion tadi. Ini membuktikan bahawa kerajaan tidak *complacent* dengan kejayaan yang dicapai sebelum. Maka kita perlu lebih agresif sebenarnya supaya kita terus menjadi negara yang dikatakan sebagai destinasi pelaburan yang terbaik dan sebab itulah kenapa saya merasakan bahawa rang undang-undang ini adalah cukup penting untuk kita memberikan sokongan.

Kalau saya mengambil satu contoh betapa kreatifnya kita untuk menggalakkan kemasukan pelabur asing ini ialah kalau kita melihat dalam kes Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI). Saya menyokong apabila kerajaan memansuhkan cukai keuntungan hartanah mulai daripada 1 April 2007 yang lalu sebab ini bertujuan ialah untuk menjadikan kita juga sebagai destinasi pelaburan hartanah antarabangsa. Sebenarnya banyak pulangan berganda apabila insentif seperti ini diberikan terutamanya di kawasan Wilayah Pembangunan Iskandar. Sebab Tuan Yang di-Pertua kita tahu bahawa satu daripada cara menarik pelabur asing ini ialah penglibatan mereka dalam bidang hartanah tetapi kalau sekiranya kita tidak memberikan insentif maka sudah tentulah mereka tidak

berminat untuk datang melabur terutamanya dalam bidang hartanah yang bagi saya akan membawa pulangan berganda. Contohnya ialah memberikan peluang-peluang kerja, kontrak ataupun untuk meningkatkan lagi permintaan terhadap bahan binaan dan sebagainya. Ini antara contoh-contoh kita melihat pulangan berganda apabila kita melakukan usaha untuk menjadikan negara kita ini sebagai destinasi pelaburan hartanah antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat contoh-contoh lain terhadap insentif di Wilayah Pembangunan Iskandar ini antaranya ialah pengecualian cukai korporat selama 10 tahun, pengecualian daripada FIC ataupun Jawatankuasa Pelaburan Asing. Yang ini selalunya yang menjadi amat sensitif kepada pelabur-pelabur asing yang ingin datang ke tempat kita dan sebab itulah apabila Perdana Menteri baru-baru ini mengumumkan antara insentif baru terhadap menggalakkan kemasukan pelabur asing di Wilayah Pembangunan Iskandar ini ialah pengecualian daripada FIC maka sudah tentulah kita menyambutnya dengan baik sebab ada syarat-syaratnya iaitu pengecualian FIC ini hanya tertumpu di dalam kawasan knot 1 daripada 2,212 kilometer persegi keseluruhan keluasan Wilayah Pembangunan Iskandar daripada Serkat, Pontian sampailah ke Kota Tinggi. Itu hanya 2,000 ekar sahaja yang dikatakan sebagai knot 1 yang terkecuali daripada FIC ini dan kita menyokong ini sebab bukan keseluruhannya yang dikecualikan daripada insentif ini yang sebelum ini menimbulkan kebimbangan dan sebab itulah saya mengatakan bahawa...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat hanya baru bermula ucapan. Kita ada hanya lebih kurang satu minit lagi dan saya akan beri masa kepada Yang Berhormat untuk berucap dengan panjang lebar apabila kita bersidang semula selepas pukul 2.30 petang tapi saya pun juga hendak dengar mengenai hujah mengenai isu sama ada kita hendak menggalakkan lagi pelaburan dengan terus meminda akta ibu berkenaan yang digubal pada tahun 1986 itu atau dengan kita memperkenalkan satu akta baru sesuai dengan paradigma semasa. Itu satu isu yang cukup menarik kalau Yang Berhormat hendak ambil sebagai sebahagian daripada hujah yang hendak diketengahkan. Silakan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sama ada kita hendak membuat satu akta yang lebih menyeluruh saya memang bersetuju iaitu kalau ada satu yang lebih komprehensif tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya kalau melihat akta ini ia juga banyak menyentuh bagaimana kita ingin melakukan satu perkembangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa cukup. Yang Berhormat boleh sambung selepas pukul 2.30 nanti.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad untuk menyambung perbahasan.

2.33 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambung balik hujah-hujah awal saya dalam membahaskan pindaan Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2007 ini.

Pagi tadi kita banyak mendengar hujah-hujah yang dikemukakan iaitu bahawa penggalakan pelaburan ini banyak juga bergantung kepada suasana politik, *delivery system* terutamanya peranan pegawai-pegawai kerajaan yang berkhidmat di luar negara.

Namun pada waktu ini, kita sedang membahaskan tentang insentif-insentif untuk menggalakkan pelaburan datang ke negara kita kerana insentif juga adalah merupakan satu faktor kepada galakan ini. Tanpa galakan orang tidak akan datang melabur.

Oleh sebab itulah kenapa saya bersetuju dalam usaha kita, untuk menarik lebih ramai pelabur-pelabur datang khususnya ke Wilayah Pembangunan Iskandar. Maka sudah tentulah kita menyokong apa juga keputusan yang telah dibuat oleh kerajaan untuk memberikan insentif-insentif yang menyebabkan mereka berminat untuk datang ke tempat kita, khususnya di kawasan Wilayah Pembangunan Iskandar ini.

Sebagaimana contoh yang saya kemukakan tadi ialah pengecualian cukai pendapatan hartanah, pengecualian cukai korporat selama 10 tahun, dan satu lagi ialah tentang dikecualikan daripada FIC. Ini merupakan galakan-galakan yang cukup penting untuk menjadikan Wilayah Pembangunan Iskandar ini kompetitif, berdaya saing dan menarik minat orang luar untuk datang ke tempat kita.

Walau bagaimanapun, apabila kita menyebut soal insentif-insentif ini untuk membawa pelabur asing ini masuk ke tempat kita, maka sudah tentulah kita mesti berhati-hati untuk memastikan bahawa pulangan gandaan yang kita mahu dapatkan daripada pelaburan ini benar-benar memberikan manfaat kepada rakyat kita sendiri. Sebab rakyat akan bertanya, dan yang selalu dibangkitkan ialah apa yang akan mereka dapat? Apa yang kita akan dapat apabila banyaknya pelabur-pelabur asing ini masuk ke tempat kita? Ini adalah soalan yang paling mudah, yang sering mereka tanyakan mengenai dengan kemasukan pelabur-pelabur asing ini. Sebab kadang-kadang mereka merasakan apakah kesan secara langsung, mereka tidak melihat kepada kesan berganda hasil daripada kemasukan pelabur-pelabur asing ini. Oleh itu kita harus juga bersikap berhati-hati

untuk menjamin bahawa rakyat tetap menyokong usaha kita untuk menarik kemasukan pelabur-pelabur asing ini.

Satu isu yang sering mereka bangkitkan apabila kita menerima kemasukan pelabur asing ini sudah tentulah soal pemindahan teknologi. Untuk kita mendapatkan teknologi ini juga bukan satu perkara yang mudah, sebab belum tentu masuknya pelabur-pelabur asing ini khususnya apabila mereka datang ke tempat kita, mereka bersedia untuk menjadi rakan strategik yang bersedia untuk memindahkan strategik teknologi itu kepada kita. Di sinilah juga disebabkan kenapa bahawa insentif itu juga penting untuk menggalakkan mereka, pelabur asing ini iaitu bahawa mereka bersedia memindahkan teknologi itu sekiranya mereka juga diberikan insentif, iaitu insentif untuk menggalakkan mereka memindahkan teknologi tersebut.

Satu perkara lagi yang penting dalam soal pemindahan teknologi ini ialah pemindahan pengetahuan dan kemahiran. Iaitu apakah maksudnya pelaburan asing itu nanti akan membawa kesan dari segi memindahkan pengetahuan dan kemahiran. Ini kerana antara perkara-perkara yang penting, yang kita perlukan sebagai pulangan gandaan jika kita membawa pelabur asing ini.

Maka sebab itulah kenapa Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2007 ini adalah amat penting kerana ia harus menyediakan insentif-insentif yang memberikan galakan kepada mereka ini untuk datang melabur kepada kita. Iaitu di mana nanti kita berkongsi dari segi pemindahan teknologi, pemindahan pengetahuan dan juga kemahiran. Sudah tentulah mereka tidak mahu melakukannya jika tidak ada insentif, sebab pelaburan ini adalah satu proses yang begitu cepat berlaku dan kita terpaksa bersaing dengan negara-negara lain kerana negara-negara juga sudah tentu menyediakan insentif-insentif yang menyebabkan pelabur itu akan datang ke tempat mereka.

Jadi kalau kita tidak responsif terhadap tuntutan semasa itu maka sudah tentulah barangkali kita akan ketinggalan, dan kita tidak jadi kompetitif, kita tidak ada *value added* dan akhirnya kita kehilangan daya saing untuk menggalakkan kemasukan pelabur-pelabur asing ini ke negara kita. Sebab itu barangkali timbul persoalan kenapa Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2007 baru hari ini kita bahaskan sebab kita tahu bahawa sebenarnya banyak insentif-insentif yang sudah pun dipersetujui dan diluluskan serta disebut oleh kerajaan dalam belanjawan-belanjawan terutamanya dalam kes ini dari tahun 2001 lagi sehingga 2005. Barulah sekarang ini kita nak masukkan di dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986 ini. Sebab seperti mana yang saya sebutkan tadi bahawa kita perlu bersaing dan mesti menyediakan sebenarnya untuk memberikan insentif-insentif baru.

Tuan Yang di-Pertua selain daripada kita berhati-hati dalam soal, bagaimanakah kita boleh mendapat pulangan berganda ini terutamanya dalam pemindahan teknologi ini, kemahiran dan pengetahuan?

Kedua kita tidak boleh menafikan bahawa pelaburan asing ini kebiasaannya ia menyediakan peluang pekerjaan, tetapi peluang pekerjaan ini kita hendaklah berhati-hati iaitu bahawa apakah

peluang pekerjaan ini memberi peluang yang adil kepada rakyat kita sendiri khususnya mendapat tempat-tempat yang paling penting, terutamanya dalam bidang pengurusan, bidang teknikal, bidang penyeliaan ataupun menjadi sebagai pekerja mahir.

■1440

Ini juga perlu dalam kita menyediakan peluang kemasukan pelabur asing ini, kita harus memastikan bahawa rakyat kita mendapat manfaatnya. Peluang pekerjaan itu bukan hanya sebagai operator biasa, pekerja-pekerja kilang biasa ataupun hanya menjadi buruh biasa. Kita mesti juga mendapat peluang yang baik, khususnya dalam bidang pengurusan, teknikal ataupun pekerjaan-pekerjaan yang mempunyai kemahiran.

Bila kita menyebut soal hati-hati ini juga, kita mahukan bahawa kemasukan pelabur asing ini tidak menyebabkan berlakunya lambakan. Lambakan dari segi kedatangan pekerja-pekerja asing dan inilah yang kita bimbangkan iaitu apabila semakin ramai pelabur asing masuk, maka semakin ramai pula pekerja-pekerja ataupun buruh-buruh masuk ke negara kita dan membawa kesan sampingan sedangkan kita mahukan kesan berganda yang mendatangkan faedah kepada kita. Akhirnya, apabila kita tidak berhati-hati, maka dia lebih mendatangkan kesan yang lebih negatif kepada kita.

Oleh sebab itulah, di dalam kita menggalakkan kemasukan pelabur-pelabur asing ini, mesti juga ada sifat berhati-hati kita. Sebagai contohnya, saya tadi menyebut tentang kita mahu menjadikan Wilayah Pembangunan Iskandar ini sebagai tarikan kepada pembangunan hartanah antarabangsa. Maka kita kena pastikan bahawa tidak ada sebab akhirnya habis tanah-tanah di Wilayah Iskandar ini dimiliki oleh orang asing. Maksudnya dengan kata lain, bahawa insentif yang kita berikan itu mestilah boleh dikongsi bersama oleh rakyat kita sendiri. Jangan kita terlepas semua.

Saya mengambil contoh, sekarang ini kalau di Kuala Lumpur berasaskan kepada analisis pembangunan hartanah. Ada syarikat-syarikat dari negara asing yang sebenarnya sedang membangunkan projek hartanah di Kuala Lumpur seperti kalau dari Singapura ini ialah Temasek, tetapi kita melihat orang-orang Singapura lebih berminat membeli hartanah yang dibangunkan oleh syarikat Temasek itu sendiri. Dia tidak membeli daripada syarikat-syarikat pembangunan hartanah tempatan. Ini kita kena pastikan supaya tidak berlaku perkara seperti ini, yang nanti akhirnya kita menyediakan satu insentif seperti ini, tetapi tidak mendatangkan keuntungan kepada pemaju-pemaju hartanah tempatan kita. Jadi, perlu ada satu cara untuk kita menyediakan insentif di mana bahawa orang asing apabila membeli hartanah di tempat kita ini, maka dia kena juga membeli daripada yang dibangunkan oleh pemaju-pemaju tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan rang undang-undang ini, saya ingin menyentuh sedikit tentang seksyen baru 4B ini iaitu mengenai dengan industri terpilih kerana seksyen baru 4B yang kita masukkan dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986 ini ialah Perkara 4B

mengenai dengan industri terpilih. Saya menyebut satu perkara yang cukup penting yang perlu kita beri perhatian ialah khususnya industri jentera berat. Saya ingin membangkitkan tentang nasib Proton.

Proton sebenarnya adalah merupakan satu pelaburan kita besar dalam industri berat. Dulu kita mulakan dengan penubuhan HICOM untuk membenarkan dan membolehkan kita untuk memulakan projek kereta nasional. Sebenarnya industri ini adalah amat penting dari segi kita mewujudkan apa yang dikatakan sebagai peluang-peluang pekerjaan. Ia adalah pelaburan yang cukup bermanfaat sebenarnya kerana ia juga mewujudkan vendor-vendor yang cukup banyak sekali.

Sebenarnya kita tidak boleh menafikan bahawa berlaku juga pemindahan kemahiran kepada rakyat tempatan apabila kita memiliki industri kereta nasional iaitu Proton ini. Malangnya, kalau kita melihat kepada laporan yang terbaru iaitu sehingga 31 Mac yang lalu, kita melihat bahawa Proton sudah pun mengalami kerugian sebanyak RM619 juta. Ini amat menyedihkan kerana pendapatan Proton sudah pun menurun daripada RM7.79 bilion kepada RM4.49 bilion yang menyebabkan Proton mengalami kerugian sebanyak RM619 juta. Tiada siapa pun boleh menafikan dan kita pun pagi tadi mendengar jawapan daripada Setiausaha Parlimen mengenai dengan jualan kereta Proton yang sudah pun merosot sebanyak 40%. Inilah yang berlaku kepada Proton di mana Proton sebelum ini adalah merupakan satu pelaburan yang mendatangkan kesan yang begitu positif dan baik kepada negara kita sebab kesan bergandanya sehingga melahirkan vendor-vendor, jualan *spare part* dan sebagainya. Inilah antara kebaikan industri ini.

Oleh itu, apabila kita membahaskan tentang Akta Penggalakan Pelaburan ini, maka sudah tentulah kita kena memikirkan apakah insentif-insentif untuk kita memulihkan kembali Proton ini sebagai satu industri yang penting kepada kita. Kalau kita melihat sekarang ini bahawa, antara cadangan yang sedang kita tunggu-tunggu mengenai Proton ini adalah cadangan untuk mendapatkan rakan strategik untuk Proton supaya Proton dapat terus hidup dan berkembang seperti dahulu.

Kita difahamkan bahawa timbul masalah untuk mencari rakan strategik Proton dan walaupun Perdana Menteri sudah pun membuat arahan, dia mahukan penyelesaian segera terhadap isu Proton ini tetapi kita masih ragu-ragu apakah Volkswagen ini bersedia untuk menjadi rakan strategik kepada Proton? Sebelum daripada ini kita gagal untuk mendapatkan persetujuan Peugeot, daripada Citron. Yang masih tinggal barangkali yang bersedia ialah Volkswagen. Itu pun masih ramai yang merasakan tidak begitu yakin bahawa Volkswagen bersedia untuk menjadi rakan strategik kepada Proton. Maka apakah pilihan yang ada kepada kita untuk kita memastikan bahawa pelaburan yang kita buat terhadap pembangunan Proton ini akan dapat diteruskan seperti mana kejayaan yang sudah kita capai sebelum daripadanya. Apakah kita mahu supaya kita selesaikan dahulu masalah kewangan Proton? Kita lupakan soal untuk mendapatkan rakan strategik daripada Volkswagen ini.

Oleh sebab itulah saya memikirkan, kenapakah kita tidak menumpukan kepada pelabur tempatan? Kita tahu, sebelum daripada ini, NAZA Motor sudah menawarkan bahawa dia bersedia untuk menjadi rakan strategik ataupun *partnership* bersama dengan Proton. Kita juga melihat bagaimana DRB Hicom juga memberikan tawarannya. Satu lagi ialah MOFAZ. MOFAZ walaupun dia mengeluarkan helikopter, tetapi dia juga bersedia untuk menjadi rakan strategik kepada Proton.

Jadi kita perlu menyelamatkan Proton ini dan kalau susah sangat untuk kita mendapatkan rakan strategik daripada syarikat-syarikat seperti Volkswagen tadi, kenapa kita tidak tumpukan kepada pelabur-pelabur tempatan? Sebab Akta Penggalakan Pelaburan 1986 ini juga melibatkan tentang pelaburan tempatan sebenarnya.

Jadi, oleh kerana itulah dalam soal ini, saya berharap bahawa daripada kita susah sangat mengharapkan daripada rakan strategik dari luar negara, kita tumpu kepada rakan strategik dalam negara untuk menyelamatkan Proton. Maka lebih baik kita mulakan dengan kita menyelesaikan masalah kewangan Proton dan mendapatkan rakan strategik tempatan.

Saya fikir, NAZA sebagai contohnya Tuan Yang di-Pertua, adalah satu syarikat yang saya yakin berkemampuan untuk menjadi rakan strategik baru kepada Proton, kerana NAZA sendiri mempunyai rekod yang cukup baik. Mereka mampu menjual sebanyak 40,000 unit kereta sebelum daripada ini. Mereka ada 84 vendor, mereka ada 98 cawangan jualan, 71 pusat servis dan mereka ada kilang pemasangan kereta di Gurun. Di samping itu, kita melihat NAZA sendiri mempunyai Akademi NAZA yang banyak membuat R&D, iaitu membuat penyelidikan-penyelidikan mengenai dengan bidang automotif ini.

■1450

Jadi, dengan adanya kemampuan ini, saya fikir lebih baik kita menerima tawaran NAZA untuk menjadi rakan strategik kepada Proton, untuk kita menyelamatkan industri berat ini. Sebab kalau kita merasakan bahawa susah sangat mendapatkan rakan daripada luar, lebih baik kita tumpu kepada syarikat tempatan kita yang mempunyai rekod yang baik ini. Cuma barangkali yang timbul di sini ialah soal isu kereta nasional ini, status kereta nasional.

Saya fikir lebih baik sebenarnya Perodua itu sahaja yang diberi pengiktirafan sebagai pengeluar kereta nasional. Ini sebab jika kita melihat dari segi jualan, Perodua lebih baik. Kereta-kereta yang dikeluarkan oleh Perodua memang menarik pembeli sebenarnya berbanding yang dikeluarkan oleh Proton. Jadi, lebih baik kita menerima sahaja bahawa Perodua itu dikekalkan sebagai pengeluar kereta nasional. Manakala Proton ini kita selamatkan kewangannya dan kita terima Proton ini supaya dia mempunyai rakan strategik tempatan iaitu NAZA. Ini supaya Proton mungkin boleh memainkan peranan yang lain.

Saya mengambil contoh Tuan Yang di-Pertua, kalau di Indonesia, Astra. Astra menjadi pengeluar ataupun *assembler* kereta di Indonesia yang terbesar untuk kereta-kereta seperti Toyota,

Daihatsu, Isuzu, BMW dan Peugeot. Mungkin kita ambil pendekatan seperti Astra sahaja, kita lupakan soal kereta nasional. Serahkan kepada Perodua, tapi Proton terus digerakkan sebagai pelaburan yang penting dalam bidang automatif dengan satu pendekatan yang lain untuk kita menyelamatkan Proton ini. Saya bimbang apabila kita sudah tidak ada pilihan Tuan Yang di-Pertua, ialah akhirnya kita benarkan, kita buat keputusan Proton boleh dibeli oleh syarikat asing dan ini lagi merugikan. Sebab itu saya bimbang bahawa bila kita fikir banyak sangat dan akhirnya kita terpaksa mengalah dan kita kata pada Volkswagen, tak apalah dia 60%, kita 40%.

Maka sudah tentulah Tuan Yang di-Pertua, yang kita bimbang bahawa janji kerajaan sebelum ini bahawa Proton tidak akan terlepas kepada pihak asing akan berlaku, sebab ini adalah kepentingan strategik. Ia bukan setakat kepentingan strategik, ia juga merupakan kepentingan nasional, soal imej kita. Jadi, daripada dia terlepas kepada orang asing ataupun syarikat seperti Volkswagen ini sebab sudah tidak ada pilihan. Sampai sekarang kita tidak tahu kenapa sebenarnya segala perundingan ini gagal antara dua pihak ini tetapi saya dapat menjangkakan bahawa mungkin puncanya ialah, mungkin puncanya ialah kerana Volkswagen ini mahukan ekuiti yang lebih besar berbanding apa yang ditawarkan oleh Proton walaupun kita tidak dimaklumkan mengenai perkara ini...

Dato' Yip Kum Fook: [*Bangun*]

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Jadi kerana itulah saya

Dato' Yip Kum Fook: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Yip.

Dato' Yip Kum Fook: Yang Berhormat telah mengemukakan pelabur-pelabur tempatan seperti NAZA dan sebagainya untuk dijadikan *partnership* kepada Proton. Adakah syarikat-syarikat tempatan ini mengikut Yang Berhormat, mempunyai rangkaian penjualan iaitu *marketing network* dengan izin, yang mencukupi di pasaran sedunia ini. Ini kerana mengikut pendapat saya, skala ekonomi pengeluaran untuk Proton sangat mustahak. Kalau kita hanya ingatkan *market* dengan izin di Malaysia sahaja, Proton ini tidak akan menjadi besar dan kukuh. Sekian, terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat itu. Sebab itu saya kata tadi bahawa hanya Perodua itu sahaja dikekalkan sebagai pengeluar kereta nasional. Ini sebab ia tidak ada masalah dari segi *market* di Malaysia, pembelinya ramai. Walau bagaimanapun, Proton ini yang menjadi masalah, sebab modelnya tidak berubah dan dari segi kualitinya juga berhadapan dengan pelbagai rungutan daripada pembeli. Dari itu, saya merasakan bahawa peranan Proton itu barangkali kita jadikan seperti Astra di Indonesia iaitu sebagai *assembler* sahaja kepada kereta-kereta Toyota, Daihatsu, Isuzu dan mereka ini ada *market* yang besar. Kita cuma sebagai *assembler* sahaja.

Peranan Proton itu bukan lagi sebagai pengeluar kereta nasional, itu maksud saya. Oleh kerana itu, dia bukan sebagai pengeluar kereta nasional. Maka, bagi saya tidak timbul masalah kalau sekiranya syarikat tempatan seperti NAZA Motor ataupun DRB Hicom ataupun MOFAZ. Kita tak tahu kemampuan MOFAZ ini dari segi penglibatannya dalam bidang automatif, maka saya fikir tidak ada masalah sebenarnya kalau kita mengambil model Astra yang dibuat di Indonesia. Ini sebab, tak perlu ada dua syarikat untuk menjadi pengeluar kereta nasional. Dalam keadaan yang berlaku kepada Proton ini, saya tidak tahulah apakah maksudnya kita akan dapat penyelesaian apabila kita berunding dengan Volkswagen ini, sebab saya teringat ada satu lagu yang disebut, "*Jangan fikir lama-lama, nanti lama-lama, dia diambil orang*". Maksud saya begitulah Tuan Yang di-Pertua, iaitu fikir lama-lama sangat, kena ambil orang. Maksud saya, dikuasai oleh syarikat asing. Ini bukan soal nak kahwin dan sebagainya.

Tuan Rawisandran a/l Narayan: [*Menyampuk*] Jangan tunggu lama-lama.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ha, jangan tunggu lama-lama. Bukan fikir lama-lama. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya pun lagu-lagu ini saya tak berapa ingat sebenarnya. Ini yang saya rasa cukup penting sebenarnya. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara 4D ini iaitu insentif, sebab ini adalah seksyen baru iaitu tentang industri terpilih.

Saya ingin membangkitkan juga sebenarnya apa yang berlaku kepada motosikal Jaguh yang pernah kita keluarkan. Saya dah tak pernah, saya rasa dalam dua tiga tahun ini saya dah tak pernah nampak lagi orang bawa Jaguh di atas jalan raya. Itu pun maksudnya satu perkara yang perlu diberi perhatian, bagaimana kita nak menyelamatkan industri berat seperti industri pengeluaran motor seperti ini dan saya pun tidak tahu apa perkembangan kepada Kriss. Mungkin Kriss masih bernyawa tetapi Jaguh ini saya rasa macam dah tak pernah nampak dah.

Akhirnya saya tengok ada orang bawa Jaguh masuk dalam kebun, sebab di kebun sahaja ia sesuai digunakan, Jaguh ini. Ia bukan satu perkara yang dulu orang boleh berebut Tuan Yang di-Pertua, samalah macam sebentar tadi disebut tentang kereta apa itu, kereta yang macam kotak itu. Juara, ya. Akhirnya jadi untuk angkut basikal masa Le Tour de Langkawi. Untuk letak basikal kat atas. Itu saja manfaat kereta tersebut. Maka ini yang saya kata bahawa kita harus memikirkan apakah insentif-insentif untuk menyelamatkan industri ini. Mesti ada tindakan daripada kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang penting dalam perkara baru ini ialah tentang kita mahu menjadikan Malaysia ini sebagai hab halal. Sebenarnya Malaysia mempunyai potensi yang besar untuk menjadi sebagai hab halal. Kita pun sebenarnya sudah banyak membahaskan perkara ini termasuklah antara kelebihan yang ada pada kita ialah bahawa logo halal yang dikeluarkan oleh negara kita ini boleh diterima pakai, diperakui oleh negara-negara luar khususnya negara China. Negara China barangkali adalah merupakan rakan kita, rakan pelabur kita yang cukup penting kalau kita ingin menjayakan hab halal ini

■ 1500

Baru-baru ini saya melihat dalam satu konferensi, negara-negara OIC bersetuju untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju utama untuk mengeluarkan vaksin halal ini. Sebab daripada enam belas negara yang berhadapan dengan kadar kematian anak-anak di bawah umur lima tahun yang tinggi, sebelas daripada negara itu ialah negara anggota OIC.

Jadi oleh kerana itu timbul cadangan daripada negara OIC supaya Malaysia memulakan usaha untuk mengeluarkan vaksin halal ini. Sebab kita tahu bahawa vaksin ini adalah cukup mahal. Kalau kita lihat di negara kita sendiri bahawa kita berbelanja hampir RM100 juta setahun untuk membeli vaksin bagi kegunaan antara 450 ribu hingga 1 juta anak-anak yang baru lahir. Oleh kerana itu industri vaksin halal ini adalah cukup berpotensi sebenarnya. Cuma barangkali ialah untuk kita melihat apakah insentif untuk menggalakkan usaha-usaha seperti ini. Baru-baru ini kita telah meluluskan satu Rang Undang-undang Biokeselamatan. Ini menunjukkan bahawa memang negara kita ini cukup responsif terhadap usaha-usaha untuk kita membangunkan hab halal ini, sebab Rang Undang-undang Biokeselamatan ini sebenarnya adalah untuk menjamin bahawa apa juga produk yang kita keluarkan adalah memenuhi mutu keselamatan, ciri-ciri keselamatan termasuklah dari segi halal atau haram produk tersebut.

Terutama sekarang ini boleh dikatakan kita melihat bahawa rakyat sudah begitu suka dan berminat untuk mengambil makanan *supplementary* Tuan Yang di-Pertua. Boleh dikatakan bahawa makanan *supplementary*, dengan izin adalah cukup popular di kalangan rakyat kita sendiri sekarang ini untuk menjaga kesihatan. Kalau sekiranya kita dapat mengeluarkan produk-produk halal ini, maka sudah tentulah sebenarnya ia berpotensi untuk dipasarkan ke negara-negara seperti Timur Tengah ataupun China yang saya lihat mempunyai market yang cukup besar.

Oleh kerana itulah barangkali Akta Penggalakan Pelaburan ini yang sebenarnya memasukkan insentif-insentif untuk menggalakkan supaya lebih banyak pihak berusaha untuk menceburi ataupun bergiat dalam industri halal ini. Maka saya yakin bahawa ini sebenarnya adalah satu langkah yang cukup baik yang telah dilakukan oleh kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin sebut di sini ialah mengenai subseksyen baru 5(1DF), iaitu mengkomersialkan hasil R&D khususnya di institut pengajian tinggi di Malaysia. Itu subseksyen 5(1DF) iaitu mengkomersialkan hasil R&D di universiti. Kita tahu bahawa memang selama ini timbul masalah yang cukup besar, iaitu mengapakah hasil-hasil penyelidikan universiti ini tidak dapat dikomersialkan? Sebab itulah dengan adanya Akta Penggalakan Pelaburan ini saya berharap dan kita menaruh harapan sebenarnya agar universiti apabila dapat mengeluarkan sesuatu penyelidikan, maka ia boleh dikomersialkan sebenarnya, ini memerlukan penglibatan industri. Sebab itulah saya amat menyokong Akta Penggalakan Pelaburan ini kerana ia sebenarnya

akan memberikan ruang nanti supaya tidak berlaku lambakan penyelidikan di universiti yang tidak boleh dikomersialkan.

Kalau kita melihat kajian yang sudah dibuat sebelum daripada ini mengapa sebenarnya R&D universiti ini tidak boleh dikomersialkan. Antara yang dibangkitkan ialah industri sendiri tidak berani mengkomersialkan produk baru yang tidak mempunyai rekod yang terdahulu. Industri maksudnya ia tidak berani untuk mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan daripada universiti sebab tidak tahu apakah rekod yang ada kepada hasil penyelidikan tersebut, ini satu masalah yang besar.

Yang kedua ialah hubungan antara universiti dan industri tidak begitu rapat, dan ini adalah perkara yang kita kena terima hakikat di Malaysia, iaitu bahawa hubungan antara universiti dan industri memang begitu jauh. Sebab itulah dulu saya pernah mencadangkan supaya Proton ini dijadikan sebagai universiti automatif negara, ditukar daripada sebuah syarikat pengeluar kereta menjadi sebuah universiti iaitu universiti automatif supaya dengan kata lain bahawa hasil-hasil penyelidikan yang dibuat di universiti automatif ini akan menyebabkan kereta kita akan lebih bermutu. Malangnya dengan keadaan sekarang ini Proton sudah rugi dan sudah tentulah kita tidak dapat meyakini bahawa hasrat kita untuk mewujudkan sebuah universiti automatif ini akan terlaksana.

Yang ketiga ialah...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat. Pertama tentang rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini. Adakah rang undang-undang yang dibentangkan pada hari ini adalah satu rang undang-undang yang tergesa-gesa, yang terpaksa dilakukan?

Sebab bagi kita, pelaburan di negara kita begitu penting sekali. Sebab kita hendak orang melabur di negara kita, bahawa undang-undang yang hendak kita bentangkan rang undang-undang kita juga kena *up-to-date*, dengan izin. Kalau tidak, apa yang kita bentang pada hari ini mungkin sudah lapuk 10 tahun dahulu, yang patut dibentangkan pada 5 tahun dahulu. Pada hari ini kita baru hendak bentang.

Jadi bagaimanakah pelabur-pelabur akan datang ke negara kita sedangkan rang undang-undang kita sendiri sudah lapuk. Jadi inilah yang saya berharap kepada kementerian supaya kita lihat, kita hendak bentang rang undang-undang ini kita masuk sahaja, masuk akta itu, masuk akta ini sebagai dengan izin, *ad hoc basis*. *Ad hoc basis* ini kita baru hendak buat, kadang-kadang kita sudah buat pun baru kita hendak bentang pada hari ini.

Jadi saya berharap kepada kementerian kalau boleh, kita semak balik undang-undang kita yang ada. Rang undang-undang dahulu, tahun 1986, kita semak, kita kumpul dan mungkin kita buat satu rang undang-undang yang baru. Kita bentangkan sekali supaya kami ahli Dewan pun tidak pening kepala hendak bentang, hendak bincang tiap-tiap hari, hendak balik semak rang undang-undang.

Yang kedua, tentang pelabur-pelabur. Keyakinan pelabur sendiri datang ke Malaysia. Adakah mereka yakin dengan negara kita ini kalau undang-undang sendiri tidak boleh kita *up-date* kan rang undang-undang ini. Jadi saya berharaplah kepada kementerian apa yang saya jelaskan tadi supaya diambil perhatian, ambil pertimbangan daripada perkara ini.

Satu lagi Yang Berhormat mengenai harta tanah di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI). Kita hendak pelabur datang untuk melabur sebagai harta tanah. Kita kena ingat apabila orang asing datang ke negara kita, harga tanah akan melambung. Mampukan rakyat Malaysia untuk bersaing dengan mereka ini? Kita tidak mahu besok satu hari, rumah-rumah yang ada di Johor, minta maaf saya kata di mana sahajalah, yang ada telah dimiliki oleh orang-orang yang bukan rakyat Malaysia, daripada luar. Apa kita mahu pelaburan, ya kita hendak, tapi kita kena jaga juga keseimbangan daripada rakyat-rakyat di Malaysia.

Tentang Proton ini, mungkin keyakinan pelabur-pelabur tentang Proton kita ini, dulu Proton begitu laris sekali. Modelnya, dengan jualannya begitu baik dan kenapa sekarang begitu merosot? Adakah kerana pentadbiran dulu dengan sekarang ini berlainan? Adakah orang dulu lebih berpengalaman daripada orang sekarang? Jadi ini kita kena kaji, kementerian kena semak. Kenapa pelabur tidak mahu, ada rakan kongsi dua tiga orang hendak datang bincang dengan Proton, tapi akhirnya mereka senyap dan diam begitu sahaja.

Mungkin mereka sendiri tengok rang undang-undang ini menyebabkan mereka kurang yakin dengan orang kita, kurang yakin dengan pentadbiran di Proton sendiri. Bagaimana mereka mahu melaburkan wang mereka kalau mereka tidak ada keyakinan terhadap Proton?

Jadi inilah yang patutnya kementerian kena kaji, semak apakah masalah yang ada pada hari ini sebelum kita hendak orang lain datang melabur di negara kita. Apa keputusan Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya faham maksud Yang Berhormat, ada dua perkara Yang Berhormat bangkitkan. Iaitu yang pertama ialah tentang rang undang-undang ini Yang Berhormat sebut tadi macam sudah lapuk.

■1510

Sebenarnya Yang Berhormat, rang undang-undang ini adalah merupakan perkara-perkara baru yang kita hendak masukkan di dalam Akta Galakan Pelaburan 1986, iaitu insentif-insentif yang disebut dalam belanjawan-belanjawan yang lalu, daripada tahun 2001 hingga 2005 dan sekarang baru kita hendak *legalize* kan, hendak dijadikan undang-undang. Maksudnya, selama ini kita sebut insentif, kita buat tetapi tidak di *legalize* kan di dalam undang-undang, dalam satu akta. Jadi baru sekarang ini kita hendak masukkan untuk di *legalize* kan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, menjadi satu undang-undang.

Cuma mungkin kita tidak kisah selama ini sebab Akta Galakan Pelaburan ini dia tidak melibatkan macam undang-undang lain yang melibatkan soal kawalan, tindakan dan sebagainya

tetapi galakan pelaburan ini adalah satu perkara yang berterusan, yang terlalu cepat berubah. Sebab itu kadang-kadang kita macam tidak kisah pun benda ini sepertilah kita membahaskan di dalam Dewan yang mulia ini iaitu Akta Perbekalan tetapi sebenarnya duit sudah belanja pun, lebih kurang begitulah Yang Berhormat. Jadi kenapa perkara ini berlaku, ini kita boleh persoalkan kepada kementerianlah. Cuma barangkali yang saya...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, Yang Berhormat minta laluan sedikit, terima kasih. Maksud saya Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, boleh laluan? Terima kasih Yang Berhormat bagi laluan. Maksud saya, rang undang-undang ini patut dibentangkan lima tahun dulu, empat tahun dulu. Ini mesti pelaburan, sebab itu saya kata tidak patut bentang hari ini sebab itu kita hendak kementerian ini dia tahu apa dia hendak buat, ini misi pelaburan. Kalau kita hendak orang melabur kepada kita, kita kena yakinkan orang dulu adakah undang-undang kita ini betul-betul. Ini sudah empat tahun dulu kita sudah bercakap, hari ini baru kita hendak buat, lima tahun dulu hari ini baru kita hendak bentangkan.

Malah boleh jadi empat, lima tahun dulu pelabur sudah tidak yakin dengan kita, tidak yakin dengan rang undang-undang ini tidak yakin dengan undang-undang yang ada di negara kita ini. Ini yang saya kata krisis keyakinan. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Sebab itu saya katakan tadi bahawa barangkali puncanya ialah kerana ia adalah Akta Penggalakan Pelaburan, untuk menggalakkan sebab itu dia sentiasa berubah. Cuma bila berlaku banyak sangat pindaan dan dia mungkin akan berubah lagi kerana banyak sangat insentif yang kita hendak masukkan kerana kita terpaksa bersaing kerana pelaburan adalah satu perkara yang kita perlu bersaing dan insentif sentiasa bertambah. Jadi saya setuju iaitu bahawa...

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Mohon laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya habiskan sedikit. Saya setuju iaitu bahawa barangkali apa yang perlu kita lakukan ialah kita menerima akta ini, cuma barangkali ialah kita buat satu yang baru itu ialah yang lebih menyeluruh sebab saya tahu iaitu bahawa yang menimbulkan masalah apabila akta ini banyak sangat pindaan, diubah-ubah maka barangkali pegawai-pegawai yang hendak baca pun tidak faham. Ini yang timbul yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Gooi tadi, akhirnya kita hendak faham pun susah, kita kata macam *outdated* yang lama itu kita masukkan lagi perkara yang baru maka bertambah *complicated*.

Oleh itu saya bersetuju bahawa di Dewan yang mulia ini tempat kita menggubal undang-undang ini, iaitu saya bersetuju bahawa kita ingin mencadangkan kalau boleh buat satu yang baru yang menyeluruh tetapi dalam masa yang sama kita menerima insentif-insentif ini sebab ini adalah penting untuk menggalakkan kemasukan pelabur di negara kita. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Yang Berhormat Saudara Dr. Puad, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan perbahasan oleh Yang Berhormat dan pencelahan oleh Yang Berhormat Dato' Musa tadi mengenai banyaknya pindaan yang bertahun-tahun, berkali-kali dibuat sejak 80-an. Maka boleh diibaratkan undang-undang yang ada di depan kita ini sama dengan banyak juga undang-undang yang lain. Ia merupakan macam orang kena sakitlah selepas *accident*, tampal sana tampal sini ataupun kalau boleh saya ibaratkan macam mumia, *mummy* dalam bahasa Inggerisnya dengan izin, banyak balut sana, balut sini.

Jadi untuk orang yang memahami undang-undang seperti pelabur-pelabur yang ingin membuat keputusan dan jawapan yang cepat, mereka akan menempuh masalah. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat boleh tidak pihak-pihak yang berwajib mengkaji cara baru untuk membentangi undang-undang di Parlimen kita agar kerja kita pun mudah dan undang-undang yang ada pun dapat difahami, dapat dilihat dengan mudah dengan baik, dengan senang, jadi *friendly* dengan izin, kepada semua yang perlu memahaminya.

Jadi saya sarankan jikalau Yang Berhormat setuju agar pihak yang mengurus perkara yang berkaitan, kementerian kah, pihak Jabatan Peguam Negara kah, bukalah langkah yang baru, cara mengurus, cara membentangi, cara mengemas kini, cara menyusun dan menampilkan naskhah undang-undang baru supaya macam seumpama undang-undang ini, kita perlu hendak menggalak pelaburan, menarik perhatian, menarik hati pelabur-pelabur dari luar. Kita ini hendak membentangi, menampilkan Malaysia yang cantik. Undang-undang kita perlulah cantik kalau hendak menggalak orang hendak minta orang kan?

Jadi undang-undang itu janganlah tampal sini, tampal sana orang tidak tengok mana kecantikan kita. Kalau bolehlah undang-undang itu buatlah macam seolah-olah kita hendak tonjolkan imej Malaysia lah, cantik kalau dapat diibaratkan macam itu. Jadi peguam pun, minta maaf, bukan semua peguam tahu undang-undang. Saya pun tidak tahu semua undang-undang sebab sesiapa hendak jadi peguam, sesiapa yang boleh digelar peguam bukan erti dia tahu undang-undang, dia kena *read the law*, dengan izin.

Di universiti, di mana-mana *to read the law* kita bukan pergi apa, *to read the law* dengan izin. Kalau dia belajar dalam *Chambers*, dalam *articleship* dia itu, dia kena *read in Chambers*, *read*, baca dengan izin, *read*. Jadi macam mana hendak baca satu naskhah yang tampal sana, tampal sini, orang yang kena baca undang-undang kena *attention* begitu hebat sekali sampai boleh timbulkan sakit kepada dia kepada sesiapa juga. Jadi apa sahaja kita hendak buat biarlah undang-undang kita itu sekarang ini di dalam alam alaf baru kita ini, mintalah cara *draughtsman* dengan izin, pihak yang berkenaan hendaklah menjadi *people's friendly* sekarang ini ataupun *best friendly* apa juga *friendly* supaya semua keputusan yang hendak dibuat oleh mana-mana pihak jadi cepat jadi tepat.

Jadi saya rasa Yang Berhormat mungkin ingin juga hendak menyentuh perkara ini supaya seperti Yang Berhormat katakan tadi undang-undang kalau dapat buatlah satu yang lengkap yang komprehensif menggunakan perkataan, istilah yang Dr. Puad sebutkan tadi. Bukan sahaja dalam rang undang-undang ini kalau boleh pihak berkenaan, dalam mana-mana rang undang-undang yang lain pun supaya seperi yang saya katakan tadi yang perlu termasuk hakim-hakim, peguam-peguam itu sendiri tidak menempuh kerumitan nanti atas sebab-sebab salah susun, salah rujukan kerana pindaan itu perlu *historical*, susah hendak dikesan, susahnya hendak dicam, tahun mana, pindaan yang mana, untuk yang mana.

▪ 1520

Jadi, mungkin keputusan pihak tertentu seperti hakim pun boleh salah, boleh jadi salah juga kerana rujukan salah dan sebagainya. Jadi apa juga undang-undang perlulah sekarang ini buatlah pengurusan sebaik-baiknya. Kita ada cara, kaedah yang baru secara elektronik, *computerized*, buatlah. Saya rasa pakar-pakar tertentu kita yang boleh menyokong pihak yang berwajib ini untuk membentang yang terbaik. Baik dalam segala-galanya yang hendak dibentangkan. Sekian usul saya. Apa pandangan Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat saya perlu mengakui iaitu sebenarnya saya sendiri bila hendak membaca Akta Asal Penggalakan Pelaburan 1986 dan juga dikaitkan dengan perkara-perkara baru ini. Memang kita hendak baca itu pun memang rumit untuk kita hendak memahami. Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat oleh kerana banyak sangat tampal sana, tampal sini. Saya malam tadi pun Tuan Yang di-Pertua, tidak keluar bilik daripada hotel terus. Lepas itu makan *maggie* pun sebab kerana hendak membahaskan rang undang-undang ini.

Memang Tuan Yang di-Pertua, walaupun Bukit Bintang itu sibuk dengan kemeriahannya, tetapi saya korbankan duduk dalam bilik baca rang undang-undang ini, tetapi memang saya mengakui, memang sukar untuk memahaminya kerana tampal sana, tampal sini. Oleh kerana itulah saya bersetuju, saya bersetuju iaitu bahawa barangkali belum ada suatu yang lebih komprehensif yang dikemukakan untuk kita bahaskan kembali supaya soal penggalakan pelaburan ini, yang cukup penting ini mudah difahami, mudah dihayati.

Apatah lagi yang disebut oleh sahabat saya tadi bahawa ramai barangkali kakitangan kita yang berkhidmat di luar negara pun tidak faham perkara ini sebab memang sukar untuk difahami. Apatah lagi sering diubah-ubah, ditampal sana, ditampal sini. Yang ini saya setuju bahawa inilah tugas kita di Dewan yang mulia ini. Iaitu sebab kita pun hairan kenapa maksudnya sekarang baru hendak di *legalised* kan, dijadikan undang-undang. Insentif-insentif yang diumumkan dalam belanjawan-belanjawan yang lalu, baru sekarang hendak di *legalised* kan, kenapa?

Dato' Gooi Hoe Hin: Boleh pohon lalu?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Baik, silakan.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih, walaupun tadi saya sudah cakap panjang, tetapi saya hendak dapat pandangan daripada, saya selama semalam ada.... [*Gangguan sistem pembesar suara*] ...Saya tahu, memang saya faham bahawa ini merupakan satu rang undang sivil... [*Gangguan sistem pembesar suara*]... peguam. Rang undang sivil tetapi dibelakangkan, retrospektif. Rang undang-undang jenayah retrospektif... [*Gangguan sistem pembesar suara*] ...Tidak boleh terima bahawa undang-undang sivil itu retrospektif.

Bermakna tindakan-tindakan enam tahun yang lalu telah pun menjadi sejarah pentadbiran kalau saya tidak silap. Tentunya sejarah pentadbiran. Jadi, hanya kita hendak *legalise*, tetapi pandangan Yang Berhormat, elok ke tidak elok? Kita buat undang-undang ini sekali gus. Lepas itu mungkin kita mansuhkan MITI yang berpandangan jauh, buat satu rang undang-undang baru dengan mengambil kira semua hal-hal secara komprehensif sebab ini adalah satu undang mesra dan satu undang kawal selia, yang mesra, yang cinta.

Jadi, saya harap Yang Berhormat boleh bersetuju dengan pandangan. Tampil-tampil ini tidak cantiklah macam jerawat sana, jerawat sini di muka. Bersama-sama dengan tiga kementerian yang terlibat, MITI dan Kementerian Kewangan dan Peguam Negara beri satu jaminan di Dewan yang mulia ini iaitu sebelum kita meluluskannya. Mungkin Dewan yang akan bermesyuarat pada bulan Disember keluarkanlah, ubahlah satu rang undang-undang yang mengambil semua aspek-aspek secara komprehensif agar tindakan retrospektif itu tidak akan dilakukan. Bermakna senang saja mungkin buat *reschedule* di mana kuasa menteri tidak payah datang seperti mana saya sebutkan semalam.

Secara pentadbiran saja senang hendak buat pindaan-pindaan supaya undang-undang dinamik itu berjalan dengan lancar. Jadi, sekarang di Dewan yang mulia ini serba salah. Serba salah tetapi dalam keadaan yang serba salah ini, tetapi dengan kebijaksanaan Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini kita cadangkan supaya MITI, sekali lagi saya tekan perlulah kerja lebih kuat, perlulah bertungkus lumus dua bulan kita bagi sasaran. Kalau bolehlah. Saya yakin Yang Berhormat Dato' Sri Rafidah Aziz cukup dinamis. Bila cakap wanita dinamis, wanita semua tidak sokong saya, diam saja, malu saya. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama saya setuju iaitu bahawa Akta Penggalakan Pelaburan ini mestilah bersifat mesra sebab ini bukanlah undang-undang yang berbentuk kawal selia. Dia mesra sebab ia adalah penggalakan sebenarnya, untuk menggalakkan, tetapi kalau sekiranya dia menyusahkan kita yang tidak menggalakkan kita untuk menjadi pelabur kerana betapa susahnyanya satu rang undang-undang ataupun akta yang nanti apabila kita luluskan adalah yang tidak mesra, yang kita hendak faham pun payah.

Maka saya setuju iaitu bahawa kementerian haruslah proaktif iaitu menyediakan satu yang lebih komprehensif untuk kita persetujuan. Apa yang ada selepas ini kita mansuhkan supaya dengan kata lain bahawa manfaatnya ialah untuk yang menjadi keutamaan perbincangan kita pada hari ini iaitu untuk kita menerima pelabur-pelabur, baik tempatan ataupun luar negara untuk kita menjadikan negara kita ini ekonominya adalah berdaya saing, ada *value added* dan sebagainya untuk menjadi sebuah destinasi pelaburan yang cukup menarik di rantau ini.

Saya setuju, sebab itulah saya berharap bahawa di Dewan Yang Mulia ini apa yang kita bahaskan, yang kita perbincangkan tentang perkara ini supaya kita tidak mahu menerima satu undang-undang yang ditampal sana, ditampal sini yang menyebabkan akhirnya bukan setakat kita, yang berada di Dewan yang mulia, yang menjadi penggubal undang-undang ini untuk meluluskannya, tetapi yang lebih malang daripada itu ialah pegawai-pegawai yang akan melaksanakannya pun, berhadapan dengan masalah untuk menghayati dan memahaminya.

Tuan Yang di-Pertua, saya...

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, boleh bagi saya laluan sikit?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih, terima kasih Dato' Mohd. Puad, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit berhubung dengan tampalan-tampalan ini. Yang Berhormat ada menyebut tadi sebagai satu contoh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengisytiharkan pengecualian cukai daripada keuntungan hartanah di Wilayah Pembangunan Iskandar.

■ 1530

Pengumuman telah dibuat dan *investor* yang berminat di situ telah pun mendengar. Adakah insentif yang semacam itu telah pun dimasukkan di dalam undang-undang. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak bagi?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya, ya silakan.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat celahan-celahan yang dilakukan oleh rakan-rakan dalam isu ini telah menjuruskan kita kepada persoalan peranan kita sebagai penggubal undang-undang atau *legislator*. Sekarang dalam isu pindaan akta galakan ini kita mempunyai dua pilihan. Apa yang dilakukan oleh kementerian dalam isu ini ialah mengemaskinikan undang-undang untuk masa depan. Satu lagi pilihan yang kedua yang kita ada ialah mengemukakan satu akta baru untuk merangkumi perancangan-perancangan dagangan dan perindustrian untuk masa depan yang mana jika akta itu dibuat dengan mengambil kira apa yang akan berlaku masa depan maka ia lebih relevan.

Kenapa saya kata begitu, kerana apabila kita membuat kemas kini iaitu pindaan kepada undang-undang yang ada yang telah pun diwujudkan dalam tahun 1986, senario pada ketika itu amat berbeza dengan senario sekarang kerana proses dinamik dalam bidang perdagangan ini berlaku dengan begitu cepat.

Oleh sebab itu kalau kita baca akta ibu yang ada itu, ia relevan pada ketika itu tetapi pada masa kini banyak perubahan umpamanya dari segi teknologinya yang memerlukan kita persekitaran yang baru. Sebab itu saya minta pandangan Yang Berhormat Dr. Fuad sama ada perlu kementerian melihat untuk masa depan untuk mengemukakan, kerana seperti mana yang dibangkitkan tadi bahawa ia tidak serupa macam undang-undang jenayah dan lain-lain kerana jenayah ini sentiasa berlaku dan perubahan jenayah dari segi teknologi kurang berlaku dan proses dinamik yang ada dalam perdagangan pelaburan pada hari ini telah begitu jauh meninggalkan akta-akta ini. Oleh sebab itu minta pandangan daripada Yang Berhormat Dr. Fuad.

Puan Mumtaz binti Md. Nawi: Saya juga mohon laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Saya takut terlupa, saya perjelaskan dahulu. Pertama tentang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Rashid tadi, oleh kerana insentif yang diumumkan mengenai WPI ini baru sahaja, saya pasti bahawa tidak ada dalam rang undang-undang ini sebab rang undang-undang ini hanya memasukkan insentif-insentif yang sudah diumumkan dalam belanjawan-belanjawan daripada 2001 hingga 2005 jadi yang WPI ini sudah tentulah tidak ada.

Inilah uniknya dari segi penggalakan pelaburan ini kita buat dahulu dan ini pun yang berlaku sebab yang 2001 hingga 2005 itu kita sudah buat baru sekarang hendak di *legalize* kan, hendak dijadikan undang-undang. Kes WPI ini pun maksudnya umum, buat kemudian barangkali kemudian nanti barulah hendak dijadikan undang-undang. Maksudnya terpaksa memasukkan perkara-perkara baru. Ini yang timbul soal tampal sana tampal sini yang akhirnya jadi tidak elok.

Kita kena faham juga bahawa pelaburan ini ialah penggalakan. Penggalakan ini maksudnya dia perubahannya cukup cepat dan ini yang disebutkan oleh Yang Berhormat Wan Nordin tadi. Saya setuju bahawa dia menjadi terlalu dinamik sebenarnya tetapi kesannya nanti ialah kesan dari segi apa yang kita sebut ialah masalah orang yang hendak memahami tentang insentif-insentif ini jika sekiranya undang-undang ini adalah begitu rumit untuk difahami kerana berlaku tempelan-tempelan tadi, tempel menempel lagi.

Oleh kerana itu saya harap apa yang saya jelaskan kepada apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' adalah begitu jelas iaitu bahawa dari segi WPI ini sebab dia baru sahaja iaitu cukai keuntungan yang dikecualikan terhadap hartanah ini ialah bermula daripada 1 April. Kita kena ingat sebenarnya bahawa selama ini yang kita bising kenapa dikecualikan daripada FIC ini, sebenarnya telah lama pun sejak tahun 80-an kalau kita tengok di sektor perkilangan langsung tidak ada apa pun dari segi ekuiti dan sebagainya dibiarkan begitu sahaja sebab dia adalah insentif.

Sebab itu sebenarnya berlaku tetapi bila baru disebut dikecualikan FIC macam kita terkejut. Sebenarnya insentif ini sudah lama di *implement* kan cuma itulah dia tidak di *legalize* kan, ia tidak disebut dalam undang-undang. Inilah barangkali uniknya dalam soal Akta Penggalakan Pelaburan. Namanya pun penggalakan pelaburan jadi bila penggalakan ini maknanya ia akan sentiasa berubah dan menjadi dinamik.

Tuan Yang di-Pertua, ya silakan.

Puan Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat kerana memberikan laluan. Berdasarkan kepada pengalaman, saya adalah seorang peguam dan saya biasa melihat akta-akta dan banyak akta yang kita lihat sebenarnya lebih tebal dari akta ini di mahkamah tetapi jarang kita jumpa satu akta yang begini sekali kronik dan rumitnya untuk difahami kerana silang-silang yang kita akan baca sampai saya jangka boleh memeningkan.

Saya minta pandangan Yang Berhormat kalau beginilah rupa penggalakan kita bagaimanakah nanti akan jadinya rupa bentuk kontrak ataupun *agreement* yang akan kita buat, yang akan disediakan oleh peguam untuk diserahkan kepada pelabur-pelabur untuk mereka tandatangan sebab aktanya pun sudah pening, kalau kita hendak isikan semua, lebih lagi saya rasa dijangka akan pening kerana kalau kita kata perkara ini merupakan suatu galakan, tidak munasabah kalau kita hendak menggalakkan orang berniaga dengan kita, kita memberikan suatu benda yang payah.

Kalau kita masuk KFC kita tunggu sampai dua jam untuk makan KFC, saya rasa ramai yang pulang jadi antara cara untuk menarik pelanggan adalah memberikan khidmat yang cepat dan memahamkan dalam bentuk yang mudah. Sebagaimana juga undang-undang, walau pun ini adalah suatu undang-undang yang positif untuk menggalakkan, semua undang-undang mestilah sesuatu perkara yang akan dan perlu seimbang dengan masa.

Dalam kata itu apakah Yang Berhormat berpendapat kita perlu dengan segera memansuhkan akta ini dan kita minta terus dikemukakan rang undang-undang yang lain yang lebih menggalakkan dan lebih positif untuk kita tampilkan kepada pelabur-pelabur asing kerana kita percaya bahawa pandangan kali pertama pelabur kepada negara kita yang pertama sebelum mereka berniaga adalah undang-undang. Saya pohon pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang telah banyak kita perkatakan tadi, bagi saya yang paling mudah ialah setelah kita membahaskan rang undang-undang ini kita terima dan kemudian kita berharap kementerian pertimbangkanlah apa yang sudah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa buat sesuatu yang baru selepas daripada ini. Banyak masa sehingga tahun hadapan pun tidak mengapa, kita tunggu. Macam saya ini kalau kena sambung insya-Allah kita boleh berbahas lagi.

Saya setuju dengan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya dalam hendak membahaskan rang undang-undang ini, saya hanya mampu memahami

perkara 4D tadi, perkara baru dan satu lagi ialah subseksyen baru 5(1DF) ini. Itu saya saja yang boleh fahami dan itu sahaja yang saya hendak bahaskan pun kerana betapa rumitnya saya hendak belek sana, belek sini hendak tengok akta asal dan sebagainya. Sebab itulah dua perkara ini sahaja yang saya boleh dan saya setuju apatah lagi kalau sekiranya orang yang mempunyai latar belakang undang-undang seperti Yang Berhormat Dato' Idris dan juga Yang Berhormat Mumtaz. Apatah lagi macam saya ini.

Sebab itulah, saya amat bersetuju tetapi setelah kita menerima rang undang-undang ini maka kita berharap kementerian mempertimbangkan keluhan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara ini supaya di bawah satu yang baru yang lebih komprehensif sebenarnya untuk kita bahaskan dan dijadikan sebagai satu undang-undang yang mesra yang memang sebenarnya akan menggalakkan pelabur asing ini masuk ke negara kita.

■1540

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada subseksyen 5(1DF) ini, iaitu tentang masalah dan ini memang masalah kepada universiti untuk mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan mereka. Sebab itulah dengan adanya insentif-insentif ini, saya berharap ini dapat menyelesaikan, sebenarnya hasil-hasil penyelidikan universiti ini saya yakin kalau mendapat insentif dibantu dan sebagainya ia boleh menjadi produk yang boleh mendatangkan keuntungan.

Sebab ini adalah pelaburan tempatan yang dihasilkan oleh universiti-universiti kita sendiri. Saya telah menyebut beberapa perkara, satu daripada masalah hasil-hasil penyelidikan R&D di universiti ini adalah kerana ia bukan satu produk yang lengkap. Ini satu masalah, ia menghasilkan satu penyelidikan tetapi ia bukan satu produk yang lengkap sebenarnya. Sebab itulah akhirnya ia tidak boleh dikomersialkan kerana keterbatasan yang ada di universiti-universiti kita.

Satu lagi masalah yang berbangkit ialah, pihak industri ini kurang percaya terhadap kemampuan produk tempatan dan yang paling penting yang menjadi masalah kepada industri ini adalah perbelanjaan fasa pembangunan produk itu sebenarnya lebih mahal, lebih tinggi jika berbanding dengan fasa membuat penyelidikan. Yang ini sebenarnya yang menyebabkan Tuan Yang di-Pertua, kenapa pihak industri tidak berminat dengan hasil-hasil penyelidikan universiti untuk dikomersialkan kerana fasa untuk kita melakukan pembangunan, fasa pembangunan produk itu lebih mahal daripada fasa membuat penyelidikan.

Oleh itu, saya berharap dengan adanya Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2007, perkara-perkara seperti ini harus diberi perhatian. Apakah insentif kita baik kepada industri dan juga kepada universiti supaya R&D ini boleh dikomersialkan sebagai satu produk tempatan dan inilah yang saya katakana bahawa kenapa kita bersetuju, sebarang apa juga insentif-insentif yang boleh menggalakkan pelaburan di negara kita.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di sini, apakah yang boleh kita lakukan supaya hasil-hasil penyelidikan universiti ini boleh dikomersialkan. Antara yang pertamanya ialah, wujudkan *one-stop center* dengan izin, yang dikendalikan oleh MITI. Maksudnya MITI mesti menyediakan satu pusat yang dipanggil sebagai OSC ini. Iaitu yang menemukan antara universiti dan juga industri. Maksudnya kalau saya berhujah terdapat, kalau tidak ada hubungan yang rapat antara universiti dan industri.

Maksudnya industri pun malas hendak masuk ke universiti hendak tengok apa universiti punya penyelidikan, apatah lagi universiti pula, dia buat penyelidikan itu semata-mata kerana hendak dapatkan *professorship* dia, naik pangkat dan sebagainya. Dia bukan peduli hendak hantar pada industri, maka itulah yang saya katakan kerenggangan hubungan ini menyebabkan akhirnya kita boleh menang hadiah-hadiah pertandingan penyelidikan di luar negara, tetapi hasil penyelidikan itu tidak boleh dijadikan sebagai satu produk kerana hubungan yang tidak rapat antara industri dan universiti. Maka satu usaha awal yang perlu dilakukan adalah *one-stop center* ini. Iaitu OSC ini adalah untuk merapatkan hubungan antara dua pihak.

Yang kedua ialah, MITI sendiri mesti wujudkan badan khas yang boleh merapatkan kedua hubungan ini. Maksudnya mesti ada satu unit di MITI sendiri, satu jawatankuasa khas yang mengadakan satu pertemuan, selain daripada *one-stop center* tadi, iaitu untuk merapatkan hubungan antara universiti dan juga industri supaya dengan hubungan yang rapat ini lebih memudahkan universiti memaklumkan kepada industri bahawa ini adalah hasil penyelidikan ia dan lebih memudahkan untuk industri melihat apakah hasil-hasil penyelidikan yang ada pada universiti tersebut yang berpotensi untuk dikomersialkan oleh industri.

Sudah tentulah yang ketiga, yang ingin saya nyatakan di sini ialah bahawa kita mesti ada insentif khas. Apakah insentif khas supaya hasil-hasil penyelidikan itu dapat dikomersialkan menjadi satu produk yang lengkap seperti mana yang saya sebutkan tadi fasa pembangunan itu lebih mahal dan ini menyebabkan industri kadang-kadang lebih menjadi *reluctant* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk menerimanya, tetapi kalau kita memberikan insentif kepada industri supaya mereka bersedia walaupun mahal tetapi ada insentif, subsidi dan sebagainya, menggalakkan mereka sebab dia tahu sebenarnya benda ini berpotensi tetapi kerana adanya insentif daripada kerajaan, maka sudah tentulah saya fikir dan saya yakin bahawa inilah yang akan menyebabkan hasil-hasil penyelidikan itu akan menjadi suatu produk yang lengkap yang boleh dipasarkan.

Sebab kita tahu, masalah universiti ialah dia boleh buat penyelidikan tetapi dia tidak ada satu kemahiran dari segi pemasaran dan sebagainya. Itu memang dia tidak ada. Dia memang boleh berteorilah mengajar subjek *business study* dan sebagainya tetapi bila bab hasil penyalidikannya dia, dia pun tidak tahu hendak bawa ke mana. Cuma seperti mana yang saya katakan tadi Tuan Yang

di-Pertua, tujuannya hanya untuk dia mendapat kenaikan pangkat atau pun kemudahan-kemudahan lain, *professorship* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu MITI harus berperanan untuk menjadi pihak yang menghebahkan hasil-hasil penyelidikan dan pembangunan, *research and development* yang dilakukan oleh universiti terutamanya R&D yang berkualiti. Dia yang perlu menghebahkan. Sebab itulah, ini yang saya katakan jurang tadi. Bila adanya *one-stop center*, adanya badan khas akan lebih mudah untuk kita menghebahkan hasil-hasil penyelidikan yang berkualiti, yang berpotensi untuk dibangunkan, untuk menjadi satu produk yang boleh dipasarkan baik tempatan atau pun antarabangsa.

Jadi sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya amat meyakini bahawa sebenarnya akta ini, sebenarnya boleh memberikan kelegaan sedikit kepada kita tentang isu yang selama ini sering diperkatakan iaitu bahawa hasil-hasil penyelidikan, R&D universiti ini tidak berupaya untuk dikomersialkan kerana inilah masalahnya. Dengan adanya perkara baru yang dimasukkan dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986 ini, kita berharap sedikit sebanyak bahawa masalah ini boleh diselesaikan.

Inilah yang saya kata, yang meyakinkan saya bahawa kerajaan adalah proaktif dan fokus kepada isu ini yang selama ini dibangkitkan, disebut dan sebagainya. Kita sudah melihat adanya bentuk tindakan dengan menyediakan satu rang undang-undang ini yang kita harap bahawa dengan adanya insentif-insentif seperti ini, maka lebih banyak produk-produk baru boleh dikeluarkan. Inilah yang saya kata akan mewujudkan daya saing dan mewujudkan satu galakkan pelaburan di negara kita sebab pelaburan ini datangnya daripada dalam sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat negara Jepun. Jepun antara rakan pelabur kita yang paling besar kalau berdasarkan data untuk tahun 2006 iaitu sebanyak RM4.4 bilion, tetapi selama ini kita sering dimaklumkan bahawa Jepun adalah negara yang paling kedekut dari segi untuk memindahkan teknologi. Jadi apakah ini puncanya kenapa kita terpaksa, yang ini saya perlukan penjelasan. Kenapa Mitsubishi tidak lagi menjadi rakan kepada Proton sebenarnya? Apakah kerana masalahnya Jepun memungkir janji, kerana tidak memindahkan teknologi.

■1550

Maka ini juga satu isu yang cukup penting sebenarnya sebab Jepun adalah pelabur yang agak besar juga di negara kita iaitu sebanyak RM4.4 bilion. Sebab itu dalam perkara ini barangkali dalam kita mencari pelabur-pelabur asing untuk masuk ke negara kita, maka kita mesti mencari rakan-rakan pelabur yang lebih jujur. Kita tahu bahawa Rusia adalah sebuah negara yang sekarang ini semakin rapat hubungannya dengan kita, tetapi kita pun tahu bahawa Rusia ini ia seperti tidak menjadi pelabur utama di negara kita dan pelancongnya pun tidak ramai datang ke negara kita sebab

orang Rusia lebih suka melancong ke Thailand yang kita tahu kenapa pun sebabnya. Apa sebabnya kita pun tahu dia lebih suka ke Thailand daripada Malaysia.

Saya ingin maklumkan di sini bahawa pelabur-pelabur dari negara-negara luar ini termasuk Singapura dan sebagainya, apakah mereka ini cukup serius dari segi pemindahan teknologi ke tempat kita. Sebab itulah kenapa insentif-insentif ini cukup penting. Yang Berhormat Dato' Musa tadi mempertikaikan tentang pengecualian cukai keuntungan hartanah untuk Wilayah Pembangunan Iskandar.

Tuan Yang di-Pertua, itu saya kata tadi bahawa untuk kita menerima pelabur-pelabur asing, maka kita mestilah menyediakan insentif-insentif yang menarik, tetapi dalam masa yang sama, kita mestilah menarik pelabur-pelabur asing yang mesra dengan kita, yang saya sebutkan tadi bila saya membangkitkan soal Jepun dan sebagainya ialah mereka ini benar-benar mengamalkan sikap yang kita panggil sebagai *win-win situation*, dengan izin.

Maksudnya mereka bukanlah orang kata hendak melabur itu semata-mata tidak mahu berkongsi keuntungan itu bersama dengan kita, tetapi kita tidak boleh menafikan bahawa sektor hartanah ini adalah satu yang semakin penting di dalam usaha kita untuk menggalakkan pelabur masuk ke negara kita, tetapi kalau sekiranya kita tidak ada insentif tertentu seperti pengecualian cukai keuntungan, maka sudah tentulah mereka akan pergi ke negara-negara lain. Yang ini yang saya masih ingat ada disebut oleh salah seorang Yang Berhormat tadi, Dato' Omar, kita hairan kenapa sekarang ini banyak syarikat memindahkan operasi mereka daripada negara kita pergi ke negara China. Kenapa?

Kalau di Batu Pahat, tempat saya itu ada satu, dua tempat sudah tutup, Mitsumi dan sebagainya. Tutup dan menimbulkan masalah iaitu ramai pekerja diberhentikan kerana mereka memindahkan operasi dan kita bimbang bahawa akhirnya nanti syarikat-syarikat besar seperti IBM dan sebagainya, mereka akan lebih berminat untuk memindahkan operasi mereka dari negara kita ke negara China sebagai China menyediakan insentif-insentif yang lebih menarik. Sebab itulah maksudnya insentif penggalakan pelaburan ini cukup penting dan kita kena kreatif dan sebab itulah saya menyokong iaitu tentang pengecualian cukai pendapatan hartanah ini kerana ini menjadikan tempat kita berpotensi sebagai pemegang hartanah antarabangsa.

Cuma barangkali kita juga perlukan kawalan. Itu yang saya sebut di awal-awal tadi kita kena berhati-hati. Berhati-hati ini mestilah maksudnya dengan adanya strategi-strategi lain. Antaranya ialah pelabur-pelabur tempatan. Sebab itulah saya mengharapkan...

Tuan Ahmad bin Husin: Yang Berhormat, mohon laluan.

Dato' Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Sedikit lagi Yang Berhormat ya. Saya mengharapkan bahawa agensi-agensi amanah kerajaan seperti MARA, Lembaga Kemajuan Bandar, dahulunya UDA, PNB dan sebagainya, termasuklah pelabur-pelabur berpotensi yang lokal ini sebab kita banyak

syarikat, YTL dan sebagainya, mereka ini juga harus diberi peluang dan tempat di Wilayah Pembangunan Iskandar supaya ada keseimbangan dengan kita menerima pelabur asing yang mana mereka masuk kerana adanya insentif yang menarik itu tadi. Sila Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil untuk bertanya kepada Yang Berhormat sebab Yang Berhormat ada menyebut tentang kenapa kilang-kilang yang di Malaysia akhir-akhir ini dipindah ke negeri China, ke Cambodia, Vietnam dan sebagainya. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat. Setakat yang saya tahu di negeri China, mereka juga ada *Labor Law*, tetapi tidaklah dikuatkuasakan secara ketat.

Mereka bekerja antara pukul 8.00 pagi sampai pukul 11.00 malam di industri mereka. Mereka sanggup kerja lebih sehingga dikatakan oleh saudara saya sendiri yang melabur di sana, ada kilang di negeri China, masa untuk ke bilik air pun tidak lama, tidak boleh lama. Ada masa terhadap sahaja, tidak boleh sewenang-wenangnya. Bukan itu sahaja, tumpuan kepada kerja itu secara lebih bertanggungjawab. Saudara saya ini mempunyai sebuah kilang yang mempunyai 1,800 pekerja, walhal pertamanya yang hendak dibangunkan dan dibina di sini tetapi oleh sebab birokrasi, *red tape* dan sebagainya, soal tanah dan sebagainya, pihak kerajaan tempatan pun bermasalah dan sebagainya, akhirnya dibawa ke sana dan berjaya.

Gaji yang saya difahamkan hanyalah RM200, kerja pagi sampai malam. Maksudnya kerja kuat. Adakah mereka ini susah atau memang budaya China semasa sekarang yang kita bincang ini dan mereka ini pula hanya sehari sahaja cuti, hari yang dapat gaji. Bila dapat gaji hari itu, hari cuti, sehari sahaja, kerja tujuh hari seminggu. Cuba kita bayangkan tengok, yang ada di negara kita, *factories* yang ada ini, saya tidak sebut kakitangan kerajaan, saya sebut sebab kita membincangkan *direct investors*, dengan izin. Jadi, masa kerja panjang, kerja kuat untuk *survival*.

Adakah pekerja kita ini kita manjakan menyebabkan produktiviti kurang, gaji hendak banyak, mohon daripada kerajaan gaji minimum dan sebagainya? Apakah sikap pekerja kita menyebabkan tidak sesuai dengan budaya yang memerlukan produktiviti yang tinggi, tanggungjawab yang tinggi dan komited untuk membangunkan negara ini? Saya minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya untuk kita menarik pelabur asing ini banyak faktor. Antara yang sudah pun dibahaskan oleh Yang Berhormat Dato' Gooi ialah tentang kestabilan politik, yang kedua ialah infrastruktur dan soal sikap nilai ini juga sebenarnya penting, tetapi saya fikir antara yang penting juga ialah soal persaingan dari segi insentif.

Saya mengambil contoh, WPI. Sebelum ini Universal Studio bersetuju untuk membuka cawangan Universal Studio itu di Wilayah Pembangunan Iskandar. Memang dia setuju sebab dari segi infrastrukturnya, kita sudah ada *Second Link* sebab tempat itu di *Second Link* dan kita mampu menyediakan tanah yang seluas 10 ribu ekar yang diperlukan oleh Universal Studio. Oleh kerana Singapura memberikan insentif yang lebih kerana dia pun sedang membina pusat perjudian terbesar

dan dia boleh melakukan *reclamation* dan sebagainya, dan dia pun sudah kata dia akan buat *F1* waktu malam, maka insentifnya itu menyebabkan Universal Studio lebih tertarik daripada insentif kita dan mereka akhirnya buat keputusan dan sekarang keputusan adalah muktamad iaitu Universal Studio akan dibuat di Singapura.

■1600

Oleh sebab itulah kita membangkitkan betapa perlunya kita dinamik dari segi insentif. Kita perlu bersaing kerana insentif-insentif ini sebenarnya mempengaruhi keputusan mereka untuk melabur di mana. Kita sebenarnya kehilangan satu sumber yang cukup penting untuk menarik lebih ramai pelancong datang ke tempat kita apabila WPI itu terlepas peluang untuk menarik Universal Studio. Kalau kita tengok dari segi rekodnya memang ramai pengunjung suka datang ke Universal Studio. Oleh sebab itulah akhirnya sekarang ini kita berusaha untuk mengimbangi kerana Universal Studio lebih tertarik dengan insentif yang dikemukakan oleh Singapura dan buat keputusan untuk masuk ke Singapura. Maka kita sekarang ini terpaksa bekerja keras untuk mendapatkan *Disney World* untuk membuka cawangannya di Wilayah Pembangunan Iskandar.

Walau bagaimanapun tidak semuanya daripada *content Disney World* itu akan dibawa ke WPI. Oleh sebab itulah saya katakan bahawa pelabur asing ini dia melihat insentif tersebut. Dari segi infrastruktur kita sudah ada. Kita sanggup menyediakan 10,000 ekar tanah tetapi akhirnya dia pergi Singapura juga. Ini kerana Singapura kata dia boleh buat *reclamation*. Tempat dia lebih menarik sebab ia bersambung dengan pusat perjudian yang besar itu.

Jadi, ini yang menyebabkan kita mestilah bersikap pantas dan cepat kerana dari segi dinamik kita itu dari segi menyediakan insentif ini sebenarnya mempengaruhi. Oleh sebab itulah saya menyokong rang undang-undang ini kerana insentif-insentif inilah yang boleh mempengaruhi sebarang keputusan. Oleh kerana itulah baru-baru ini satu syarikat dari Jepun membuat keputusan untuk membina hotel tujuh *star*, di Lot 2, Wilayah Pembangunan Iskandar di Danga Bay itu.

Kita tidak boleh lambat, kita mesti bertindak cepat, sebab ini adalah satu bentuk pelaburan yang mana Perdana Menteri berkata bahawa walaupun dia adalah hotel tujuh *star* milik Jepun tetapi *content* nya, diurus dan sebagainya ialah orang Malaysia. Ia bukanlah setakat soal sikap semata-mata tetapi insentif-insentif. Ia adalah gabungan sebenarnya untuk kita menggalakkan kemasukan pelabur asing ini.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Mohon laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Silakan.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Tadi semasa Yang Berhormat membahaskan bahawa kenapa *Disneyland* dapat kepada Singapura ialah kerana mereka memberikan suatu benda yang lebih berpotensi kerana di sebelah tempat tersebut ada tempat perjudian. Jadi, adakah ini bermaksud bila mana kita ingin menggalakkan

pelaburan datang ke negara kita, ada perkara yang perlu kita korbankan kerana saya rasa di Malaysia ini bukan sekadar kita menggalakkan pelaburan tetapi kita ingin menunjukkan manusia yang ada *towering personality*. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Sebenarnya Johor memang membuat keputusan bahawa ia tidak akan membenarkan sebarang kasino dibuat di negeri Johor. Itu adalah keputusan yang telah dibuat kerajaan negeri, dan kita tidak merasakan bahawa itu satu-satunya faktor menyebabkan Universal Studio masuk ke Singapura, tetapi ialah apabila melihat ia dibuat dekat dengan tempat syurga kasinonya ini mungkin menarik perhatian mereka.

Kita lihat bahawa Singapura ini kalau boleh dia hendak bersaing dengan kita sebab dia tahu Wilayah Pembangunan Iskandar ini adalah satu persaingan yang hebat kepada dia. Apabila kita membuat apa yang disebut sebagai penggunaan *smart card* untuk pelabur masuk ke Wilayah Pembangunan Iskandar tanpa menggunakan pasport. Sebenarnya *smart card* ini bukan untuk orang Singapura. Kita semacam salah faham seolah-olah *smart card* ini untuk memudahkan orang Singapura masuk bebas di negara kita, tidak. Sebenarnya ramai pelabur asing ini duduk di Singapura tetapi untuk memudahkan mereka untuk bergerak sebab mereka duduk di Singapura, maka kita menyediakan *smart card* ini. *Smart card* ini sebenarnya adalah satu contoh betapa negara kita ini adalah kreatif dari segi insentif supaya pelabur ini duduk di Singapura tetapi datang melabur di Wilayah Pembangunan Iskandar.

Ini yang saya kata bahawa contoh tentang insentif. Apa yang menakutkan Singapura nanti ialah bahawa ramai pelabur-pelabur ini yang duduk di tempat dia ini akan tertumpu di tempat kita cuma masih duduk di Singapura. Ini antara yang menarik sebenarnya. Persaingan inilah barangkali kadang-kadang timbul soal cemburu tentang apa yang sedang kita lakukan yang akan menyebabkan soal antara kita dan Singapura ini bukan lagi soal-soal sentimen tetapi lebih kepada merit iaitu kita ada merit sebenarnya.

Merit ini banyak bergantung juga kepada keupayaan kita yang cepat merangka sesuatu perkara untuk bersaing dengan mereka. Oleh sebab itulah Akta Penggalakan Pelaburan ini sebenarnya tujuannya ialah berdaya saing, *value added* dan sebagainya. Inilah menyebabkan orang hendak masuk ke tempat kita. Oleh sebab itu Johor membuat keputusan kita tidak ada kasino, sebab kita tahu itu bukan satu faktor yang menyebabkan pelabur hendak masuk. Dia hendak mencari untung, kalau soal hiburan dia boleh beri ke tempat lainlah. Dia boleh pergi Pat Pong dan sebagainya. Tidak perlulah kita membuat di tempat kita.

Apa saya maksudkan tadi ialah Universal Studio, dan sekarang kita berusaha untuk mendapatkan *Disney World*. Satu lagi ada kawan saya pula mencadangkan kita bawa *Ripley's Believe it or Not*, itu pun ada. Pelabur itu sudah datang ke tempat kita tetapi bukan sayalah. Mereka berminat sebenarnya untuk datang ke Wilayah Pembangunan Iskandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya takut Tuan Yang di-Pertua nanti mencelah hendak berbahas soal undang-undang sebab tadi pun saya sudah berpeluh hendak menjawab.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap Yang Berhormat maklum ada dalam Peraturan Mesyuarat tidak boleh timbulkan sangkaan jahat.. *[Ketawa]*.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, saya tadi pun sebenarnya sudah berpeluh hendak menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat tentang rang undang-undang ini sebenarnya. Sebenarnya saya bersetuju iaitu bahawa apa pun kita tahu niat kerajaan ialah untuk membangunkan negara kita, untuk membawa kemakmuran kepada negara kita ini. Sebab itulah kerajaan cukup kreatif dalam menyediakan insentif-insentif dan menggubal rang undang-undang ini untuk kita persetujuan, tetapi untuk kita hendak menambah baik kepada *delivery system* supaya undang-undang yang kita putuskan di Dewan yang mulia ini benar-benar lebih berkesan, efektif dalam usaha kita hendak membangunkan negara.

Maka, dalam kita keadaan kita menerima rang undang-undang yang kita bahaskan ini kita juga memohon dan berharap kepada pihak kementerian supaya membawa sesuatu yang lebih komprehensif kepada kita yang untuk kita bahaskan kembali supaya hasrat kita untuk membangunkan negara ini benar-benar tercapai. Selain itu, negara kita ini memanglah menjadi destinasi pelaburan yang menarik dan membangun untuk kepentingan rakyat kita yang sudah pun 50 tahun merdeka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Boleh saya tahu berapa orang semua yang hendak berucap supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri sedia maklum bila beliau boleh gulung perbahasan ini.

Beberapa Ahli: Bangun.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat boleh dapat peluang semua. Silakan Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin dan kemudian Tuan M. Munusamy.

4.10 ptg.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang mengambil bahagian dalam perbahasan meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (Pindaan) 2007.

■1610

Setelah saya meneliti industri yang terlibat di dalam Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2007 ini tidak terdapat mana-mana senarai di dalam industri perfileman. Jadi, apakah industri ini tidak penting maka itu tidak perlu ada galakan pelaburan. Ataupun kerana industri ini berada di bawah kementerian lain iaitu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa), tetapi saya masih berpendapat bahawa industri filem juga amat penting di dalam menarik

pelaburan dari luar sepertimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad tadi bahawa beberapa industri perfileman dari Hollywood juga berminat untuk datang ke negara kita.

Sebenarnya kita pernah satu ketika dahulu membina satu industri seni perfileman, iaitu kita panggil sebuah *e-village*, tetapi apa yang berlaku dalam *e-village* pada ketika itu. Ada beberapa masalah yang timbul, maka tidak dapat menarik pelaburan dari luar untuk melabur di dalam *e-village*. Jadi oleh sebab barang kali belum ada insentif-insentif yang tertentu untuk menarik mereka daripada luar melabur dalam *e-village*. Jadi *e-village* telah gagal sehingga hari ini tidak dapat dilaksanakan dan dia tergantung begitu sahaja, walaupun ada pelabur-pelabur dalam negeri yang telah pun melabur, tetapi mereka juga terpaksa menarik diri dan akhirnya *e-village* ditutup.

Jadi satu lagi insentif yang kita dengar baru tadi bahawa kalau pihak universal studio ingin melabur di negara kita, tetapi telah lari ke Singapura di atas sebab-sebab tertentu, jadi dalam masa yang sama kita harus juga memikirkan bahawa kita juga tidak mahu kerana ada syer untuk jadikan tempat kita sebagai satu tempat perjudian. Jadi sudah tentu itu kita tolak.

Walau bagaimanapun kalau sekiranya kita ada Disney World untuk datang melabur dan membuka studionya di sini, memanglah itu satu usaha yang sangat baik dan insentif-insentif yang tertentu haruslah juga kita berikan. Kita pula belum ada pelabur-pelabur asing yang ingin melabur dalam bidang perfileman, kalau kita lihat, bukan sahaja pelabur-pelabur asing, tetapi pelabur-pelabur dalam negara sendiri pun kalau kita lihat amatlah kecil bilangannya, jika dibandingkan dengan negara-negara lain seperti di Indonesia, di Thailand, di Phillipine, dan lain-lainnya. Banyak pelabur yang melabur dalam bidang seni kerana mereka percaya bidang ini juga yang boleh membawakan keuntungan yang amat besar.

Tetapi oleh kerana kita tidak mempromosikan industri ini dengan meluas, jadi oleh kerana itulah kita tidak dapat menarik pelabur-pelabur yang datang ke sini kerana filem-filem dan program-program televisyen kita pun tidak dapat dipasarkan di luar negara. Tidak dapat dipasarkan di Indonesia, di Thailand, di Phillipine, di Hong Kong dan sebagainya. Jadi oleh kerana itu, maka pemasaran filem kita juga amat kecil dan terhad, maka tidak ada orang yang ingin melabur. Sebab itulah saya berpendapat bahawa industri ini masih perlu mendapat galakan dan bantuan dari kementerian Yang Berhormat, MITI dan dalam masa yang sama kita harus juga mempromosikan produk-produk kita ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak maklum ya Yang Berhormat, sama ada siri *Lord of the Rings*...

Tan Sri Datuk (DR.) Jins Shamsuddin: [*Masih berdiri*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat. Sila duduk sebentar. Bila Tuan Yang di-Pertua bercakap, Yang Berhormat kena duduk sebentar. Terima kasih.

Saya tidak maklum sama ada siri *Lords of the Rings* yang kesannya ke atas ekonomi New Zealand begitu hebat sekali, merupakan pelaburan New Zealand atau pelaburan Hollywood. Adakah Yang Berhormat maklum.

Tan Sri Datuk (DR.) Jins Shamsuddin: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat di New Zealand dan di Australia sebenarnya pelaburan dari luar. Kebanyakan pelaburan dari Hollywood. Kita lihat di Australia dan New Zealand hampir sama, banyak pengusaha dari Hollywood yang membuat filem-filem di sana dan mereka memang sebagai sebuah negara yang menarik perhatian dan juga memberikan insentif yang amat baik kepada Hollywood, sebab itulah mereka datang ke Australia dan New Zealand membuat filem-filem di sana.

Saya juga mengharapkan kementerian akan dapat memikirkan sesuatu seperti mana yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad tadi di dalam perkara 4(d) dan ini juga haruslah industri terpilih. Adakah kementerian Yang Berhormat dapat memikirkan barangkali dengan adanya persetujuan bertulis mengenai kewangan, boleh kalau saya bacakan sedikit:

“Menteri dengan persetujuan bertulis, Menteri Kewangan boleh dari masa ke semasa menentukan apa-apa aktiviti atau keluaran sebagaimana yang difikirkan patut sebagai satu aktiviti yang digalakkan atau keluaran digalakkan bagi industri terpilih.”

Jadi kalau itu dapat juga difikirkan bahawa mungkin industri terpilih ini filem juga adalah satu industri terpilih, kerana filem adalah sesuatu yang agak berbeza dari industri-industri yang lain dan boleh juga barangkali dimasukkan dalam senarai industri terpilih.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini saya pernah mencadangkan kepada kementerian supaya setiap kali misi perdagangan MITI di luar negara membawa penerbit-penerbit filem dari negara ini untuk mempromosikan filem-filem Malaysia di luar negara, tetapi setakat ini belum ada lagi pelawaan daripada MITI.

Saya berharap Yang Berhormat dapat mempertimbangkan permohonan ini kerana filem boleh memainkan peranan yang amat penting untuk mempromosikan Malaysia dan juga negara yang berbilang kaum, berbilang bangsa, berbilang keturunan, berbilang budaya ini untuk menarik pelancong-pelancong datang ke negara kita.

Jadi ini adalah merupakan sesuatu yang harus kita fikirkan dan bagaimana kita dapat mempromosikan filem-filem kita di luar negara, kerana filem itu dapat menggambarkan budaya Malaysia dan juga latar belakang serta lokasi-lokasi yang menarik. Walaupun baru-baru ini (KeKKWa) Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah pun mengadakan dengan izin, *Malaysian Week* atau *Minggu Malaysia* di Common Garden di London, mempromosikan budaya. Dalam masa yang sama FINAS telah mengikuti rombongan itu dan ikut serta membawa tujuh buah filem yang ditayangkan secara percuma di Audience, Common Garden.

Tuan Yang di-Pertua: Common Garden?

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsuddin: Common Garden. Dan *Minggu Malaysia* ini telah pun dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib kerana kita merasakan bahawa filem memainkan peranan, maka kita telah membawa tujuh buah filem *Malaysia, Cinta, Bilut, Waris Jari Hantu, The Red Kebaya, Puaka Tebing Biru, Cicak Man, dan Jangan Pandang Belakang*. Filem-filem ini telah ditayangkan dipanggung yang agak berprestij di Audiens dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Jadi kalau ini dapat kementerian membawa filem-filem, kita dijadikanlah misi bersama dapat kita mempromosikan filem-filem kita di negara-negara yang dijadualkan di dalam misi perdagangan MITI, itu mungkin lebih berkesan kerana negara-negara yang dilawatinya lebih banyak di samping memperkenalkan Malaysia sebagai tempat lokasi penggambaran filem, hari ini kita disyorkan supaya filem-filem kita ini diimport dari luar negara. Jadi filem kita terlalu banyak diimport dari luar negara termasuklah filem-filem yang ditayangkan di televisyen yang diimport dari Korea, Jepun, Indonesia, Thailand, Brazil dan ditayangkan di stesen-stesen TV tempatan, tetapi filem-filem kita sukar untuk menembusi pasaran di negara-negara yang berkenaan kerana mungkin promosinya tidak begitu efektif dan mungkin juga ada sebab-sebab yang lain.

■1620

Maka itu kita perlu mempromosikannya secara lebih agresif walaupun kita mengamalkan pasaran terbuka, *free enterprise* tetapi saya merasakan bahawa, kita juga harus mengambil contoh seperti di Indonesia. Contoh di sana mereka mengamalkan *free enterprise* tetapi ditambah di depan itu dia kata, *guidance free enterprise* dengan izin. Bererti dia pandu, apa yang boleh dan apa yang tidak boleh. Jadi bererti dia pandu....

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, setakat yang saya tahu bahawa filem-filem di negara kita ini juga mendapat insentif tapi banyak datangnya daripada kementerian yang lain seperti Wajib Tayang dan sebagainya tapi kalau dari sudut MITI ini, apakah insentif yang sesuai untuk industri perfileman negara kita yang boleh membantu ia boleh menjadi satu pelaburan yang bermanfaat kepada negara kita.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya katakan tadi MITI berperanan untuk mempromosikan filem ini dan setiap kali ada misi perdagangan membawa beberapa orang produser dan juga filem-filem kita untuk kita mempromosikan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua: Katalah kita galakkan pelabur-pelabur Korea melabur dalam sektor perfileman di negara kita, adakah itu akan lebih memungkinkan filem-filem kita dapat sambutan di Korea?

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Memang boleh kita lakukan kerana ada di antara filem-filem yang kita buat *joint venture* sebagai contoh hari ini. Dahulu kita tak pernah dapat, sukar untuk mendapat pasaran di Indonesia. Baru-baru ini kita telah pergi ke Indonesia dan kita buat promosi filem kita di sana di Jakarta dengan bantuan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Kalau ini dilakukan oleh MITI barangkali ia lebih berkesan kerana banyak lagi tempat yang boleh kita lawati dan kita telah dapat buat satu filem *joint venture* iaitu *Diva* dan filem ini telah dipasarkan di Indonesia, dipasarkan di Brunei, dipasarkan di India kerana pasarannya lebih luas dan kita boleh mengambil beberapa pelakon yang terlibat dari India, dari Indonesia dan dari Malaysia. Kalau ini juga dilakukan dengan Korea ataupun dengan Philippine ataupun dengan Thailand dan saya percaya bahawa kita boleh memasarkan filem kita di sana dan promosi inilah yang perlu kita lakukan dan kami mengharapkan sangat MITI dapat membantu kita untuk mempromosikan filem-filem ini.

Satu lagi perkara yang saya ingin kemukakan adakah kementerian mempunyai peruntukan atau undang-undang ataupun peraturan-peraturan yang membolehkan kita mengenakan syarat-syarat setiap filem untuk ditayangkan di televisyen sama ada di panggung wayang yang diimport hendaklah ditukar dengan program-program keluaran tempatan. Apa yang berlaku sekarang ini ialah kalau kita sebut jalan sehalu sahaja. Jadi sehalu yang datang dari luar ke negara kita, kita tak boleh ke sana.

Jadi kalau boleh kita minta *two way traffic*, dengan izin, jalan dua hala bererti setiap program televisyen yang masuk ke negara ini dan dia juga harus kalau ada peraturan untuk filem kita juga dapat masuk ke sana. Pertukaran ini akan memperluaskan lagi pasaran kita di luar negara dan saya amat tertarik hati apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Dr. Puad tadi kalau kita dapat memberikan insentif-insentif yang tertentu kepada negara kita dan kita percaya banyak lagi pelabur asing yang akan melabur dan membuat filem di sini untuk dipasarkan ke luar negara.

Jadi galakan pelaburan di dalam bidang perfileman ini biasanya adalah pasaran yang amat luas. Jadi kalau ada galakan pasaran dapat diluaskan maka dengan sendirinya orang akan datang untuk melabur dan membuat. Apa yang telah terjadi sekarang ini pasarannya terhad, terlalu terhad. Jadi oleh kerana itu tidak ada yang berminat untuk melabur. Sebab itu *e-village* pun gagal kerana tidak ada promosi yang tertentu untuk membawa pelabur-pelabur datang daripada luar negara.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau pelabur India hendak buat filem Tamil di sini adakah dapat pasaran?

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Kita tidak mempunyai halangan. Kalau ada pelabur-pelabur India yang datang ke sini hendak buat kalau mengikut peraturan yang ada sekarang ini kita tidak mempunyai halangan untuk buat filem Tamil atau *even* buat filem-filem Cina tetapi dia mestilah

menggunakan juga kepakaran yang ada dalam negara ini dan kalau boleh kita buat *joint venture* ataupun kerjasama.

Kalau dahulu kita pernah di Singapura dahulu semasa saya berada di sana kita pernah membuat kerjasama dengan filem India dan Maria Menado pernah berlakon dengan Rashi Kapoor, Sashi Kapoor buat pasaran itu dan filem itu dapat dipasarkan di India ketika itu dan banyak lagi kita buat. Sebelum itu kita juga membuat.....

Tuan Yang di-Pertua: Bila sebut Maria Menado dan Rashi Kapoor hanya Tan Sri Dato' Muhammad dan sayalah yang boleh angguk, yang lain tak tahu.

Beberapa Ahli: ...[Ketawa]

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: ...Kerana pelakon-pelakon lama jadi yang veteran seperti Tuan Yang di-Pertua dan juga kedua-dua Tan Sri memang masih ingatlah Rashi Kapoor, Shammi Kapoor, Sashi Kapoor yang semua Kapoor itu. Jadi saya masih ingat kerana saya terlibat dan kita juga pernah membuat *joint venture* dengan izin, dengan Thailand dan filem itu dapat dipasarkan dengan Thailand. Sebenarnya filem kita pernah dipasarkan di luar negara. Pada ketika itu diusahakan oleh pengusaha itu sendiri. Tidak ada insentif daripada mana-mana jabatan kerajaan.

Jadi oleh kerana kita sudah ada undang-undang dan peraturan ini oleh kerana kita ada penggalakan pelaburan dari MITI ini barangkali kita boleh gunakan platform ini bagi tujuan untuk memasarkan filem kita ke luar negara dan mungkin satu ketika kita boleh berjaya dapat memasarkan filem kita di luar negara dan dengan itu kita boleh menarik pelabur-pelabur dari luar negara lebih ramai untuk datang melabur di negara kita kerana dengan adanya pelaburan dari luar negara itu kita dapat memperkenalkan budaya negara kita dan dalam masa yang sama kita dapat memperkenalkan lokasi-lokasi yang menarik untuk negara-negara asing datang ke sini untuk membuat penggambaran dan itu memang sudah ada di dalam usaha kita di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan untuk menggalakkan mereka untuk datang membuat filem di negara ini.

Dengan adanya itu kita dapat sama-sama membantu pengusaha-pengusaha filem tempatan membuat kajian-kajian bagi memasarkan filem-filem kita di luar negara. Maka saya mengharapkan sangat kepada kementerian, MITI supaya dapat memberikan insentif-insentif ini, membantu industri perfileman ini dan kalau ada peluang-peluang yang dapat kita lakukan melalui MITI dan kami bersedia untuk bersama dan berserta di dalam misi-misi perdagangan bagi mempromosikan.

Dalam masa yang sama baru-baru ini MAS telah pun membantu kita, menayang beberapa filem tempatan di dalam penerbangannya ke London dan saya sendiri dapat melihatnya. Ini satu insentif yang amat baik dilakukan oleh MAS kerana dengan adanya tayangan itu maka dengan sendirinya kita dapat mempromosikan filem kita dan yang penting ialah negara kita kerana ia datang dari Malaysia, kerana mereka ingin melihat budayanya, bahasanya dan juga latar belakang supaya dapat mereka datang ke sini untuk menjadikan Malaysia sebagai satu hab pembikinan filem seperti

yang telah diusahakan oleh Hollywood untuk datang ke Singapura. Kita sudah terlepas satu peluang yang amat baik dan kita harap peluang yang kedua ini tidak akan terlepas dengan memberikan insentif yang munasabah supaya dapat mereka terus menjadikan kita Malaysia sebagai sebuah negara yang dapat melahirkan filem-filem yang bermutu.

Kalau kita bandingkan di Singapura dengan Malaysia tentulah berbeza kerana kita lebih banyak lokasi yang menarik untuk buat filem jika dibandingkan dengan pulau Singapura yang kita semua tahu hanya di sekitar itu sahaja. Kalau hari ini hendak cari hutan pun sudah tak ada di Singapura, hendak cari bukit pun sudah tak ada, hendak cari sungai pun agak sukar tapi kita masih ada lokasi-lokasi yang menarik kerana filem memerlukan semua ini. Elemen-elemen perfileman memerlukan sungai, bukit-bukau, kampung, desa, badan dan sebagainya. Jadi tentulah hanya dapat membuat filem-filem yang hanya berkisar di bandar sahaja tapi kita masih ada peluang untuk menarik pelabur-pelabur dari luar untuk membuat filem di negara kita apatah lagi kalau kita dapat mempromosikan negara kita melalui filem-filem dokumentari yang ada sekarang ini juga telah kita buat banyak filem dokumentari untuk kita promosikan di luar negara. Dengan adanya misi perdagangan MITI dan saya percaya kita dapat melakukannya dengan lebih baik. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

▪ 1630

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Munusamy kemudian Puan Mumtaz.

4.32 ptg.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya untuk bersama-sama membahaskan pindaan kepada Akta Penggalakan Pelaburan 1986 iaitu satu akta penting dalam usaha kita untuk meningkatkan jumlah pelaburan di negara kita.

Saya percaya kita harus dari semasa ke semasa melihat kepada insentif-insentif yang ditawarkan untuk menggalakkan pelaburan di negara ini. Jika kita melihat kepada sejarah pembangunan ekonomi negara kita, pelaburan langsung asing memainkan peranan yang penting. Malah pada hari ini pun ia masih memainkan peranan yang penting untuk pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, menurut pakar-pakar ekonomi terdapat dua kategori faktor yang mempengaruhi pelaburan langsung asing. Iaitu faktor penarik dan juga faktor penolak.

Faktor penarik adalah seperti insentif yang terdapat di sesebuah negara yang boleh menarik minat para pelabur untuk melabur seperti galakan daripada kerajaan, kos tetap yang rendah, upah buruh yang rendah dan seumpamanya.

Sebaliknya faktor penolak adalah kekangan atau halangan yang terdapat di negara pelabur yang menyebabkan mereka beralih untuk melabur di negara lain yang mempunyai kelebihan berbanding atau *comparative advantages*, seperti kekurangan atau kekeliruan dalam perundangan.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah kajian telah dilakukan atas faktor-faktor penarik dan penolak ini? Jika ya, apakah faktor-faktor penarik utama yang menyebabkan pelaburan asing melabur di negara ini? Dan apakah pula faktor-faktor penolak yang utama yang menyebabkan mereka beralih untuk melabur ke negara lain? Saya percaya kajian ini penting supaya kita boleh memahami senario pelaburan dunia dan boleh meningkatkan lagi faktor-faktor penarik untuk meningkatkan lagi jumlah pelaburan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pelaburan langsung asing telah membawa kepada kemasukan modal, penciptaan pekerjaan dan juga pemindahan teknologi kita juga perlu melihat kepada pelaburan yang dibuat oleh para pelabur tempatan.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, bagaimanakah kedudukan atau *amount* daripada pelabur tempatan jika dibandingkan dengan para pelabur asing sejak dua dekad yang lepas? Apakah insentif-insentif yang diberikan kepada pelabur tempatan sama ada dengan insentif-insentif yang diberikan kepada para pelabur asing? Atau adakah ia lebih baik?

Saya menimbulkan perkara ini kerana pernah satu ketika dulu kajian dibuat oleh 'Khoo Kok Peng' yang di laporkan dalam jurnal, '*Pacific Air Fares*' mendapati bahawa jumlah aliran keluar keuntungan pelaburan bagi tempoh 25 tahun di negara ini adalah melebihi jumlah aliran masuk, jumlah modal swasta jangka panjang.

Kajian 'Khoo' juga mendapati aliran keluar modal akibat pelaburan langsung asing bukan hanya terhad kepada keuntungan yang di bawa balik sahaja tetapi juga dalam bentuk lain seperti pembayaran untuk teknologi yang diimport, pembayaran gaji pengurusan di luar negara dan kos pemindahan teknologi. Ini adalah kajian yang dibuat bertahun-tahun lalu. Oleh itu saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah senarionya pada masa kini? Saya percaya jika pelaburan tinggi, isu aliran keluar modal mungkin tidak berlaku.

Kita harus terus memberi galakkan kepada firma-firma tempatan untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan dengan menyediakan dana yang mencukupi untuk kegunaan mereka supaya mereka boleh meningkatkan keupayaan untuk mengembangkan perniagaan mereka dan melabur dengan lebih agresif dalam ekonomi domestik. Perkara ini telah pun disebut oleh rakan kita Yang Berhormat Dr. Mohd Puad.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu faedah yang diperoleh daripada pelaburan langsung asing adalah dari aspek pemindahan teknologi. Kita sedia maklum bahawa pelaburan langsung asing telah menyediakan peluang pekerjaan yang banyak, khususnya dalam sektor industri elektrik dan

elektronik. Persoalannya, adakah kita berjaya mewujudkan kesan rantaian ke atas industri tempatan kita?

Saya ingin bertanya juga, apakah usaha-usaha yang dibuat untuk mewujudkan kesan rantaian yang lebih berkesan di atas industri tempatan? Kita semua maklum bahawa dalam RMK-9 seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun lalu, teras pertama RMK-9 adalah untuk meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi. Ini adalah satu langkah yang tepat kerana kita tidak lagi boleh menjadi negara pengeluar barangan yang berteknologi rendah kerana nilai tambah yang tinggi sesuatu barang terletak kepada industri yang berteknologi tinggi.

Kos buruh kita juga seharusnya bukan lagi merupakan faktor penarik kerana kita ingin meningkatkan taraf hidup rakyat kita dengan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja kita supaya dengan produktiviti yang lebih tinggi kita boleh minta gaji yang lebih tinggi.

Cuma persoalan sekarang adalah mengenai pengisian teras pertama RMK-9 ini dan sektor-sektor yang menjadi fokus kita dan juga kemahiran-kemahiran yang perlu kita kuasai. Kita perlu melakukan *stocktake* dengan izin, atau keupayaan kita sekarang dan juga keupayaan kita dalam masa 10 tahun yang akan datang, supaya kita dapat menyediakan program-program yang membawa kita ke arah tersebut. Mungkin kita tidak dapat menandingi ataupun *compete* dengan China dengan kos buruh yang rendah.

Mungkin kita perlu melihat kepada India yang kini mempunyai ramai *programmer* perisian komputer yang menjadi tarikan kepada firma-firma perisian antarabangsa dunia seperti *Microsoft*.

Kita perlu melihat kepada industri-industri yang mempunyai nilai tambah, *added value* yang tinggi dan menyediakan tenaga sumber manusia yang mencukupi dalam industri-industri ini untuk menarik pelabur asing untuk melabur dalam industri berteknologi tinggi dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Wilayah Pembangunan Iskandar di Johor adalah satu wilayah pembangunan ekonomi terbaru yang dijangka akan menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara ini. Saya difahamkan bahawa kita juga telah mengumumkan Wilayah Pembangunan Ekonomi Koridor Utara dan juga Koridor Timur untuk membangunkan ekonomi wilayah yang lebih seimbang.

Saya ingin meminta penjelasan yang lebih lanjut mengenai bentuk pelaburan yang ingin kita fokuskan dalam ketiga-tiga kategori koridor ini. Sebagai contoh, apakah bentuk pelaburan yang ingin kita beri perhatian di WPI? Dan apakah bezanya pula dengan Koridor Utara yang diterajui oleh Sime Darby dan Koridor Timur yang diterajui oleh Petronas.

■ 1640

Itulah sahaja satu, dua, tiga perkara yang saya ingin memaklumkan dan ingin membangkitkan di sini dan di sini juga saya ingin menyokong cadangan dan juga pandangan-pandangan yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan penggubalan akta baru bagi penggalakan pelaburan. Mungkin kini masa sudah sampai supaya kita

melihat balik semula akta ini supaya pada jangka masa yang pendek kita boleh dapat membahaskan satu akta baru penggalakan pelaburan 1986 ataupun pada tahun hadapan. Dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Mumtaz. Siapa lagi yang hendak berucap? Dato' Abdul Rashid dan Puan Heng. Ada lagi? Tidak ada lagi? Jadi, bolehlah kalau kita selesai sebelum 5.30 petang, Yang Berhormat boleh mula menggulung. Terima kasih. Sekurang-kurangnya adalah sedikit penetapan masa lebih kurang.

4.41 ptg.

Puan Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana turut membenarkan saya membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Pertama saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak kementerian. Walaupun tadi memang ramai daripada kita dan termasuk saya juga mencadangkan agar kita boleh mansuhkan terus akta ini dan kita buat akta yang baru. Memandangkan perkara yang banyak sudah ditampal, kalau Kelantan panggil, "*tepek*". Bubuh semua dalam ini, sudah masuk semua. Jadi, kita melihat ini satu usaha yang susah sebenarnya untuk dibuat walaupun mungkin yang melihat nampak senang.

Untuk menerbitkan sesuatu seperti ini, bukanlah satu pekerjaan yang senang. Jadi, atas usaha yang dibuat oleh kementerian itu saya ucapkan syabas dan tahniah kerana ini merupakan satu persediaan untuk kita menggalakkan lagi pelaburan datang ke negara kita. Yang kedua berkaitan dengan apakah yang kita harapkan daripada kelulusan penggalakan pelaburan yang berkaitan dengan undang-undang ini?

Yang pertama bagaimana kita melihat sikap yang ada kepada negara kita, yang ada kepada rakyat negara ini yang sedikit sebanyak telah boleh menyumbang sama ada secara positif atau negatif kepada galakan pelaburan negara kita. Yang pertama berkenaan dengan *corruption perception index*, satu indeks yang dibuat di peringkat antarabangsa yang menilai bagaimana kedudukan dan ranking apakah negara kita berada dalam indeks dunia khususnya tentang rasuah. Pada tahun 2003, negara kita berada di kedudukan 37, 2004 kedudukan 39, tahun 2006 naik ke tangga 44. Perkara ini kita tidak boleh pandang dengan separuh mata, sebelah mata ataupun tutup mata. Sebab bagi seseorang pelabur, rasuah ini merupakan satu malapetaka. Kerana apa? Dengan izin, ia merupakan satu *added cost, bring no value*. Ia satu tol dan *gatekeeper* kerana ia akan meningkatkan kos sesuatu *business* yang akan dilaburkan atau dibuat di negara kita.

Begitu juga dengan isu bangunan-bangunan kerajaan yang bocor. Ini juga sebenarnya memberikan satu imej yang kurang cantik dan tidak menggalakkan kepada pelabur untuk datang ke negara kita terutamanya apabila ianya dipapar dalam keadaan berturut-turut. Walaupun kita memang mahu integriti daripada media, tetapi ini sedikit sebanyak mencacatkan dan mencemarkan imej negara. Sepatutnya dalam semua hal sebagaimana yang telah diujahkan oleh Yang Berhormat

Dato' Gooi tadi, pemilihan untuk kakitangan ataupun pemimpin negara harus dibuat oleh rakyat dengan rasa akauntabiliti dan kesedaran yang tinggi kerana walaupun bukan kita yang membuat rasuah, orang lain yang buat rasuah tetapi kita akan dilihat sebagai satu badan. Kita tidak boleh mengesahkan bahawa orang-orang yang membuat rasuah ini berada di tempat lain tetapi kerana mereka juga adalah rakyat Malaysia.

Jadi perkara ini perlu kita rasa, pikul dengan penuh rasa tanggungjawab. Ini adalah merupakan senario-senario yang boleh mencorakkan satu *political backdrop* dan mencerminkan wajah keselamatan dan kestabilan negara kita. Kes-kes rasuah negara yang melibatkan tokoh-tokoh besar yang tidak dapat kita buktikan kegagalan-kegagalan kita untuk membuktikan dokumen-dokumen serta fakta-fakta kes tersebut. Ini juga perlu kita tinjau dengan lebih dalam kerana untuk menggalakkan perniagaan, perkara ini adalah juga berkaitan.

Oleh itu dalam usaha kita menggalakkan pelaburan kepada pelabur-pelabur asing, kerajaan perlu menunjukkan sesuatu yang lebih positif untuk mengembalikan kewibawaan. Saya mengguna pakai perkataan ini Tuan Yang di-Pertua, mengembalikan kewibawaan dan personaliti rakyat Malaysia yang berjaya menarik pelabur asing. Kerana kita melihat, dalam usaha kita menarik pelabur ini, kita balik kepada ajaran Islam, di mana kalau hendak pilih isteri, pilih cantik, pilih yang kaya, pilih yang keturunan baik dan pilih yang beragama. Kerana pemilihan ini akan mengikat kebahagiaan orang yang akan berkahwin.

Dalam hendak melabur juga sama. Wajah kena cantik, perangai kena elok, keturunan kena baik. Kalau semua tidak ada, macam mana kita hendak menggalakkan orang untuk datang ke Malaysia dan melabur ke negara kita. Kerana yang akan dia bawa bukan RM3.00 tetapi mungkin RM3 bilion. Ini perkara yang cukup besar yang perlu kita paparkan, corakkan kerana kita percaya bahawa dalam negara kita telah pun merdeka selama 50 tahun. Kita dalam keadaan membina sebuah bangsa. Jadi, membina ini mesti mula daripada asas yang kukuh dan inilah asas yang kita perlu fahami dalam usaha kita menggalakkan pelaburan ke negara kita.

Yang kedua, tentang isu nilai FDI yang diterima di negara kita. Adakah jumlah-jumlah yang kita keluarkan, merupakan satu FDI atau nilai FDI yang masuk atau hanya FDI yang di *approve* atau dibenarkan? Pada 2004, nilai FDI yang masuk ialah RM16.28 bilion, 2005 - RM14 bilion, 2006 - RM13.8 bilion. Kita melihat berlaku satu penurunan FDI yang diterima di negara kita.

Jadi perkara ini tidak menggembirakan sesiapa sahaja daripada Malaysia. Jadi satu perkara yang perlu kita fikirkan, adakah kita boleh merasa senang hati dalam keadaan begini dan oleh itu bila diluluskan satu Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) ini, satu perkara yang positif juga perlu dilakukan supaya nilai ini akan menunjukkan satu kenaikan pada masa hadapan. Jika kita melihat dalam perspektif yang lebih luas, iaitu di Asia mendapat lebih kurang RM805 bilion pada tahun 2006, FDI kita nilaian dalam peratusnya adalah 2.7% sahaja.

Oleh itu adalah dicadangkan sebagaimana cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Idris tadi untuk meletakkan atau mewajibkan *target* tertentu kepada semua pusat pelaburan kita di luar negara adalah satu perkara yang baik kerana mana-mana pelajar pun kalau tidak ada *target*, dia mungkin tidak akan menjadi pelajar yang cemerlang. Jadi, kalau kita berniaga, tidak ada *target* juga, ini merupakan satu perniagaan yang tidak akan membawa sebarang keuntungan. Walaupun saya percaya di peringkat ini, MITI telah pun ada *targets*, tetapi kalau *target* ini dizahirkan, ia lebih akan memberikan rasa bertanggungjawab kerana orang lain juga boleh menilai adakah mereka telah mencapai *target* yang ditetapkan oleh kerajaan.

Seterusnya tentang kedudukan bursa kita yang melonjak naik. Ini adalah kalau pada pandangan kasarnya, menyenangkan hati kita. Walau bagaimanapun kita harus melihat dari segi kualiti pelaburan. Saham ini boleh datang dan pergi. Pelajaran yang kita boleh ambil berlaku dalam bulan Februari di mana *Wall Street Journal* dan Shanghai telah pun menunjukkan satu kedudukan batu. Ianya telah menyebabkan kita boleh demam teruk. Jadi *fund managers* ini mungkin lebih menggemari *short selling* seolah-olah kita dalam keadaan bergantung kepada tiang yang sebenarnya kita tidak selamat untuk kita bergantung. Oleh itu kedudukan Bursa Saham yang kukuh pun, kita perlu ingat ia adalah satu *hot money* yang kita tidak boleh jadikan satu petanda bahawa negara kita adalah benar-benar dalam keadaan kukuh dan stabil dari segi ekonomi.

Seterusnya kita juga harus menilai sama ada FDI yang mencatat ataupun yang berada dalam penilaian kita itu adalah merupakan FDI dalam kategori mana? Sama ada FDI yang *repeated* atau yang baru? Sebab kalau sebagaimana juga saya ambil contoh, tentang berkahwin tadi, ada orang berkahwin, tetapi ada tiga tahun berkahwin, terus bercerai. Ada orang yang berkahwin boleh tahan lama. Kerana apa? Kerana inilah faktor-faktor yang kita perlu melihat. Sebab kita mahu pelabur yang datang ke negara kita, tidak akan pulang ataupun meninggalkan kita bilamana sudah habis segala insentif kita yang kita berikan, mereka sudah gunakan semuanya. Jadi kita mahu, kita mempunyai suatu nilai yang menyebabkan mereka akan terus ingin dan terikat untuk berada di negara kita kerana semua faktor yang ada di negara kita merupakan satu faktor yang kondusif untuk mereka berniaga.

Seterusnya juga dari segi kaedah birokrasi. Fakta daripada Bank Dunia dalam *ease of doing business index* dengan izin, menunjukkan perbandingan dalam kemudahan untuk memulakan satu perniagaan di negara Timur. Satu tempoh masa diberikan. Sebagai contohnya, di negara kita memerlukan sembilan langkah yang akan boleh ditamatkan dalam 30 hari. Singapura - enam langkah dalam enam hari. Australia - dua langkah, dua hari.

■1650

Ini merupakan satu perbandingan yang boleh kita lihat, sama ada sebarang manual kerja ataupun prosedur yang kita buat boleh kita pelajari daripada negara-negara yang telah pun efisien.

Bagaimana mereka boleh membuat perkara, menjadikan satu *business* satu kenyataan dalam masa yang begitu singkat. Begitu juga dengan kedudukan gudang. Di Malaysia, untuk membina satu gudang memerlukan 25 langkah dan memakan masa 280 hari. Di Vietnam, 14 langkah, 133 hari. Bagi orang berniaga, masa ini adalah emas. Oleh itu sewajarnya pihak kerajaan mengkaji dan melihat agar kaedah birokrasi ini jangan menjadi satu faktor penghalang ataupun penolak kepada akta yang kita luluskan untuk menggalakkan pelaburan.

Seterusnya bidang yang boleh kita tumpukan adalah sama sekali saya rasa tidak berbaloi ataupun adil untuk kita bandingkan antara kita dengan China, antara kita dengan Indonesia, sebab dari segi jumlah rakyat, mereka lebih ramai. Mungkin kos buruh lebih murah. Jadi, sebagaimana kita lihat sebagai satu contoh. Saya ingin petik perkataan yang diucapkan oleh seorang penulis, Ann Wan Seng dalam *Rahsia Bisnes Orang Cina*. Dalam buku ini, beliau menjelaskan bagaimana orang Cina yang juga sebahagiannya adalah rakyat kita, tidak akan menjual sesuatu atau membekalkan sesuatu yang telah dibekalkan oleh orang lain.

Jadi, kalau negara lain boleh membekalkan perkara itu, kita tidak harus bersaing dengan mereka yang lebih mampu untuk memberikan perkara yang sama juga kepada pelabur tersebut iaitu dalam konteks ini, kita hendaklah menggunakan atau mencari sesuatu yang berbeza, menggunakan pakai segala keistimewaan yang kita ada, pada rakyat kita untuk menarik pelabur. Sebagai contohnya kerana rakyat kita ini ialah rakyat yang kebanyakannya mempunyai tahap pendidikan yang tinggi, yang mahir, maka penumpuan boleh diberikan kepada mana-mana industri atau pelabur yang berkemungkinan membawa teknologi tinggi. Bukan lagi kilang-kilang yang biasa.

Begitu juga dengan perbankan Islam. Kita melihat bagaimana data yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia, perbankan Islam di Malaysia naik ke tahap yang begitu tinggi, kerana apa? Lebih daripada 50% pelanggan yang berurusan di perbankan Islam adalah orang yang belum Islam. Jadi ini menunjukkan bahawa kita mempunyai pasaran, keyakinan yang cukup luas untuk kita tawarkan ke seluruh dunia. Oleh itu sewajarnya perbankan Islam ini mendapat satu pandangan, satu kaedah yang lebih lagi kita berupaya agar kedudukan kita sebagai peneraju, pelopor kepada perbankan Islam di dunia ini boleh menjadi satu lagi *alternative business* ataupun pelaburan kita yang berbeza daripada negara lain kerana keistimewaan yang ada dalam negara kita contohnya dari sudut undang-undang dan pelaksanaan perbankan Islam itu sendiri.

Begitu juga dengan industri Takaful. Takaful itu industri perbankan iaitu insurans Islam ini juga mempunyai suatu masa depan yang cerah termasuk juga perniagaan *halal hub* sebagaimana yang telah dihujahkan oleh Dr. Puad tadi. Jadi adalah bagi saya, kita perlu menumpukan kepada sesuatu yang kita ada satu lagi sebagai contohnya menumpukan segala perhatian kita kepada perniagaan yang melibatkan bahan mentah yang kita ada. Contohnya kelapa sawit. Jadi ini juga

merupakan perkara-perkara yang perlu kita beri perhatian kerana ini adalah keistimewaan kita. Jadi kita tonjolkan yang kita ada, tak perlu kita bersaing dengan perkara yang kita tidak ada.

Yang seterusnya dari sudut infrastruktur yang ada, di samping kita membuat perkembangan-perkembangan dan kemajuan-kemajuan lain, adalah diharapkan kerajaan tidak melupakan dalam usaha kita menggalakkan pelaburan prasarana-prasarana termasuk pembinaan-pembinaan pelabuhan-pelabuhan baru di seluruh negara, hendaklah juga diberi perhatian sebagaimana yang saya hujahkan sebelum ini dalam rang undang-undang yang lain, kedudukan Kelantan, Terengganu, Pahang dari segi pembinaan Koridor Timur itu hendaklah dipercepatkan. Sebarang prasarana dan infrastruktur untuk membangunkan negeri-negeri ini akan menyebabkan berlaku keseimbangan pelaburan dan penggalakan pelaburan dalam bentuk yang bermanfaat kepada negara kita.

Seterusnya, bagaimana kita membicarakan tentang ini. Saya juga turut menyokong agar kalaulah sebagaimana yang dijawab oleh Dr. Puad tadi agar sebarang perkara yang kita boleh buat untuk kita memudahkan rang undang-undang ini, ataupun kita mansuhkan terus undang-undang ini, hendaklah dibuat dengan kadar yang cepat kerana ianya merupakan pintu masuk dan keyakinan kepada semua pelabur-pelabur yang akan datang ke negara kita kerana sebelum berniaga, mereka ingin melihat kesahihan dan kehalalan sesuatu perkara yang mereka buat, kerana ia nya melibatkan wang daripada luar. Dengan demikian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Datuk Abdul Rashid Ngah, kemudian Puan Heng Sei Kie.

4.55 ptg.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ikut sama membahaskan Rang Undang-undang 15/2007. Suatu akta untuk meminda Akta Penggalakan Pelaburan 1986, sukalah saya menyatakan Tuan Yang di-Pertua, saya pun pada mulanya seperti orang lain juga, payah nak memahami undang-undang ini kerana sebahagian besar daripada pindaan-pindaan ini dikatakan telah mula berkuat kuasa seawal-awalnya tahun 2001.

Jadi ertinya, faedah daripada pindaan-pindaan itu dalam bentuk galakan-galakan kerana kita bercakap berhubung dengan galakan-galakan yang bersifat pengecualian cukai atau sebagainya, telah pun dinikmati sebelum ini ataupun mungkin telah diberitahu akan dinikmati apabila rang undang-undang ini diluluskan. Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah kalau begitu keadaannya, syarikat-syarikat yang berkenaan dapat membuat semacam tuntutan daripada faedah-faedah yang sepatutnya dia dapat, tapi oleh kerana undang-undang ini belum lagi berkuat kuasa dan dia terpaksa menunggu untuk mendapat faedah itu.

Atau mungkin barangkali ada bayaran-bayaran tertentu yang telah dibuat atau faedah-faedah tertentu yang telah pun melepasi mata dia, tapi oleh kerana undang-undang ini telah diluluskan dan

manfaat daripada undang-undang ini ternyata ada, maka dia berhak dia membuat semacam *claim* atau tuntutan kepada kerajaan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bila saya halusi, saya dapati ada hikmatnya pindaan-pindaan yang dibuat yang sebahagiannya telah pun berkuat kuasa. Ini jelas menunjukkan keyakinan Yang Berhormat Menteri dalam hal ini, Menteri MITI kepada kerajaan untuk membawa undang-undang ini ke Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan kedua-dua Dewan ini tidak ada masalah untuk meluluskannya. Inilah hikmatnya bila Dewan ini dikuasai oleh jumlah majoriti yang besar. Tambah-tambah seperti Dewan Negara kita ini yang hanya mempunyai dua orang pembangkang saja yang kita tahu namanya pembangkang tapi dalam banyak hal menyokong kita...[Tepuk]

Jadi saya rasa ini memberikan semacam keyakinan kepada menteri yang berkenaan untuk terus memikirkan, apakah kaedah galakan-galakan atau insentif-insentif yang patut diberi untuk menarik lebih banyak pelaburan-pelaburan ke negeri kita ini dari luar ataupun menggesa supaya pelabur-pelabur yang sedia ada dalam negeri menambahkan pelaburannya dengan galakan-galakan yang seumpama itu.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian yang sekarang mungkin ada di Korea ataupun mungkin ada di Jepun atau mungkin ada di Hong Kong, menggalas sebahagian daripada tawaran-tawaran yang akan kita luluskan dalam rang undang-undang ini, yang telah pun barangkali menawarkan, menyebutkan tawaran-tawaran ini kepada pelabur-pelabur ataupun bakal-bakal pelabur tapi kalau kedua-dua Dewan ini tidak mempunyai kekuatan, maka saya rasa payah kepada Menteri, payah lagi kepada kerajaan untuk memperjudikan untung nasib undang-undang ini kerana ada undang-undang yang tertentu, ada dalam dewan-dewan yang tertentu di seluruh negeri di mana kerajaan kalah kerana pindaan-pindaan dan sebagainya, yang tidak dapat persetujuan daripada Dewan yang menunjukkan dengan jelas ketidakpercayaannya Dewan kepada apa yang dibentangkan itu.

■1700

Jadi dalam hal ini kita merasakan Alhamdulillah, kita selamat daripada menjadi perkara yang seumpama itu. Soalnya adakah perlu kita terus menerus menyambung amalan-amalan yang seumpama ini tetapi memikirkan bahawa kita terlibat dalam satu hal yang dinamik, seperti yang pernah disebut oleh sahabat-sahabat kita, iaitu pelaburan ini sesuatu yang dinamik yang memerlukan juga tindakan yang dinamik, yang perlu aktif, perlu agresif, perlu progresif, maka saya rasa tentulah kita tidak boleh mengikat kerajaan, mengikat menteri kita untuk tidak berbuat sesuatu ataupun berbuat sesuatu menunggu setelah diluluskan oleh Parlimen.

Bertambah-tambah penting hal ini yang dipertimbangkan Tuan Yang di-Pertua, bila kita memikirkan, kita jangan pandang jauh, pandang keliling kita *Asian country* di mana negara-negara ini berebut ataupun bersaing untuk menarik seberapa ramai pelabur-pelabur ke negeri masing-masing.

Dulu, seperti yang ditunjukkan kisahnya dalam perkembangan perindustrian di negara kita dan kita yang kita boleh dapat maklumat sedikit sebanyak dalam *Third Industrial Master Plan*, kita dapati kita jauh ke depan pada suatu masa dahulu. Sekarang ada sesetengah negara jiran telah pun ke depan daripada kita. Ertinya persaingan kita tidaklah sehebat dulu.

Bila saya bercakap pada hari ini, saya teringat kepada pertandingan bola AFC sekarang yang sedang berlaku. Dulu kita hebat, pasukan kita digeruni oleh lawan, dihormati oleh kawan, tetapi sekarang sudah tidak lagi. Begitulah halnya dengan perebutan atau persaingan pelaburan, yang barangkali lebih hebat daripada kita. Dalam kehebatan ini saya rasa boleh kita tengok daripada jenis galakkan-galakkan, insentif-insentif yang ditawarkan, tapi tidak semuanya saya rasa dalam hal bertanding ini kita mesti mengikut jejak langkah mereka.

Sebagai satu contoh misalnya, Yang Berhormat Dr. Puad tadi ada menyebut Singapura bersaing dengan kita, menawarkan tempat yang lebih baik kepada Universes Studio kalau saya tidak salah untuk membuat pelaburan di negeri Singapura yang akhirnya bila syarikat ini, yang juga mendapat tawaran daripada kerajaan Johor dan kerajaan kita memikirkan lebih baik, lebih untung dan lebih menyenangkan kalau ia melabur di Singapura. Yang nampak jelasnya di sini ialah insentif yang ditawarkan lebih daripada kita kerana adanya kasino yang akan didirikan.

Jadi dalam hal ini, kita bertanya diri kita, untuk bersaing, untuk menang adakah kita seharusnya ikut sama seumpama itu? Ini barangkali perkara yang harus dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, apa yang disebut selama ini, saya percaya negara kita terutamanya MITI secara khususnya Tuan Yang di-Pertua, telah mengadakan galakkan-galakkan yang banyak tetapi tidaklah sampai kepada peringkat berlebih-lebihan atau *excessive* dengan izin, yang menyebabkan cemburu pelabur-pelabur tempatan, kalau galakkan-galakkan seumpama itu diberikan lebih kepada pelabur-pelabur asing. Mungkin barangkali ada pihak-pihak tertentu, terutamanya yang merasakan dia lebih *nationalistic*, dengan izin, daripada pihak yang lain, merasakan tempat-tempat yang tertentu, kita melebihi orang asing daripada orang tempatan.

Saya rasa pada pandangan saya, pada hal ini tidak terjadi. Ertinya terdapat perhatian yang diberikan cukup cermat. Misalnya kita ambil satu contoh, bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan insentif daripada keuntungan harta tanah di Wilayah Pembangunan Iskandar, kita dimaklumkan bahawa tidak keseluruhan kawasan itu mendapat faedah daripada insentif ini. Ianya hanya di tempat yang tertentu, yang dinamakan umpamanya satu lot tertentu atau lot nombor satu dan begitulah keadaannya. Jadi ertinya, dalam menaburkan insentif-insentif yang seumpama ini kita perlu berlaku adil.

Satu contoh lagi Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya sebutkan sebagai insentif, kalau tidak salah ingatan saya, yang akhir tahun lalu atau mungkin di awal tahun ini, seorang perwakilan Amerika, saya lupa sama ada dia seorang senator ataupun seorang ahli kongres, mendesak

kerajaan Amerika supaya menghentikan rundingan untuk mengakhiri perjanjian perdagangan antara Malaysia dengan Amerika Syarikat kerana didapati kenyataan kita ataupun adalah sesuatu yang kita buat, yang mencerminkan bahawa kita tidak menyokong kerajaan Amerika dalam hal ini, tetapi Alhamdulillah, pemimpin-pemimpin kita tegas dalam hal ini mengatakan Amerika tidak seharusnya men *dictate* dengan izin, Malaysia sampai ke peringkat itu. Malaysia tidak seharusnya bersedia untuk menjual maruah kerana semata-mata mengharapkan sesuatu daripada perjanjian perdagangan ini.

Jadi, sehingga kini, alhamdulillah, dalam hal ini kita rasa walau kita berusaha bersungguh-sungguh untuk menyediakan sebanyak insentif atau galakkan yang boleh tetapi kita tidak lupa kepada prinsip-prinsip yang seharusnya kita pegang untuk menjaga maruah negara kita.

Satu perkara lagi dalam hal ini, ada sahabat-sahabat kita menyebutkan selain daripada insentif-insentif itu, sebenarnya kejayaan kita menarik pelaburan adalah dilihat oleh pelabur-pelabur kerana dasar-dasar negara kita. Dasar luar negara, dasar perindustrian kita yang tegas, dasar luar negara kita yang aktif, bebas, tidak menyebelahi mana-mana pihak. Namun, akhir-akhir ini oleh kerana keadaan dan senario politik dunia dan kita pula menjadi pengerusi OIC, kita terpaksa sedikit sebanyak menunjukkan kepada dunia bahawa kita menyebelahi atau menyokong kuat negara-negara Islam yang dibelasah, yang dikhianati oleh negara-negara lain.

Jadi dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, kita tidaklah seharusnya memikirkan keuntungan sementara dan melupakan keuntungan-keuntungan yang seharusnya kita pegang sebagai prinsip kenegaraan kita.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, suasana kestabilan politik pun disebut-sebut juga. Dalam hal ini baru-baru ini kita merasa kurang senang apabila seorang diplomat daripada negara Kesatuan Eropah membangkitkan isu Dasar Ekonomi Baru yang menunjukkan kepada mereka bahawa ada perbezaan yang diamalkan, ada semacam diskriminasi diamalkan oleh kerajaan kita terhadap penduduk-penduduk negara ini. Jadi mereka berpendapat kalau itulah yang diamalkan oleh kerajaan kepada penduduk-penduduk negara ini yang memang dia tahu berbilang bangsa, berbilang agama, berbilang keturunan, berbilang budaya tentulah diskriminasi yang seumpama itu pun mungkin dilakukan juga terhadap pelabur-pelabur asing.

Sebenarnya maklumat berhubung dengan Dasar Ekonomi Baru ini pada hemat saya Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja baru timbul dalam setahun dua ini dipelopori oleh UMNO, ia sudah lama. Sebahagian daripada rakyat Malaysia kita sendiri yang tidak setuju dengan Dasar Ekonomi Baru ini dulu pun pernah menjaja dan menyebut berkempen tentang keburukan dasar ini sudah lama dulu. Jadi saya rasa bukanlah diplomat ini tidak tahu, tetapi sengaja dia buat tidak tahu kerana rasa tidak perlu yang sebenarnya kita memberi penerangan kepada orang yang seumpama ini yang sebenarnya lebih daripada tahu kedudukan kita yang sebenarnya.

Jadi dalam hal ini ada hubungan yang sangat rapat berhubung dengan kestabilan politik. Seorang yang berkenaan tahu dan siapa pun tahu bahawa dasar kita dan kita pun selama ini menegaskan Tuan Yang di-Pertua baru kita mengamalkan perkongsian kuasa. Jadi di dalam perkongsian kuasa ini, amalan yang paling penting yang menjadi dasarnya ialah semangat ataupun kesediaan bertolak ansur. Mungkin barangkali kepada sesetengah kaum dikatakan bahawa dia telah banyak bertolak ansur, sudah lama bertolak ansur. Begitu banyak, begitu lama dia bertolak ansur tetapi tidak ada sebarang faedah yang diterimanya.

Mungkin setengahnya berpendapat bahawa satu golongan menikmati kuasa politik terlalu banyak dan sesetengah pula mengatakan bahawa dia tidak mempunyai kuasa politik tetapi dia mempunyai kuasa ekonomi yang banyak. Jadi kalau inilah dimainkan, maka saya rasa hasrat kita untuk melihat stabilnya politik di negara kita ini tidak akan tercapai. Jadi kalau ini yang dilihat oleh pelabur-pelabur asing, pelabur asing pun juga barangkali tidak lagi percaya tidak merasa keyakinan untuk melabur di sini. Walau bagaimana molek, walau bagaimana menarik sekali pun insentif, galakan-galakan yang diberikan kepada mereka sebab mereka tahu sebagai asas bahawa *political stability* dengan izin, tidak ada di negara kita.

Jadi kita seharusnya ingat dalam apa jua usaha kita menawarkan galakan-galakan kita jangan lupa jadikanlah *political stability* ini satu galakan yang mungkin barangkali tidak boleh diberi *nametag* tidak boleh di *quantify* dengan izin, tetapi dia merupakan satu galakan yang sangat-sangat berharga Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Munusamy: Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Dato', terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam hujah Yang Berhormat saya sangat tertarik bahawa *political stability* itu agaklah sangat mustahak supaya kita menarik pelaburan dari luar negara. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa perpaduan itu menjadi asas kepada *political stability* di negara ini dan pemimpin-pemimpin masa lalu dan juga pemimpin-pemimpin masyarakat pada masa ini terutamanya pemimpin-pemimpin politik dalam parti Barisan Nasional telah bersetuju dan telah menerima supaya *New Economic Policy* itu, Dasar Ekonomi Baru diteruskan dan pengagihan kek ekonomi itu dapat dinikmati oleh semua masyarakat dalam negara ini.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menubuhkan *National Unity Council* ataupun Majlis Perpaduan Negara supaya untuk mencerminkan bahawa perpaduan itu adalah sangat-sangat mustahak dan terus dipatuhi dan juga dihargai oleh bukan juga masyarakat sekarang tetapi juga masyarakat-masyarakat yang akan datang, turun-menurun dan ini akan terus menjadi satu faktor yang penting untuk menjaga *political stability* dalam negara ini. Apa pandangan Yang Berhormat Dato'?

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sangat bersetuju dengan pandangan dan ulasan Yang Berhormat. Kepada saya, *political stability*, asas kemajuan

pembangunan negara dan di bawah *political stability* ini perpaduan yang disebut Yang Berhormat itulah menjadi asas. Tidak mungkin ada *political stability* pada hemat saya, dengan izin Yang Berhormat kalau tidak ada perpaduan. Malah sesetengah pihak merasa cemburu melihat adanya *political stability* di negara kita, melihat berpadu, satu moleknya rakyat negara kita, sesetengah pihak.

Jadi sebab itu bila kita sampai kepada peringkat merayakan 50 tahun kemerdekaan kita, kita seharusnya mencari jalan seberapa yang boleh, mengingatkan anak-anak kita, generasi baru Malaysia bahawa kestabilan politik, kemakmuran yang mereka dapati sekarang ini tidak datang bergolek, tidak begitu senang tetapi telah diperjuangkan begitu susah payah oleh pejuang-pejuang dulu. Sebab itu dalam ucapan saya yang lalu pun saya mencadangkan selain daripada kegiatan-kegiatan biasa yang kita sebut untuk memuliakan hari keramat ini, 31 Ogos ini, kita haruslah membuat sebuah buku di mana kita menulis bagaimana lahirnya sebuah negara yang bernama Malaysia berasaskan kepada satu kontrak yang dipersetujui bersama.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau semua rakyat bersetuju dengan apa yang dilaksanakan sekarang oleh Kerajaan Barisan Nasional yang mencerminkan perpaduan kaum. Seharusnya rakyat Malaysia ini sekali lagi dalam pilihan raya akan datang memberi kuasa kepada kerajaan yang ada sekarang ini untuk terus mengamalkan ini, untuk menunjukkan ada perpaduan yang kukuh dan adanya *political stability* yang boleh kita jual, yang boleh kita beritahu kepada sesiapa pun yang hendak melabur di negara ini.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Mohon laluan, Tuan Yang di-Pertua mohon laluan, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin mencelah kerana tertarik dengan perbahasan yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Dato' Rashid mengenai perpaduan ini. Saya teringat satu kata-kata yang dihujahkan oleh Thomas Cromwell di England, 100 tahun yang dulu semasa saya ingat mula-mula wujudnya Parlimen di sana. Dia kata dengan izin, "*Parliament is built in order to substitute fisticuffs*". *Fisticuffs* ini tumbuk menumbuklah, tetapi kata 'Thomas' Cromwell itu salah juga...

Tuan Yang di-Pertua: Oliver, bukan Thomas.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Oliver Cromwell *sorry*, Oliver Cromwell, maaf dengan izin, nama itu sudah terlupa dalam ingat saya, tetapi ternyata dia salah juga kerana wujud Parlimen di tempat lain kita tengok orang bertumbuk menumbuk.

▪ 1720

Mereka satu bangsa, satu warna kulit, satu bahasa, tetapi tumbuk-menumbuk. Parlimen nyata tidak ada perpaduan. Di Malaysia kita berbagai rupa, pelbagai bangsa, kaum etnik. Rupa tidak sama memang perkara biasa. Di Parlimen ataupun bukan di Parlimen kita bukan saja mewujudkan perpaduan, tetapi kita mengamalkan perpaduan. Oleh kerana itu saya ingat *our greatest selling point*, dengan izin, untuk kestabilan politik ialah perpaduan. Apa kata Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa *political stability* perpaduan merupakan *the greatest selling point* dalam hubungan kita membincangkan masalah galakan ataupun insentif. Apa yang kita bimbang orang satu bangsa bertumbuh, tetapi tidak berpecah, tetapi kita berlainan bangsa berbaik-baik, tetapi tidak bersatu. Itu yang kita bimbang. Kemungkinan-kemungkinannya ada, tetapi kalau kita boleh berusaha saya rasa belum terlambat.

Walaupun kita sudah merdeka 50 tahun dan kita tidak yakin bahawa apa yang kita telah capai selama ini merupakan sesuatu yang begitu kukuh, yang tidak boleh pecah. Kalau begitu kedudukannya kita berusahalah terus-menerus. Katakan bahawa kita bukan sahaja dalam Parlimen yang berbagai kaum dan keturunan tidak bertumbuh, tetapi kita sebenarnya terus-menerus berpeluk dan bermesra di luar Parlimen juga.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi galakan ataupun insentif yang saya rasa payah hendak diperundang-undangkan, hendak dimasukkan dalam undang-undang yang seumpama ini iaitu satu *delivery system* yang cukup efisien. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Puan Mumtaz tadi saya rasa di Malaysia mengambil masa sekian lama, di Vietnam mengambil masa sekian lama untuk mendirikan kilang. Jelas menunjukkan ada hubungan yang rapat dengan *delivery system*.

Dalam hal ini, dalam *delivery system* ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah sedar, Menteri-menteri Kabinet sedar dan pemimpin-pemimpin kita pun sedar dan kita pun turut sedar sebab itu kita bercakap pada hari ini. Sudah beberapa lama di dalam Dewan ini bahawa pelabur-pelabur, bukan setakat pelabur asing tetapi pelabur-pelabur dalam negara juga melihat sejauh mana seruan, sejauh mana gesaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu sekarang bertambah baik terutama sekali dalam hal-hal yang ada hubungannya dengan pelaburan, dengan mendirikan kilang, kelulusan tanah dan sebagainya.

Jadi, kita berharap hari ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua berilah kuasa tertentu, mungkin barangkali kita ada satu badan atau jawatankuasa atau lembaga yang kita sebut 'Permudah' sekarang yang telah ada di peringkat Persekutuan, daripada kawasan-kawasan koridor. Misalnya Wilayah Pembangunan Iskandar, satu 'Permudah' kepada Koridor Sabah, Sarawak, satu PERMUDAH kepada Koridor Utara, satu 'Permudah' dan kepada Koridor Timur, satu 'Permudah' supaya pelaburan-pelaburan yang hendak datang ke tempat-tempat ini dipermudah dan dipercepatkan.

Kita berharap bukan sahaja pelabur-pelabur datang ke tempat-tempat seperti Wilayah Pembangunan Iskandar kerana ada tarikan-tarikan yang lain. Misalnya kerana dekat dengan Singapura atau dekat dengan kawasan-kawasan yang telah membangun, tetapi kita juga harus menarik ataupun menawarkan insentif yang lebih baik daripada apa yang ditawarkan oleh Wilayah

Pembangunan Iskandar untuk Koridor Timur, Utara, Sabah dan Sarawak. Dengan mengingatkan bahawa tidaklah sampai kepada satu peringkat negara kita terkadai.

Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, saya rasa untuk melihat kawasan-kawasan ini maju, menerima pelaburan-pelaburan yang banyak dalam jangka waktu sepuluh ataupun sebelum tahun 2020 satu perkara yang mendukacitakan. Inilah perkara yang patut kita timbang Tuan Yang di-Pertua. Dalam hubungan dengan *delivery system* ini kita tidak dapat melarikan diri daripada kakitangan kerajaan itu sendiri. Seperti yang disebut dengan jelas dan panjang ini oleh sahabat kita Dato' Gooi. Saya cukup setuju dengan apa yang disebutkan itu.

Akan tetapi dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja dia melibatkan pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Perusahaan. Ia merupakan rangkaian yang saling kait mengait dengan jabatan-jabatan yang lain. Jadi kita haruslah memberikan sebanyak kemudahan yang boleh dan alhamdulillah kita telah menaikkan gaji pegawai-pegawai kita. Kita berilah kemudahan-kemudahan lain termasuk kemudahan-kemudahan untuk pegawai-pegawai kita menerima latihan untuk kebaikan khidmat mereka pada masa-masa yang akan datang.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan. Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan kakitangan kerajaan. Kadang-kadang Yang Berhormat kita lihat kakitangan kerajaan ada yang bekerja kuat, beramanah, *educated*, diberi latihan yang baik, tetapi apabila kenaikan pangkat, ada orang yang tidak bekerja kuat, malas, tetapi bila mari naik pangkat, orang ini yang dapat, orang yang bekerja kuat tidak dapat. Jadi ini kadang-kadang kakitangan kerajaan rasa kecewa. Jadi inilah kadang-kadang melemahkan jentera kerajaan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Haji Abdul Rashid Ngah: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Musa. Saya percaya ada dan inilah salah satu daripada sebab bukan saja merasa kecewa, tetapi terdapat juga rasuah. Sebahagian daripada orang yang berkehendakkan supaya khidmatnya itu dipercepatkan. Misalnya katalah pemaju kawasan perumahan dan sebagainya fikirkan dalam keadaan yang seumpama ini, di mana pegawai-pegawai tidak boleh digalakkan bekerja lebih kuat, maka sesuatu mestilah diberi. Sesuatu itu sekali imbas dapat disebutkan galakan juga tetapi sebenarnya bukan galakan ia adalah rasuah Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, inilah perkaranya kita bimbang kalau terjadi seumpama ini. Alhamdulillah, kita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada menteri MITI Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah yang saya rasa terus aktif bergerak ligat macam gasing untuk menarik pelaburan masuk ke negara kita. Sehingga kadang-kadang dia merasa adalah lebih penting berkempen menaburkan khidmat, menawarkan insentif-insentif untuk menarik pelabur-pelabur luar daripada mendengar kita berucap tentang pelabur-pelabur luar. Ini barangkali boleh kita maafkan kepada dia Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Orang lama-lama ini halus....

Dato' Haji Abdul Rashid Ngah: Maaf Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa dengar itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya kata orang lama-lama ini halus, *subtle*.

Dato' Haji Abdul Rashid Ngah: Memang tabiat dia barangkali Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia kasar, orang kata rakus. Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa cukup. Yang Berhormat boleh sambung. Dewan bersidang semula pada hari Isnin.

Dato' Haji Abdul Rashid Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada satu, dua lagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan bersidang semula pada hari Isnin pukul 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.